

anwar ibrahim

Cekal dan Tabah

J. Victor Morais

*Diterjemahkan
oleh*

Abdul Razak bin Haji Abdul Rahman



arenabuku sdn. bhd.

Kuala Lumpur
1984

Edisi Bahasa Malaysia
© arenabuku sdn. bhd. 1983

Diterbitkan oleh
arenabuku sdn. bhd.
49 Jalan Tun Mohd. Fuad Tiga,
Taman Tun Dr. Ismail,
Kuala Lumpur, Malaysia.

ISBN 967-970-006-2 (Kulit Tebal)
ISBN 967-970-005-4 (Kulit Nipis)

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau ditukarkan ke dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran daripada pemilik Hakcipta terlebih dahulu.

M
122-2595
ANU-M
392778
APB

Ditaipset oleh Huruf Sedia Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, Malaysia.
Dicetak oleh Chee Leong Press Sdn. Bhd., Ipoh, Malaysia.

Edisi Bahasa Inggeris
© Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd.

16 JUL 1986
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

<i>Pendahuluan</i>	<i>iv</i>
I. Meningkatkan Ke Tahap Golongan Yang Terkemuka Di Dalam Negara	1
II. Seorang Yang Suka Membangkitkan Pertikaian	14
III. Anwar Memasuki UMNO	38
IV. Anwar Dalam Kerajaan	65
Kata-Kata Sahabat Serta Sahabat Seperjuangan	76
<i>Ucapan-Ucapan Terpilih</i>	
Persidangan Antarabangsa Teknologi Dan Islam	82
Penyelesaian Kepada Masalah Masyarakat Majmuk	86
Intisari Program-Program Berasaskan Islam	91
Konsep Keislaman: Pengalaman Malaysia	94
Kelahiran Semangat Kerohanian Persatuan - Peranan ABIM	102
Khayalan Yang Menambahkan Kehampaan	104
Anak Kunci Kepada Penyibaran Dakwah Islam	107

PENDAHULUAN

Semenjak Anwar Ibrahim memasuki UMNO dan kemudiannya dipilih sebagai ahli Parlimen di bawah tiket Barisan Nasional dan perlantikan beliau sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, beliau telah menjadi buah mulut dalam golongan masyarakat, politik dan perniagaan bersabit dengan seorang yang baru muncul di pentas politik Malaysia. Pada hari ini Anwar adalah terkenal di khayalak antarabangsa, terutamanya di kalangan penganut agama Islam. Beliau dianggap seorang pemidato yang berkesan serta mempunyai pemikiran yang logik. Waktu berpidato beliau selalu memberikan pendapatnya secara terus-terus dan penuh dengan keyakinan tanpa menaruh sebarang syak sekalipun di kalangan rakan-rakan sepejuangan.

Anwar telah membuktikan dirinya sebagai seorang yang tepat dan teguh pada prinsipnya dan sanggup menentang kerana kebenaran demi menegakkan keadilan dan kejujuran. Pada suatu masa, beliau adalah seorang pengkritik yang berkesan terhadap kerajaan dan telah pada suatu ketika dahulu ditahan beberapa bulan setelah dituduh terlibat dan menyertai tunjuk perasaan penuntut dalam tahun 1974. Hari ini beliau dianggap lebih terkenal sebagai pembangkang utama Pindaan Akta Kemasyarakatan 1981 dan 1982. Sebagai Pengerusi untuk menyelaraskan kumpulan organisasi yang membangkang pindaan tersebut beliau telah dapat menggabungkan kemunculan kumpulan-kumpulan yang mewakili campuran masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Meningkat Ke Tahap Golongan Yang Terkemuka Di Dalam Negara

Anwar Ibrahim dilahirkan pada 10hb Ogos, 1947 di Cerok To'kun, Bukit Mertajam dari keluarga yang telah lama biasa dengan ketatanegaraan. Bapa Anwar, Haji Ibrahim bin Abdul Rahman, adalah bekas ahli Parlimen dan Setiausaha Parlimen di Kementerian Kesihatan. Rani Ibrahim, salah seorang daripada adik-beradik Anwar, adalah bekas Presiden Majlis Belia Malaysia dan sekarang masih cergas terlibat dalam UMNO Bahagian Mata Kuching, Province Wellesley.

Anwar mula-mula bersekolah di Sekolah Kebangsaan, Cerok To'kun, dan kemudiannya di Sekolah Stowell. Di sinilah beliau mula-mula sekali mendapat pendidikan ilmu keagamaan dan di sinilah bermulanya tujuan hidupnya belajar mengamalkan prinsip-prinsip Islam untuk penyelesaian masalah-masalah politik negara.

Anwar meneruskan pelajarannya di Kolej Melayu, Kuala Kangsar dari tahun 1960 hingga 1966. Kepada penuntut yang cerdas lagi rajin ini, sifat-sifat kepimpinan seolah-olah kebolehannya yang memang pembawaannya. Beliau memperkenalkan dirinya dengan menyertai pertandingan perbahasan antara sekolah-sekolah dan tidak lama pula telah dilantik Ketua Sekolah. Beliau juga seorang yang luas pembacaannya, iaitu buku-buku yang berkaitan dengan keagamaan dan masyarakat khususnya.

Dalam tahun 1967 beliau telah dapat memasuki Universiti Malaya di mana dia telah mendaftarkan namanya untuk memperolehi ijazah dalam bidang Pengajian Melayu. Sungguhpun beliau adalah penuntut akademik biasa sahaja, tetapi Anwar belajar bersungguh-sungguh serta mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan luar sekolah dalam hal aktiviti-aktiviti penuntut. Menjelang tahun 1968 beliau menjadi Presiden Kesatuan Bahasa Melayu serta menjadi Presiden Kesatuan Kebangsaan Penuntut Muslim Malaysia.

Dalam tempoh inilah Malaysia berada dalam keadaan genting sekali. Peristiwa 13hb. Mei dalam tahun 1969 menggemparkan negara di mana perkara-perkara pokok sosial telah menjadi perkara

perdebatan dan perbincangan yang hebat di universiti. Suasana kampus telah mula berubah dari berdasarkan sikap barat kepada suasana keislaman serta penilaian ketimuran.

Pada masa ini Dr. Mahathir telah berganding bahu dengan Anwar menentang Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dan juga mempertahankan hak-hak bangsa Melayu dalam bidang pelajaran dan ekonomi. Pada pandangan Anwar, Dr. Mahathir menggambarkan "pandangan jelas terhadap rintangan atau kemunduran, kemerosotan dan rasuah sebegitu ketara semasa pemerintahan Tunku, ditambahkan lagi dengan kelemahan-kelemahan Tunku dalam pelaksanaan dasar Bahasa dan Pelajaran." Selepas tunjuk perasaan anti-kemiskinan yang telah diadakan di negeri Kedah dalam tahun 1974, kedua-dua orang ini telah mula berenggang dari sudut politik, tetapi di sebaliknya mereka saling mengikuti dan menghormati pandangan dan pendapat masing-masing.

(Mungkin peristiwa yang paling penting dalam riwayat hidupnya berlaku dalam bulan Ogos, 1971 apabila beliau bersama-sama dengan beberapa orang rakannya, menubuhkan "Muslim Islamic Youth Movement." Hari ini lebih terkenal dengan nama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Pada asalnya dalam tahun 1969 dicadangkan sebagai tunas Kesatuan Kebangsaan Penuntut Muslim Malaysia (National Union of Malaysian Muslim Students). Matlamat pertubuhan ini ialah memperlengkapkan pelantaran bagi penuntut yang mengambil ijazah dari universiti-universiti dan maktab-maktab masing-masing yang telah bergiat dalam dakwah (gerakan pendita yang diutuskan bagi mengembangkan ajaran agama Islam) untuk meneruskan mengembangkan ajaran Islam. ABIM juga hendak menghasilkan gerakan Islam sebagai jalan penghidupan kembali ke ajaran agama Islam di Malaysia.

(Oleh kerana ABIM baru muncul dalam arena sosial dan politik Malaysia, ia telah dianggap bertentangan oleh kumpulan-kumpulan yang tertentu. Anwar terpaksa menunggu selama 18 bulan untuk mendapatkan perasmian pendaftaran itu. Menurut setengah-setengah pemerhati, merebaknya pemulihan pengembangan gerakan ajaran Islam pada awal tahun tujuh puluhan telah memeranjatkan kedua-dua parti UMNO dan PMIP. Kedua-dua parti tidak berjaya memeralatkan kumpulan-kumpulan ini bagi faedah mereka. Tambahan lagi, nampaknya dengan wujudnya ABIM dan PERKIM sebagai pertubuhan yang sah dari segi undang-undang (diketahui oleh bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman) telah menggalakkan lagi penubuhan gerakan ta'asub atau fanatik.

Namun demikian, hakikatnya agak berlainan. Dengan memperkenalkan cara hidup mengikut ajaran Islam yang sebenarnya daripada mengadakan suatu bentuk amalresam, ABIM sebenarnya telah memberi perubahan yang sejati kepada kumpulan-kumpulan dakwah yang telah muncul macam cendawan tumbuh dalam tahun tujuh puluhan. Nampaknya kumpulan-kumpulan dakwah tersebut amat keterlaluan sehingga mengasingkan langsung diri daripada suatu masyarakat yang memandang jauh. Sebaliknya mengembangkan kumpulan yang tersendiri dengan mengikut amalresam dengan sekeras-kerasnya.

Tun Razak adalah seorang ahli UMNO yang kanan yang pertama sekali mengiktirafkan bakat Anwar. Dalam tahun 1971, semasa bapa Anwar menghadiri perayaan harijadi Tun Razak, Allahyarham Tun menanyakan bila Anwar akan menamatkan pelajarannya di Universiti Malaya dan terus mencadangkan kepada Haji Ibrahim supaya menghantar anaknya ke seberang laut untuk menuntut ilmu undang-undang supaya boleh menjadi pemimpin kelak.

Anwar telah menyangkal tawaran itu. Dalam tahun 1970 Allahyarham Tun telah juga berulang kali cuba memujuk Anwar memasuki parti UMNO tetapi semuanya ini dipandang sepi oleh Anwar dan telah menolaknya sama sekali. Anwar mula menegakkan pendiriannya dalam lapangan politik melalui politik yang berkuasa. Adalah dilaporkan bahawa kegigihannya menolak tawaran tersebut telah mengecewakan dan mungkin menyinggung perasaan hati Tun Razak yang telah menaruh harapan menggalakkan pemuda-pemuda yang dapat menyampaikan pendapat dan perasaannya dengan kata-kata yang jelas mudah dan indah, seperti Anwar itu, memasuki parti UMNO. Walau bagaimanapun Anwar lebih berminat bekerja sendiri tanpa terkongkong kepada mana-mana parti.

Sepanjang hidupnya, Anwar telah menumpukan perhatiannya khususnya kepada hal-ehwal belia-belua dalam negeri. (Dalam tahun 1971 Tun Razak telah melantik Anwar mewakili Malaysia ke Seminar Belia Antarabangsa yang diselenggarakan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.) Dalam tahun yang berikutnya beliau menjadi Ketua Majlis Belia Malaysia, dan kemudian menjadi ahli Kumpulan Penasihat Belia-belua Bangsa-bangsa Bersatu.

Minatnya terhadap belia bukan pula tertumpu kepada persidangan-persidangan atau memegang jawatan tinggi sahaja. Dalam tahun 1971 dia telah membantu menubuhkan Yayasan Anda Akademik yang bertujuan untuk mengatasi masalah keciciran di kalangan pelajar-pelajar Melayu. Kesan-kesan penglibatannya

terhadap tujuan ini boleh didapati dari suatu kejadian dalam tahun 1974. Anwar diberi tawaran memegang jawatan di FAO (Food and Agriculture Organisation) Bangsa-bangsa Bersatu dengan bergaji \$2,000/= sebulan. Tetapi beliau telah menolak tawaran ini, dan rela menerima gaji sebanyak \$350/= di (Yayasan Anda Akademik.)

Rakan-rakan Anwar yang bersama-sama dengannya mula-mula melancarkan Yayasan Anda Akademik adalah Encik Kamaruddin bin Mohammad Nor, bekas Pendaftar dan Pengarah Sekolah; Encik Mina bin Ahmad, seorang guru, yang sekarang mengelolakan sekolahnya sendiri; Ustaz Osman bin Bakar, Pegawai Perhubungan Am di sebuah syarikat pembinaan di negeri Perak; Encik Mohammad Zakir bin Abdul Rahman, Setiausaha Majlis Sukan Negara dan Encik Ahmad Fakri bin Abdullah yang bertugas dengan Tabung Perwira, Kementerian Pertahanan.

Gerakan enam orang pemuda ini dianggap oleh beberapa orang ahli pendidikan sebagai suatu kejayaan yang luarbiasa dan istimewa. Institusi jenis ini yang pertama sekali ditubuhkan di Malaysia. Ia bermula secara sederhana sahaja di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Sekolah ini mula-mulanya mempunyai 80 orang pelajar sahaja tetapi tidak lama kemudian pendaftarannya semakin bertambah. Kemu-diannya telah mendapat sebuah bangunan yang lebih besar di No. A1-2, Bangunan UDA, di Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur, berhampiran dengan Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan. Yuran yang dikenakan sederhana sahaja supaya pelajar-pelajar dari keluarga miskin mampu membayarnya untuk memasuki sekolah itu.

Pengasas Yayasan ini telah mengutip derma daripada orang-orang Islam dan juga daripada orang-orang bukan Islam, khususnya peniaga-peniaga. Biasiswa diberi kepada pelajar-pelajar yang miskin. Semua pengasas ini telah mengorbankan masa, tenaga dan wang untuk men-jayakan projek pendidikan yang tidak ada taranya. Selaku guru-guru, graduan-graduan muda ini menerima gaji dari \$150/= hingga \$250/= tiap-tiap seorang, sedangkan rakan-rakan mereka yang sama kelayakan pelajarannya menerima gaji yang banyak dan lumayan dari sekolah-sekolah lain.

Hari ini Yayasan Anda Akademik di Pantai Baru mempunyai lebih daripada 1,200 orang pelajar, sementara sekolah di Kampung Baru itu adalah lebih daripada 400 orang murid-murid. Pelajar-pelajar itu datangnya dari merata-rata tempat di seluruh Malaysia termasuk Sarawak dan Sabah. Segala aktiviti-aktiviti biasa yang diadakan di sekolah-sekolah adalah digalakkan oleh Yayasan Anda Akademik. Anwar berkhidmat selaku Pengetua Sekolah itu sehingga perlan-

tikannya sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dia juga berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Sekolah itu.

Anwar dan rakan-rakannya telah melancarkan Yayasan Anda Akademik dengan kemajuan sosio-ekonomi di kalangan yang tidak berada sebagai tujuan utama mereka. Anwar yakin bahawa percubaan mencapai matlamat ini menerusi ajaran Islam tidaklah bertentangan dengan masyarakat majmuk di Malaysia ini.

Hari ini lebih daripada 100 orang pelajar dari Yayasan Anda Akademik adalah pemegang ijazah dari Universiti Malaya, sementara beberapa orang lagi telah pergi ke Amerika Syarikat atau ke United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran tinggi masing-masing. Pakar-pakar pendidikan dari Timur Tengah khususnya, telah mengunjungi sekolah ini dan menyampaikan ucapan mereka kepada guru-guru dan pelajar-pelajar.

Ramai juga cerdik pandai telah menumpukan perhatian mereka terhadap pengembangan institusi ini serta menawarkan bantuan seterusnya terhadap pengembangannya. Di antara mereka yang telah menyertai seminar-seminar dan forum-forum yang diselenggarakan oleh sekolah itu ialah Datuk Mohammad Yaakub, Menteri Besar Kelantan, yang juga seorang peguam. Datuk Asri Muda, bekas Presiden PAS, telah menghantar tiga orang anak perempuannya untuk belajar di sekolah itu.

Dalam lawatan saya ke Yayasan Anda Akademik baru-baru ini saya amat tertarik hati dengan dedikasi yang ditunjukkan oleh guru-guru serta cara-cara menjaga disiplin sekolah. Seorang bekas pelajar memberitahu saya bahawa satu daripada sifat-sifat sekolah itu yang teristimewa ialah perhatian peribadi yang diberi oleh guru-guru terhadap pelajar-pelajar itu dan khususnya kepada mereka yang mundur dan lemah pelajarannya. Sementara itu, sekolah ini menitikberatkan penyuburan pengajian Agama Islam; Bahasa Inggeris adalah mata pelajaran yang wajib bagi semua pelajar kerana guru-guru itu menyedari yang bahasa itu adalah bahasa antarabangsa yang kemudian hari nanti adalah amat berguna kepada pelajar-pelajar itu.

Atas galakan yang diberi oleh guru-guru Yayasan Anda Akademik, pelajar-pelajarnya dapat menyertai perbahasan antara sekolah-sekolah. Pada 24hb September, 1982 di Pesta Universiti Malaya, Kolej Pertama, suatu pertandingan perbahasan telah diadakan di antara lapan sekolah persendirian untuk merebut Piala Anwar Ibrahim. Ini adalah pertandingan perbahasan pelajar-pelajar dari sekolah persendirian yang julung kali diselenggarakan dalam per-

ingkat kebangsaan. Ada tanda-tandanya yang menunjukkan bahawa Yayasan Anda Akademik ini akan berkembang dan terus maju di tahun-tahun yang akan datang.

Anwar sering membahaskan bahawa orang-orang Muslim di Malaysia mesti menjalani perubahan yang menyeluruh yang timbul dari kepercayaan agama dengan itu mewujudkan sistem sosial yang bernilai moral yang tinggi untuk menjamin kesejahteraan, harmoni dan persamaan. Dalam tahun tujuh puluhan beliau sering mengkritik kerajaan kerana tidak mengikut prinsip-prinsip ajaran agama. Dalam tahun 1979, misalnya di Kongres Tahunan, ABIM telah meluluskan suatu ketetapan berkaitan dengan rasuah, menyalahgunakan kuasa politik, eksploitasi buruh, tahanan tanpa dibicarakan terlebih dahulu, dan lain-lain perkara yang "menyinggung semangat keadilan ajaran agama."

Orang-orang yang berpendapat bahawa Anwar sebagai puak pelampau yang merbahaya pada masa itu suka menyatakan dengan samar-samar berkenaan penangkapannya dalam tahun 1974 berikut dengan tunjuk perasaan oleh penuntut-penuntut Universiti Malaya membantah tentang kemelaratan penduduk-penduduk luar bandar. Namun, dengan siasatan yang rapi sekali lagi menggambarkan kejujuran dan keikhlasannya. Tahanannya selama dua tahun di bawah syarat-syarat undang-undang ISA berakhir tanpa sebarang dakwaan ke atasnya. Akhirnya beliau telah dibebaskan dalam tahun 1976 tanpa mengakui sebarang tuduhan jenayah.

Dalam tahun 1970 ramai pemerhati, memerhatikan perkembangan kekukuhan gerakan pemuliharaan ajaran Islam di dalam negeri. Perkara ini telah menyarankan bahawa ABIM mempunyai hubungan rapat dengan hukum-hukum atau peraturan-peraturan asas PMIP. Datuk Asri Muda (Presiden PMIP) telah dilaporkan menyatakan hendakkan Anwar memasuki parti itu. Lain-lain ahli ABIM telah pun memasukinya. Dalam bulan Mac 1978 dalam pilihanraya negeri Kelantan, misalnya beberapa orang ahli PMIP yang menentang UM-NO adalah juga ahli-ahli ABIM.

Dalam masa pilihanraya, Anwar telah menentang Kerajaan Persekutuan mengenakan undang-undang darurat di dalam negeri dan beliau juga menjelma di pertemuan rapat bagi pihak PMIP. Walau bagaimanapun, dia enggan memberi sokongan kepada parti itu pada amnya. "Apa yang kami lakukan," kata Anwar hanya menegaskan dasar rasmi ABIM, "adalah untuk menyatakan kami memandang berat dan tidak bersetuju dengan keadaan darurat itu. Kami tidak bersetuju dengan cara pilihanraya itu dijalankan dan

kami juga tidak bersetuju dengan ideologi UMNO sebagai pengganti yang sesuai kepada PMIP di Kelantan. Ini semua telah dinyatakan dengan jelas. Tetapi tidak pula sekali-kali kami menyuarakan sokongan kami terhadap dasar-dasar PMIP dalam negeri itu." ABIM bergerak sebagai sebuah pertubuhan yang tulen serta dengan bebas.

Tidak lama kemudian dia telah ditanya oleh seorang wartawan sama ada dia percaya bahawa PMIP dapat memerintah Malaysia dengan lebih baik lagi daripada UMNO. "Mereka belum pula menjelaskan atau pun membincangkannya dengan panjang lebar," jawab Anwar. Kemudian dia berkata lagi, "Sebagai parti yang telah wujud dan bergerak sejak beberapa tahun yang lampau [PMIP telah ditubuhkan dalam tahun 1949], mereka tentu dapat sekurang-kurangnya menyampaikan sesuatu dengan lebih tegas kepada rakyat jelata."

Selepas perlantikannya selaku Presiden ABIM dalam tahun 1974, Anwar menyatakan dasar ABIM tentang isu sosial dan ekonomi secara meluas. Beliau memberi alasan bahawa bank-bank ditambahkan kredit bironya selaras dengan hukum Islam yang tidak menuntut faedah. Beberapa bulan kemudian dalam tahun 1982 beliau memasuki UMNO. Anwar telah berpuas hati mendapati bahawa kerajaan telah memberi perhatian kepada idea ini dan telah diundang membantu untuk menubuhkan Bank Islam. Beliau percaya bahawa kerajaan Islam yang sempurna mesti juga memberi keutamaan mengadakan taraf hidup yang boleh diterima oleh rakyat jelata tanpa mengira bangsa.

Islam, tegasnya, tidak anti-pembangunan. "Adakah kemodenan bermakna bahawa dengan mengadakan kilang yang mengeluarkan arak White Label?" dia bertanya. Kalau demikian ABIM tidak teragak-agak membangkangnya. "Adakah kemodenan bererti mengadakan kilang elektronik dan lain kilang yang sedemikian? Maka tentu sekali kami sokong demi kemodenan. Tidak ada tertulis dalam hukum Islam yang menentang pembangunan, tetapi pembangunan atau perkembangan itu mestilah berdasarkan moral. Ianya mesti adil dan bukan mengeksploit."

Lain-lain isu yang dikemukakan oleh Anwar dalam tahun tujuh puluhan termasuk penggunaan Bahasa Malaysia di universiti-universiti di Malaysia dan juga penubuhan Universiti Islam. Beliau menentang penindasan ke atas golongan Islam yang kecil di beberapa buah negara dan dengan terus-terang menentang sokongan yang diberi oleh Amerika Syarikat kepada pihak Zionis di Israel dalam

perjuangan menentang orang-orang Palestin.

Satu daripada perkara yang telah lama diberi perhatian berat oleh Anwar ialah pendidikan agama Islam dalam negara Malaysia.

Dalam bulan April 1972 ketika selaku Setiausaha Majlis Belia Malaysia, Anwar mendesak kerajaan mengambil alih sekolah-sekolah agama. Beliau telah menegaskan perkara ini di seminar pendidikan agama yang telah diadakan selama tiga hari di Universiti Kebangsaan di Petaling Jaya. Anwar telah mempengerusikan seminar itu, dan telah membuat beberapa syor berkaitan dengan sekolah-sekolah agama serta berkenaan dengan hal-hal pentadbirannya.

Seminar itu mengesyorkan supaya kerajaan mengambil alih pentadbiran sekolah-sekolah agama untuk mewujudkan satu sistem pentadbiran yang selaras dengan sukatan pelajaran agama dan duniawi. Peserta-peserta seminar itu juga menyaran bahawa pihak berkuasa mengiktirafkan dan menyamakan mereka yang mempunyai kelulusan agama dengan mereka dari jurusan-jurusan lain dan mewujudkan sukatan pelajaran seragam untuk sekolah-sekolah agama.

Menteri Pelajaran, Encik Hussein Onn (kemudiannya Tun), telah menegaskan kepada wakil-wakil bahawa adalah tidak benar Kementerian tidak menitikberatkan pelajaran agama. Kementerian sanggup berusaha sepenuhnya untuk melicinkan lagi pengajaran agama. "Kami bersikap demikian kerana kami sedar bahawa pendidikan agama adalah tanggungjawab semua dan pengajarannya meliputi semua aspek hidup." Mengenai saranan yang pihak kementerian mengambil alih sekolah-sekolah agama dan menubuhkan sebuah Kolej Perguruan Agama dan Universiti Islam, beliau menegaskan untuk melaksanakan sesuatu perubahan akan mengambil masa dan melibatkan beberapa faktor.

Pada masa itu kementerian memikul beban yang begitu berat, termasuk kekurangan guru-guru yang pakar, perlaksanaan Laporan Aziz Gaji-gaji Guru-Guru (Aziz Teachers' Salary Report) dan pembukaan banyak lagi sekolah menengah. "Kami juga menghadapi masalah menambahkan lagi bilangan pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah menengah supaya sebilangan besar daripadanya dapat menuntut di universiti-universiti," tegas beliau. Oleh itu Menteri itu seakan-akan keberatan hendak menambahkan lagi tanggungannya.

Pada awalnya seminar itu telah mengesyorkan bahawa sijil yang tertinggi sekali dianugerahkan oleh Kolej Islam diiktirafkan sama dengan 'Ijazah Sarjana Muda'. Peserta-peserta juga percaya bahawa pemegang SPM patut layak dipilih untuk melanjutkan pengajian pra-

graduan di Fakulti Pengajian Islam. Seminar itu juga menyentuh supaya Kementerian membuat satu peraturan bahawa adalah wajib bagi guru-guru perempuan serta murid-murid perempuan memakai pakaian kebangsaan, dan di samping itu mengistiharkan hari Jumaat sebagai hari cuti bagi semua sekolah.

Berucap waktu upacara penutup majlis seminar itu, Hussein Onn telah berjanji memberitahu orang ramai setakat mana kerajaan telah melaksanakan pendidikan agama untuk mengelak salah faham. Pendapat-pendapat Anwar dan rakannya yang menyertainya dalam peringkat awal lagi dalam kemajuan penghidupannya telah jelas diambil berat oleh pemimpin-pemimpin negara.

Anwar memang selalu bersikap internasionalisme, beliau bukan sahaja mengambil berat tentang kebajikan umat Islam di Malaysia malah di lain-lain negara di dunia ini. Adalah atas pengakuan ini, dan perkhidmatannya dalam ABIM dan sejak menjadi Presiden pertubuhan itu dalam tahun 1974, beliau telah dianugerahkan Pingat Ulama Eqbal Seratus Tahun oleh Presiden Zia ul-Haq, Presiden Pakistan, dalam bulan Julai 1979.

Satu lagi penghormatan yang diberi kepadanya ialah apabila beliau dipilih menjadi ahli dalam Kumpulan Penasihat Belia-belia Bangsa-bangsa Bersatu dalam tahun 1973. Usaha-usaha Anwar Ibrahim disanjung tinggi di seluruh Malaysia dan beliau telah sering dihendaki memberi ceramah-ceramah oleh beberapa organisasi di forum-forum dan seminar-seminar, di mana beliau diberi sambutan yang gemilang pada hampir tiap-tiap ceramahnya. Beliau merupakan seorang yang mempunyai daya penarik orang ramai dan yang dipercayai: Islam ialah bersifat sabar dan bertolak ansur.

Adalah terutamanya disebabkan sewaktu beliau berpidato suaranya lantang serta dalam bahasa yang mudah dan indah, tetapi mengandungi pengertian tajam menyusuk ke jiwa, sehingga tidak kurang daripada 50,000 orang pemuda tertarik kepada ABIM sebagai penyokong dan pengikutnya sejak tertubuhnya pertubuhan itu. Sesungguhnya di mana-mana sahaja beliau bersyarah, baik di masjid, di bilik kuliah, sekolah-sekolah mahu pun di universiti-universiti, biasanya sungguh ramai menghadirinya untuk mendengar syarahannya. Tema Anwar yang utama dalam ceramah ini ialah "perpaduan dan pemikiran dalam ajaran Agama Islam." Tetapi beliau tidak pula seorang yang fanatik. Beliau bersifat sederhana sahaja cara pemikirannya dan sering mengelakkan dirinya dari puak pelampau. Beliau telah juga mendesak rakan-rakannya berbuat demikian.

Pada suatu ketika beliau telah memberitahu para hadirin, "Orang-

orang ta'asub yang berjuang untuk ranting-ranting kecil dan tidak pada akar umbi ajaran Islam, akan berjaya menyeselewengkan perjuangan Islam yang suci murni itu." Maksud-maksud yang penting sekali yang sering dititikberatkannya ialah sifat sabar dan toleransi ajaran Islam. Orang-orang Muslimin mesti bertindak selaku guru, bukan sebagai hakim; Islam hanya suatu cara hidup dan bukan agama amalresam.

Hari ini Anwar dianggap sebagai cerdik pandai dan penasihat yang terutama dalam ajaran agama Islam yang amat dikehendaki nasihatnya oleh beratus-ratus orang di Asia Tenggara.

Anwar terkenal di seluruh Malaysia. Meskipun demikian, sedikit sahaja orang yang mengetahui peribadinya. Isteri beliau ialah Dr. Wan Azizah, berusia 30 tahun, bertugas di Klinik Mata, di Hospital Universiti, Petaling Jaya. Beliau telah berkhidmat di situ semenjak tamatnya Latihan Amal Perubatan dalam tahun 1979.

Dr. Wan Azizah berkata bahawa beliau mula-mula dengar berkenaan Anwar semasa beliau masih bersekolah: "Saya terbaca rencana mengenainya semasa saya di Tingkatan 6. Kemudian semasa saya berada di seberang laut, saya dengar beliau dalam penjara. Tetapi itu semua tidak pula menyusahkan hati saya sebab ketika itu saya belum mengenalinya lagi."

Beliau mula-mula bertemu dengan Anwar semasa beliau melawat ke hospital, "Saya suka pada apa yang telah saya lihat," kata Dr. Azizah, "dan saya percaya dia pun demikian juga." Mereka bertemu cuma dua kali sahaja dan telah mengambil keputusan untuk menjadi teman hidup. Ibubapa merekalah yang telah menguruskan segala-gala yang diperlukan dan mereka berdua telah mendirikan rumahtangga dalam bulan Februari 1980.

Dr. Azizah telah memperolehi ijazahnya dari Royal College of Surgeons, Dublin dalam tahun 1978, sebelum kembali ke tanahair untuk menjalani latihan Amal Perubatan di Hospital Besar di Kuala Lumpur. Beliau sungguh suka bekerja mengikut waktu tetapi tidak pula suka dengan bedah-membedah. Beliau berharap dapat berkhidmat dengan kerajaan selama enam tahun lagi. Beliau mengaku di atas kesukaran didapatinya susah hendak menseimbangkan urusan rumahtangga, keluarga serta kerjayanya.

Hari ini mereka beroleh seorang cahaya mata iaitu seorang anak perempuan. "Ibu saudara saya menjaga anak saya sewaktu saya bekerja," jelas beliau.

Dr. Azizah telah menyatakan kepada rakan-rakannya yang beliau tidak mahu berkecimpung dalam arena politik. Walau

79
24
35

70



Dr. Wan Azizah bt Dato Dr. Wan Ismail

H



Anwar dengan anak perempuannya, Nurul Izah.

bagaimanapun beliau telah bersama-sama berganding bahu dengan ahli keluarganya yang lain membantu suaminya semasa beliau bertanding dalam pilihanraya dalam tahun 1982. Dr. Azizah telah ber-cuti dari Hospital Universiti untuk membantu suaminya. Beliau telah berpadu tenaga dengan ibu mertuanya, Cik Yan Hussein, mengunjungi rumah ke rumah di dalam daerahnya. Beliau mengaku bahawa walaupun beliau mempunyai kepercayaannya terhadap politik tetapi tidaklah pula begitu mendesak.

Dr. Azizah lebih suka jika Anwar tidak bertanding dalam pilihanraya itu. Meskipun demikian, "Saya rasa saya akan hanya mementingkan diri sendiri sahaja kalau saya hendakkan dia menghadapi saya sahaja di rumah. Seorang lelaki mesti mempunyai inisiatif sendiri untuk hidup sehari-hari." Walau bagaimanapun Dr. Azizah berdiri teguh di belakang suaminya, membantunya dalam perjuangannya untuk mewujudkan Malaysia yang adil dan makmur.

Seorang Yang Suka Membangkitkan Pertikaian

Sebilangan rakyat Malaysia yang berketurunan bukan-Melayu mengatakan bahawa mereka takut kepada Anwar. Mereka percaya bahawa Anwar terlalu dipengaruhi oleh pemberontakan pejuang-pejuang Islam di Iran. Ada setengah-setengahnya telah mengatakan dengan samar-samar bahawa beliau akan menyokong penganut-penganut Islam yang berketerlaluan di dalam hasrat mereka untuk mendesak supaya orang-orang yang bukan beragama Islam dikenakan "undang-undang peribadi" Islam seperti khalwat dan zina.

Walau bagaimanapun, Anwar memang sentiasa memperjuangkan sikap tolak-ansur dan timbang rasa di antara satu sama lain. Dalam tahun 1979, sebagai Presiden ABIM, beliau selalu mengumumkan bahawa pertubuhannya mengetahui bahawa keadaan di Malaysia ini adalah berlainan dari yang lain. Corak dan bentuk perjalanan di sini perlu disesuaikan mengikut keadaan. Beliau percaya bahawa jika orang-orang bukan-Melayu berusaha untuk memahami Islam, sudah tentunya mereka akan menyetujui tatakukumnya. Untuk menumpukan masa kepada perkara yang remeh-temeh akan hanya mengkaburkan perkara-perkara besar yang lebih penting, bantah beliau.

Di sebaliknya, Anwar tidak pernah gentar untuk menyokong perkara-perkara yang membawa pertikaian atau mengambil keputusan untuk bertindak menyokong dasar-dasar yang penting. Dua contoh yang menggambarkan tindakannya ialah menyokong bantahan dari dalam negeri atas pencerobohan Negara Rusia ke atas Afghanistan dalam tahun 1980 dan bantahannya atas Pemindaan Akta Pertubuhan dalam tahun 1981.

Dalam bulan Januari 1980, ABIM telah mengadakan suatu perhimpunan di Masjid Kampung Baru membantah pencerobohan tentera-tentera Soviet ke atas umat dan negara Afghanistan. Seramai kira-kira 4,000 orang telah hadir di perhimpunan itu di mana satu keputusan telah diambil untuk menghantar satu utusan ke Kedutaan Rusia untuk menyampaikan surat bantahan. Setengah-setengah daripada kumpulan itu bercadang hendak menyerbu Kedutaan Rusia

tetapi sebilangan besar daripada mereka mencadangkan supaya dijalankan secara aman.

Keesokan harinya serombongan lima orang diketuai oleh Anwar telah menyampaikan surat bantahan kepada Duta Rusia itu, Dr. B.T. Koulik. Ketika itu juga lebih kurang 100 orang ahli ABIM telah mengadakan tunjuk perasaan, siap dengan sepanduk-sepanduk. Satu daripadanya dalam Bahasa Malaysia yang bertulis "Soviet, Kamu Tidak Perlu Di Sini."

Setelah 25 minit apabila utusan itu keluar dari Kedutaan itu, mereka telah disambut dengan tepuk sorak. Anwar memberitahu pemberita-pemberita semua suratkhbar bahawa Duta Negara Rusia mengeletar bila menemui utusan itu. Duta itu telah berjanji bahawa surat bantahan itu akan dihantar ke Moscow, tambahannya lagi, bahawa Kerajaan Rusia mahukan hubungan persahabatan dengan Kerajaan Malaysia tetapi ini telah disambut dengan pekikan "Dusta! dusta!" dari kumpulan ramai itu.

Beliau kemudian membacakan surat bantahan itu yang mengutuk penindasan dan perbuatan jenayah yang dilakukan dengan secara langsung oleh Kerajaan Rusia dengan kunci-kuncunya di Kabul terhadap umat Muslimin di Afghanistan. Surat bantahan itu mengutuk dasar komunis menanamkan fahaman komunis ke atas rakyat Afghan oleh Kerajaan Rusia menerusi pemerintahan bonekanya di Kabul dan campur-tangan Rusia atas hal-chwal dalam negara Afghanistan.

Surat bantahan itu mendesak memberhentikan serangan tentera Rusia ke atas rakyat Afghan serta mengundurkan semua tentera dan penasihatnya. Ia juga memberi amaran bahawa sekiranya pihak Rusia enggan menepati tuntutan-tuntutan itu, kaum Muslimin di Malaysia akan melakukan sesuatu yang lebih berlanjutan dan bertindak keras terhadap semua kepentingan Rusia sehingga mencapai kejayaan muktamad.

Anwar memberitahu pemberita-pemberita bahawa Dr. Koulik cuba berdalih bahawa "penerangan-penerangan yang disebarkan oleh media sejagat tidak harus dipercayai dan campurtangan Soviet Union dalam hal-chwal Afghanistan itu adalah hanya pendapat masing-masing."

"Saya menyingkirkan saranan itu, kerana kami juga telah sebenarnya mendengar secara langsung dari 'gerila' Muslim negara itu apa yang benar-benar telah berlaku," kata beliau.

"Duta itu mempelawa minuman, tetapi kami menolak pelawaannya itu, kami tidak dapat menerima layanan Rusia itu. Kami datang



Anwar meninggalkan Bangunan Kedutaan Rusia.



Ketua-ketua Pemuda Barisan Nasional berunding selepas menemui Duta Rusia.

cuma untuk menyampaikan rasa hati Muslimin di dalam negeri ini," kata beliau lagi. Sebelum daripada itu peserta-peserta dalam seminar berkenaan zakat yang telah diadakan di Petaling Jaya telah membuat keputusan mengutuk kebiadapan tentera Komunis Negara Rusia ke atas Afghanistan.

Seminar itu dikelolakan oleh Majlis Hal-ehwal Agama Islam, Jabatan Agama Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Selangor telah dihadiri oleh kira-kira 250 orang wakil, termasuk pakar-pakar Undang-undang Islam. Mereka menyeru Kerajaan Malaysia memperuntukkan derma dengan segera bagi 'gerila' Muslim di Afghanistan.

Tidak lama selepas itu, Anwar telah mengunjungi sempadan Afghanistan untuk mendapatkan penerangan selanjutnya dan menyerahkan \$50,000 kepada pemberontak Afghan. Setibanya kembali ke Malaysia pada 26hb Februari 1980, beliau telah memberitahu bahawa Kerajaan Rusia telah memulakan pengunduran tentera Muslimnya dari Afghanistan. Ini merupakan satu langkah menghalang lebih ramai pembelot tentera Muslim di bawah pemerintahan Rusia berpaling tadah ke pihak Nasionalis Afghan. Beliau juga memberitahu perhimpunan akhbar bahawa semuanya itu adalah muslihat Kerajaan Rusia untuk menghantar tentera Muslim ke Afghanistan tetapi telah terbukti bahawa tindakan sedemikian adalah sia-sia sahaja.

Anwar menambah kata bahawa beliau telah menemui dua orang pemimpin Nasionalis Afghanistan di sempadan. Mereka itu ialah Gulbuddin Hekmatyar dan Prof. Burhannudin Rabani, seorang pemimpin Parti Jamiat -E- Islami. Beliau berkata tentera Nasionalis itu yakin yang mereka boleh berjuang bersendirian tetapi mereka menyambut baik sokongan yang lebih konkrit yang berupa senjata dan wang. "Apa yang diperlui oleh pemberontak-pemberontak ini sekarang adalah senjata-senjata," beliau memberitahu para wartawan. Kerajaan Malaysia tidak menggalakkan anggota tenteranya berjuang di Afghanistan. Namun demikian, Anwar rasa tidak pula salah menyeru sukarelawan jika diperlui.

Kegiatan-kegiatan ABIM dan lain-lain pertubuhan yang tidak bergabung dengan parti-parti politik telah menimbulkan perasaan sangsi di kalangan setengah-setengah ahli kerajaan. Beberapa bulan setelah ABIM menganjur pembantahan di Kedutaan Soviet, "Pendaftar Pertubuhan" telah mengarah ABIM memutuskan segala hubungan dengan pertubuhan luar negeri.

Anwar menafikan yang ABIM ada hubungan dengan pertubuhan

luar negeri sungguhpun beliau mengakui yang dia telah mengadakan perjumpaan bersama-sama dengan lain-lain badan setelah berhubung dengan kerajaan terlebih dahulu. "Kami tidak mahu bertelingkah dengan kerajaan," tegas Anwar, "dan kami tidak pula hendak melibatkan ABIM sebagai parti Pak Turut. Apa yang kami mahu hanya bebas meneruskan tugas kami, mewujudkan hubungan rapat dengan keagamaan lain-lain kaum. Konfrontasi adalah sesuatu yang tidak sekali-kali kami hendak lakukan."

Anwar menegaskan bahawa perjumpaan-perjumpaan antarabangsa yang melibatkan ABIM pada masa lalu telah disertai juga oleh pihak kerajaan". Perjumpaan antarabangsa yang julung-julung kali diadakan ialah seminar Dakwah Belia-belia Asian dalam tahun 1977 yang telah dikelolakan bersama-sama oleh ABIM dan Perisidangan Belia Muslim Sedunia dengan kerjasama Bahagian Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri serta Yayasan Dakwah. Perjumpaan ini telah dibuka oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein sendiri," kata beliau.

Anwar berkata bahawa perjumpaan yang kedua pula ialah Kem Belia Muslim untuk Rantau Asia-Pasifik dalam tahun 1978 yang juga dikelolakan dengan kerjasama Bahagian Keagamaan Islam dan telah dibuka oleh Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri, Tengku Ahmad Rithauddeen. Beliau berkata ABIM menyambut baik atas jaminan yang diberi oleh Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa arahan Pendaftaran tidak bermaksud menindas ABIM tetapi ditekankan kepada semua pertubuhan yang didaftarkan. "Tetapi setakat yang kami tahu lain-lain pertubuhan tidak pula menerima arahan sedemikian. Namun kami rasa tersinggung juga akan arahan yang agak paling baru ini di antara rentetan-rentetan yang dilempar ke atas ABIM yang semakin menjadi-jadi dalam beberapa bulan akhir-akhir ini. Kami minta penjelasannya kerana jika arahan ini diamalkan, lain-lain pertubuhan pun turut sama terjejas," kata beliau.

Anwar menegaskan bahawa ABIM tidak pernah mengundang sesiapa pun dari Iran ke Malaysia. "Mereka datang dengan sendirinya dan visa mereka telah dikeluarkan oleh Kerajaan. Tetapi setelah berada di sini mereka datang menjumpai kami dan kami pula menjemput para wartawan dan lain-lain juga yang ingin menemui mereka," kata beliau.

Tindakan Pendaftaran Pertubuhan bukanlah semata-mata sebagai pembidasan terhadap akibat serangan yang dilakukan oleh sekumpulan puak pelampau Muslim ke atas balai polis di Batu Pahat dalam pertengahan bulan Oktober, 1980. Anwar menegaskan iaitu arahan

telah diedarkan terlebih dahulu sebelum kejadian itu. Walau bagaimanapun ABIM telah mengutuk serangan itu. Anwar juga berkata bahawa walaupun ABIM telah disamakan sebagai suatu pertubuhan "pelampau dan fanatik" ianya juga adalah satu daripada pertubuhan-pertubuhan Islam yang pertama mengutuk penceroboh-penceroboh Kerling yang telah mencabul berhala di kuil Hindu.

Islam menyeru penganut-penganutnya supaya bersabar dan bertolak-ansur serta menghormati lain-lain agama tetapi bukanlah membuat sebarang pencerobohan. "Tugas kami ialah untuk menyebarkan ajaran Islam dengan sebenarnya dan mengembangkan persetujuan dengan pertubuhan agama lain," kata beliau.


Tidak berapa lama kemudian, Anwar dapati dirinya terlibat dalam suatu pertikaian baru. Kali ini beliau mewakili kepentingan beribu-ribu orang penduduk Malaysia yang berbilang bangsa. Dalam bulan Mac 1981, Kerajaan telah mengemukakan di Dewan Rakyat Rang Undang-undang Pindaan Pertikaian Pertubuhan. Penentang-penentang Rang Undang-undang itu membantah beberapa bahagian. Satu daripada yang amat dipertikaikan ialah satu yang berkehendakkan pertubuhan itu didaftarkan samada ianya pertubuhan politik atau pun pertubuhan "persahabatan."

Sesuatu pertubuhan yang tidak didaftarkan sebagai pertubuhan politik tidak boleh mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan politik. Dalam Rang Undang-undang itu sesebuah pertubuhan politik itu dinyatakan sebagai suatu pertubuhan yang maksudnya atau peraturannya disediakan dengan apa cara pun untuk melindungi atau mempengaruhi Kerajaan Persekutuan Malaysia, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan. Sesebuah pertubuhan politik adalah juga suatu pertubuhan yang membantu dalam cara apa pun, pertubuhan-pertubuhan lain untuk mengukuhkan pengawalan atau mengadakan pengaruh yang seperti itu. Mana-mana pertubuhan yang menyokong, bersimpati atau menentang sesuatu parti politik atau calon yang hendak bertanding dalam pilihan Dewan Rakyat, Pilihan Negeri atau Majlis Tempatan adalah dianggap sebagai unsur-unsur siasah.

Rang Undang-undang itu menghendaki tiap-tiap pertubuhan yang berdaftar menentukan kegiatan-kegiatan mereka sejajar dengan Perlembagaan Negara dan menghormati Perlembagaan Raja-raja, kedudukan Islam, penggunaan Bahasa Kebangsaan untuk kegunaan rasmi, kedudukan bumiputera, hak lain-lain kaum di sisi undang-undang. Pendaftar pertubuhan boleh membatalkan pendaftaran pertubuhan yang menyalahi masyarakat setelah diberi peluang untuk



Anwar membincangkan Akta Pertubuhan.



Anwar Ibrahim dengan Tan Sri (Dr.) Tan Chee Khoon.

membuat bantahan kepadanya. Namun, mana-mana pertubuhan yang terasa tersinggung bolehlah diberi tempoh selama 30 hari untuk merayu menentang keputusan itu kepada Menteri tersebut, tetapi keputusan yang dibuat oleh Menteri itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

Satu Fasal baru, 9A, adalah berhubung dengan membatalkan kelayakan orang-orang yang memegang jawatan, penasihat dan pekerja-pekerja pertubuhan yang berdaftar. Pembatalan kelayakan sedemikian termasuklah orang-orang yang telah didapati bersalah atas mana-mana kesalahan yang menentang Rang Undang-undang, mereka yang dihukum denda tidak kurang daripada \$2,000 atau dihukum penjara tidak kurang daripada satu tahun, orang-orang yang ditahan dan yang dihadkan perjalanannya, orang-orang yang bankrap dan penderita cacat.

Fasal IIA pula berhubung dengan penggabungan pertubuhan yang berdaftar dengan pertubuhan luar negeri. Ia menghendaki pertubuhan-pertubuhan memohon membenarkan penggabungan demikian dan yang berkaitan. Dalam lagi satu Fasal Rang Undang-undang, bagi orang-orang bukan rakyat adalah ditegah menjadi ahli-ahli pertubuhan siasah.

Selaku Pengerusi Sementara bagi Jawatankuasa Penyelaras Akta Pertubuhan, yang telah ditubuhkan untuk menentang pindaan tersebut, Anwar mengetuai sebilangan kumpulan besar yang terdiri daripada orang-orang Melayu dan orang-orang bukan Melayu. Selain daripada ABIM, termasuk juga Persatuan Pertubuhan Malaysia, Pusat Profesional Malaysia, ALIRAN, Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan Majlis Peguam Malaysia.

Mereka menentang Rang Undang-undang itu kerana Pendaftar Pertubuhan diberi kuasa yang begitu luas, iaitu tindak-tanduknya tidak boleh dicabar lagi di mahkamah. Dalam pemerintahan demokrasi hanya kehakiman sahajalah yang boleh menghalang perbuatan atau tindakan yang terkeluar daripada batas yang dilakukan oleh Menteri-menteri atau lain-lain eksekutif cabang Kerajaan. Beberapa orang yang berpengaruh seperti Tan Sri Dr. Tan Chee Khoon, berpendapat bahawa kuasa yang luas yang diberi kepada Pendaftar samalah seperti memperlikan undang-undang.

Timbalan Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri cuba mententeramkan kecurigaan mereka yang berkenaan dengan mengatakan bahawa Rang Undang-undang itu hanya mengandungi "kata-kata yang sebenar" sahaja. Namun pihak pengkritik masih kurang yakin sebagai yang ditegaskan oleh beliau. Berikut adalah kandungan

rayuan bersama dikemukakan kepada kerajaan oleh 48 pertubuhan dan persatuan membangkang pindaan-pindaan yang dicadangkan. Dalam rayuan itu pertubuhan-pertubuhan mendesak kerajaan merujuk pindaan Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk diteliti dan digugurkan sama sekali.

Dalam minggu kedua pada bulan Mac 1981, beberapa suratkhobar melaporkan bahawa kerajaan sedang merancang untuk mencadangkan Rang Undang-undang tersebut di Parlimen untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 supaya memberi kuasa luas kepada Pendaftaran Pertubuhan dan Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri atas kegiatan-kegiatan pertubuhan dan persatuan-persatuan di Malaysia. Pada 19hb Mac, wakil-wakil dari 19 buah pertubuhan telah mengadakan suatu pertemuan di Kuala Lumpur dan mereka telah menandatangani surat memorandum yang menyatakan betapa kesalnya dengan ketetapan kerajaan dalam mencadangkan Rang Undang-undang itu. Kesemua 19 buah pertubuhan itu memohon menjumpai Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, untuk membincangkan perkara pokok itu. Lain-lain pertubuhan telah juga diminta menyokong memorandum itu.

Pada 4hb April, wakil-wakil dari beberapa pertubuhan dan persatuan berunding sekali lagi di Kuala Lumpur untuk membincangkan lagi cadangan pindaan-pindaan Akta Pertubuhan itu. Sehingga hari ini, 29 buah pertubuhan lagi telah turut menyokong memorandum kami yang pertamanya diadakan pada 19hb Mac, telah berhubung dengan kami secara bertulis. Dengan itu bilangan pertubuhan yang menyokong memorandum itu berjumlah sebanyak 48 buah. Selain daripada kumpulan ini, beberapa buah pertubuhan dan persatuan yang lain telah membuat kenyataan masing-masing menentang Rang Undang-undang itu, termasuklah parti-parti siasah, badan-badan iktisas, persatuan perniagaan, kesatuan perdagangan dan Majlis Peguam. Dengan itu, bolehlah dikatakan bahawa terdapat penentangan rancangan pindaan itu adalah semakin besar dan meluas.

Sementara itu, Rang Undang-undang itu telah diedarkan kepada ahli-ahli dan dijangka dikemukakan di Parlimen pada hari Rabu, 8hb April. Ini adalah menjelang hari tamatnya sidang Parlimen semasa, dan oleh itu hampir tiada masa lagi untuk meneruskan debat yang dapat memberi makna. Ini adalah amat dikesalkan kerana Rang Undang-undang yang sebegitu penting yang diperlukan untuk mempertahankan kebebasan persatuan dan kenyataan demi kepen-

tingan kumpulan, patut disediakan masa yang lebih lagi untuk dibincangkan oleh rakyat, daripada dibuat dengan terburu-buru melalui Parlimen dalam tempoh sehari dua sahaja.

Disebabkan keadaan yang mendesak, wakil-wakil pertubuhan-pertubuhan yang menyokong memorandum yang pertama pada 19hb Mac telah mengadakan suatu perjumpaan di Kuala Lumpur untuk menyediakan dan mengemukakan rayuan ini menentang pindaan Akta Pertubuhan 1966 itu. Pindaan yang dicadangkan akan memberikan kuasa yang menyeluruh itu kepada Pendaftar Pertubuhan, pada hakikatnya membolehkannya mengawal pentadbiran dan perjalanan semua pertubuhan.

Kuasa-kuasa ini tergulung seperti berikut:-

- (i) Kuasa budibicara beliau yang mutlak untuk mengarah dan memutuskan, kecuali tertakluk kepada pengkajian oleh Menteri, sekiranya dirayu kepadanya [SS 2A(2), 9A(5), 13A(6) dan 18H].
- (ii) Asas-asas baru dalam budibicara untuk memotong pendaftaran sesebuah pertubuhan berdasarkan kepada:-
 - (a) pengabaian terhadap Perlembagaan-Perlembagaan Persekutuan dan Negeri dan peruntukan-peruntukannya berhubung dengan Perlembagaan Kerajaan Beraja, Islam, lain-lain agama, Bahasa Kebangsaan, kedudukan orang-orang Melayu dan lain-lain masyarakat dan lain-lain hal [SS 2A(1)];
 - (b) bahawa sesebuah 'pertubuhan politik' menyimpan orang yang bukan warganegara sebagai ahlinya [SS 18F(4)] atau menerima sumbangan dari luar negeri [SS 18G(3)];
- (iii) Hak keistimewaannya untuk mengistiharkan mana-mana pertubuhan sebagai 'politik' [SS 18D(6)].
- (iv) Kuasa untuk membatalkan dan seterusnya menyingkir pemegang jawatan, penasihat atau pekerja kerana alasan-alasan baru yang dinyatakan secara perinci dalam SS 9A(1) atau 13A(1).
- (v) Kuasa untuk melarang apa-apa 'gabungan dan hubungan luar Persekutuan' [SS 11A(3)] dan juga 'komunikasi' atau lain-lain urusan luar negeri [SS 13A(1)(b)].
- (vi) Kuasa untuk memerintah Pertubuhan-pertubuhan meminda

peraturan dan perlembagaan mereka berhubung dengan pemegang-pemegang jawatan [SS 13(1)(a)] dan tujuan-tujuan dan lain-lain perkara [SS 13A(2)].

(vii) Kuasa pengecualian yang boleh membawa kepada diskriminasi sebarangan, dalam memutuskan:-

(a) pengeneipikan ketiadaan layak untuk memegang jawatan [SS 9A(4)];

(b) meluluskan gabungan luar negeri [SS 11A(1) & (2)];

(c) pembatalan penamaan sebagai sebuah 'pertubuhan politik' [SS 18E];

(d) penerimaan sumbangan luar negeri [SS 18G(1)].

Kuasa-kuasa di atas dengan jelasnya membenarkan Pendaftar mengawal dan memerintah semua pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan dalam Malaysia. Adalah sukar untuk dipercayai bahawa mana-mana kerajaan demokrasi boleh terfikir untuk memberi kuasa istimewa kepada seseorang pegawai kerajaan sahaja. Seseorang individu atau sesebuah pertubuhan yang melakukan sesuatu perbuatan salah biasanya boleh dibawa ke Mahkamah dan didakwa. Tetapi pindaan yang dicadangkan itu memotong hak-hak pertubuhan, dan memindahkannya kepada Pendaftar yang tidak bertanggung jawab langsung kepada orang-orang awam.

Isu-isu di luar bidang pengetahuannya dilindungi oleh lain-lain perundangan yang wujud. Adalah menjadi satu kesalahan yang besar untuk memberi kuasa yang melampau kepada Pendaftar. Dengan itu, kuasa luas yang diberi kepada Pendaftar melanggar prinsip-prinsip asas Perlembagaan Malaysia dan Piagam Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pindaan itu menegaskan bahawa tindakan-tindakan Pendaftar tidak boleh dicabar dalam mana-mana Mahkamah pun. Di masa-masa yang lalu kerana ini telah tidak dijelaskan - sesebuah pertubuhan biasanya boleh ke Mahkamah. Penafian peluang yang dimaksudkan ini bererti bahawa sekiranya sesebuah pertubuhan dipotong pendaftarannya ia hanya boleh merayu kepada Menteri yang mana 'keputusannya adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dicabar, dirayu terhadapnya, dikaji, ditentang atau dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah [SS 2 Pindaan, 13 dan 18N].

Ini meletakkan semua pertubuhan-pertubuhan berdaftar dalam keadaan yang amat terancam. Selagi seseorang boleh merayu ke sebuah badan yang bebas dan keadilannya adalah prinsip terpen-

ting bagi sistem demokrasi kita, seseorang boleh sekurang-kurangnya berharap mendapat keadilan dan kesaksamaan. Untuk menafi pertubuhan-pertubuhan, peluang ini adalah menyerahkan mereka kepada belas kasihan ketua-ketua politik. Sudah pasti, menyerahkan tindakan eksekutif kepada pemeriksaan kehakiman hanya boleh membantu untuk menguatkan sistem demokrasi kita. Adalah dengan fahaman ini Perlembagaan Malaysia dirumuskan. Meskipun jika Parlimen adalah yang berdaulat, Menteri tidak.

Sesungguhnya, pindaan-pindaan yang dicadangkan itu adalah satu pengertian pelanggaran terhadap dan merosakkan Perlembagaan Persekutuan. Bagi kuasa-kuasa baru yang diberi kepada Pendaftar yang membolehkan beliau menentukan perkara-perkara Perlembagaan yang mana adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Tinggi. Dengan cara menyatukan Fasal 128(2) dari Perlembagaan dan Seksyen 48(1) Akta Mahkamah Judikatur, hanya Mahkamah-mahkamah sahaja yang boleh memutuskan perkara-perkara Perlembagaan. Pindaan ini yang demikian menjadi satu pencabulan membuta doktrin pemisahan kuasa demikian juga perampasan kuasa-kuasa kehakiman oleh cawangan eksekutif kerajaan. Demikian itu kredibiliti kerajaan sudah tentu dengan teruknya tercemar.

Membentuk satu pertubuhan kategori baru yang dipanggil 'Pertubuhan Politik' tidak akan menaikkan kredibiliti kerajaan. Sesebuah pertubuhan politik ditakrifkan sebagai sebuah pertubuhan 'yang cuba mempengaruhi dalam apa-apa cara pun dasar-dasar atau kegiatan, atau sebarang dari dasar-dasar atau kegiatan-kegiatan, atau perjalanan, pengurusan, atau operasi Kerajaan Malaysia, atau mana-mana kerajaan negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana Badan Berkuasa, mana-mana jabatan atau agensi-agensi, mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa sedemikian.' [Dipinda Seksyen 2]. Ianya adalah satu takrif yang menunjukkan fahaman yang sungguh cetek bagi perjalanan sesebuah sistem demokrasi.

Untuk menunjukkan bagaimana tindakan logiknya konsep sesebuah pertubuhan politik itu, seseorang hendaklah menganalisa sebab-sebab di belakangnya. Beberapa ketua kerajaan tertentu mengulas bahawa hanya ahli-ahli politik professional sahaja yang mempunyai hak untuk mengulas hal-ehwal kerajaan. Sekiranya seseorang itu ingin membuat usaha luhur kepada dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan kerajaan orang itu hendaklah menjadi seorang ahli sesebuah parti politik. Berikutan dari ini kumpulan-kumpulan yang

bukannya sebuah parti politik tetapi terus melahirkan fikiran tentang isu-isu sosial seharusnya dijeniskan sebagai pertubuhan politik.

Terdapat satu kepalsuan dalam hal ini. Semua individu dan kumpulan-kumpulan mempunyai hak untuk berbincang mengenai hal-ehwal kerajaan. Mereka mempunyai hak untuk mempengaruhi dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan kerajaan. Seorang pemilih dalam satu pilihanraya adalah bererti yang beliau menyatakan pendapatnya terhadap dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan kerajaan. Seorang suri rumahtangga yang menulis kepada akhbar mengadu tentang pemungutan sampah-sarap di dalam kawasannya mengulas satu kegiatan kerajaan. Sebuah badan kesusasteraan yang berusaha untuk mendapatkan pertubuhan berbincang berkenaan bahasa dan kebudayaan adalah mempergunakan beberapa pengaruh ke dalam pemikiran kerajaan berkenaan isu-isu ini. Suatu gerakan agama yang cuba untuk menyiasat masyarakat dari segi etika adalah juga menilai dasar-dasar kerajaan.

Sesebuah pertubuhan perniagaan yang cuba memujuk kerajaan untuk menempatkan kepentingannya adalah mempergunakan pengaruh ke atas kerajaan. Sebuah kumpulan pengguna yang menganjur barangan dan khidmat yang lebih baik bagi pengguna terlibat secara langsung dengan dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan kerajaan. Sebuah pertubuhan alam sekitar yang cuba untuk membentuk suatu alam sekitar yang lebih baik untuk hidup tidak boleh membentuk tetapi cuba membuat satu tekanan kepada kegiatan-kegiatan kerajaan. Akhirnya, satu pergerakan pembaharuan yang bertanggungjawab untuk memperbaiki hubungan etnik dan berusaha ke arah integrasi awam juga terpaksa mempengaruhi dasar-dasar kerajaan bagi kepentingan negara itu.

Sudah tentu, mempengaruhi kerajaan adalah tanggungjawab setiap rakyat secara teori. Adalah ganjil bahawa kumpulan-kumpulan yang menjalankan kegiatan biasa mempengaruhi dasar-dasar awam kini dijeniskan sebagai 'pertubuhan politik'. Di mana-mana dunia lain, kumpulan-kumpulan sedemikian hanya disifatkan sebagai kumpulan-kumpulan 'interest-cum-pressure' ada dengan beberapa kepentingan tertentu, yang lain dengan kepentingan am. Dengan cara memperihalkan mereka sebagai pertubuhan politik seseorang itu menyangkal peranan masa yang dihormati bagi kumpulan-kumpulan 'interest-cum-pressure' dalam prinsip demokrasi.

Sungguhpun dari pandangan praktikal, ianya akan menjadi susah untuk melaksanakan cadangan. Ia bermakna seperti bagi suatu tem-

poh bila sesebuah pertubuhan mengulas tentang dasar-dasar kerajaan, ia akan menjadi sebuah 'pertubuhan politik' dan ia kemudiannya akan berbalik-balik kepada tarafnya sebagai 'pertubuhan biasa'.

Kebanyakan pertubuhan kecuali kelab-kelab khidmat, dengan cara ini akan terpaksa berubah ulang-alik. Ia membuktikan bagaimana tidak munasabahnya penjenisan begini. Pilihan lain yang wujud adalah untuk mempergunakan undang-undang itu secara pilihan, yang akan menjadikan cemuhan kepada prinsip-prinsip keadilan pentadbiran dan membawa keburukan kepada kerajaan.

Seseorang, walau bagaimanapun, boleh memahami sebabnya parti-parti politik wujud sebagai satu kategori berasingan. Tidak seperti kumpulan 'interest-cum-pressure' yang hanya memikirkan mempengaruhi prinsip-prinsip, sesebuah parti politik terlibat langsung dalam perjuangan kuasa politik. Itulah ciri-ciri perbezaannya iaitu satu pihak dari ahli-ahli politik dan parti-parti politik, dan satu lagi terdiri dari kita sebagai bahagian proses masyarakat yang lebih besar.

Ianya adalah seperti perhubungan di antara guru dengan masyarakat. Meskipun guru bertanggungjawab secara langsung kepada masyarakat keseluruhannya dan ibubapa terutama sekali hendaklah menunjukkan perhatian berat kepada pelajaran anak-anaknya. Tidaklah diragui lagi bahawa terdapat beberapa ibubapa yang menaruh perhatian lebih dari yang lain. Adalah dikesali jika guru mencabar ibubapa yang mengambil berat itu untuk memasuki profession guru sekiranya mereka hendak berbincang tentang pelajaran anak-anak mereka. Ianya adalah sama dikesali jika mereka gagal melakukannya, menuntut yang mereka sekurang-kurangnya mengistiharkan diri mereka sebagai 'guru' sungguhpun mereka tidak mengajar; kalau tidak mereka tidak harus meluahkan sebarang pendapat. Inilah pada hakikatnya keseluruhan cara pemikirannya.

Oleh kerana tiada mana-mana pertubuhan yang mungkin ingin dipanggil 'pertubuhan politik' kerana takut dikelirui sebagai parti politik mereka memilih untuk menahan diri dari mengulas dasar-dasar dan kegiatan kerajaan. Akibatnya, penglibatan awam dalam isu-isu yang penting dalam masyarakat akan merosot. Tidak akan terjadi lagi sebarang perbincangan berkenaan perkara-perkara yang sangat penting kepada pertubuhan-pertubuhan tertentu dan orang awam.

Akibatnya sudah tentulah teruk. Pertamanya, kumpulan 'interest-cum-pressure' tidak akan dapat memberi pandangan bukan sebagai penyokong parti tetapi atas masalah yang mana parti politik, diberi

perhatian untuk membantu dalam kemasyhuran pilihanraya, mungkin tidak berkedudukan untuk melakukannya. Yang keduanya, mereka akan terhenti dari bertindak sebagai saluran yang berkesan bagi melahirkan fikiran tentang perasaan awam yang sebaliknya memberi sejenis 'feedback' yang diminta selalu oleh kerajaan.

'Feedback' yang diberi oleh kumpulan 'interest-cum-pressure' berkenaan, berbagai-bagai bentuk isu-isu masyarakat boleh menjadi bantuan kepada kerajaan untuk membentuk dan kadangkala memperbaiki prinsip-prinsip awam. Jika ada apa-apa, akibat-akibat ini akan lebih membawa pukulan yang buruk kepada masyarakat jika pekerja-pekerja awam, guru-guru, pensyarah-pensyarah dan lain-lain kategori pekerja-pekerja awam dipaksa menarik diri dari penglibatan aktif dalam apa yang dipanggil 'pertubuhan politik' kerana ianya adalah 'politik'. Bagi sesebuah negara yang membangun di mana lapisan masyarakat terpelajar adalah masih lagi kecil bilangannya, penarikan diri kumpulan sedemikian akan bermakna bahawa mutu perbincangan awam berkenaan isu-isu masyarakat akan terjejas dengan teruknya. Ini boleh menjadi kesan buruk kepada kebolehan masyarakat sebagai menyeluruh untuk mampu mengatasi cabaran pentingnya masyarakat.

Sudahpun terdapat peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pertubuhan akan Seksyen 13A, yang telah dimasukkan sebagai satu pindaan dalam tahun 1972, yang memberi Pendaftar kuasa untuk melarang mana-mana pertubuhan dari mempunyai hubungan atau gabungan luar negeri. Ini pada pendapat kami adalah melampau. Pindaan yang dicadangkan melebihi lagi dari ini dan memberi Pendaftar kuasa melimpah melalui seksyen kecil 13A(1)(b) yang "melarang sesebuah pertubuhan dari mempunyai secara langsung atau tidak langsung, apa-apa gabungan, hubungan, komunikasi dan apa-apa jua urusan lain dengan mana-mana pertubuhan, organisasi atau lain-lain badan apa-apa jua di luar Persekutuan, 'atau dengan apa-apa pihak berkuasa, kerajaan atau pihak berkuasa tempatan, di mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Persekutuan....". Berserta dengan pindaan sekarang segala organisasi di Malaysia yang mempunyai gabungan-gabungan dan hubungan-hubungan luar hendaklah memohon kepada Pendaftar untuk memulakan atau meneruskan perkara itu. Ini adalah satu lagi langkah yang mundur.

Pada waktu ini, sebahagian besar dari pertubuhan di Malaysia mempunyai hubungan-hubungan dan komunikasi-komunikasi dalam satu cara atau lain dengan pertubuhan-pertubuhan atau organisasi-organisasi asing. Ini hanyalah suatu

perkara biasa dan wajar, kerana ia menggalakkan muhibbah antarabangsa. Dari menempatkan galangan dan kawalan ke atas hubungan seperti itu, pihak kerajaan seharusnya menggalakkan pembangunan koperasi antarabangsa. Lebih-lebih lagi pertubuhan tidak akan dibenarkan untuk menerima sumbangan-sumbangan atau derma-derma dari individu-individu asing atau organisasi-organisasi, kecuali dengan izin Pendaftar. Ini bukan sahaja akan menjejaskan hubungan antarabangsa tetapi, lebih penting lagi, penyekatan kegiatan beberapa buah pertubuhan-pertubuhan yang boleh menyumbang ke arah pembangunan negara sebahagiannya dari bantuan sumber asing.

Selain daripada itu, kesangsian beberapa istilah seperti 'hubungan', 'komunikasi', 'secara langsung atau tidak langsung' dan 'atau lain-lain urusan' akan mengakibatkan kerugian kepada peranan-peranan sah pertubuhan-pertubuhan itu. Misalnya, adakah komunikasi termasuk penerimaan satu penerbitan atau surat dari luar negeri? Sesuatu sifat penting undang-undang adalah ketetapan-nya dan ini tiada terdapat dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan.

Selanjutnya, larangan seseorang yang 'disabitkan melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta atau mana-mana undang-undang lain dan telah dijatuhkan hukuman denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun' (Seksyen 9A) dari memegang jawatan dalam sesebuah pertubuhan berdaftar bagi tempoh selama 5 tahun sungguhpun selepas dia dibebaskan adalah dengan jelas satu pelanggaran prinsip keadilan. Dalam undang-undang, seperti dalam Islam dan lain-lain agama, apabila seseorang itu dihukum atas jenayah yang dilakukannya, dia seharusnya dibenar untuk hidup dan bertindak seperti mana-mana rakyat lain yang bebas. Lebih penting lagi, seseorang yang ditahan atau pergerakannya terbatas di bawah Undang-undang Keselamatan (Seksyen 9A) tidak seharusnya dilarang dari memegang jawatan dalam pertubuhan berdaftar dengan sebab hanya beliau telah disabitkan kesalahan dalam mahkamah undang-undang. Ini adalah benar sama sekali bagi tahanan-tahanan politik yang telah dinafikan perbicaraan terbuka.

Kuasa melimpah yang diberi kepada Pendaftar, tempat-tempat terhad bagi mereka yang telah menjalani hukuman jenayah atau telah ditahan, penafian menggunakan mahkamah-mahkamah, pembentukan pertubuhan-pertubuhan politik, galangan-galangan teruk ke atas gabungan-gabungan, hubungan-hubungan antarabangsa dan sumbangan luar negeri, dan penambahan hukuman-hukuman tidak

sahaja memaksa kumpulan 'interest-cum-pressure' menjadi pasif tetapi juga menjejaskan kebebasan politik dan pencapaian keadilan masyarakat. Kemunduran kebebasan berpolitik adalah sebahagian dari satu sifat bahaya. Sepanjang jangkaan masa sepuluh tahun yang lalu atau lebih, Parlimen, parti-parti politik, kesatuan-kesatuan sekerja, penuntut-penuntut ahli akademik, ahli-ahli profesional, akhbar-akhbar dan rakyat biasa telah ditakluki di bawah sekatan-sekatan yang semakin-makin banyak. Kita telah hampir mencapai suatu keadaan di mana simbol menjauhi kerana malukan kenyataan.

Genggaman teruk kepada kebebasan politik tidak akan menolong menampung sistem demokratik dalam menghadapi ancaman dari totalitarianisma komunis. Bagi sekatan yang dikenakan ke atas pertubuhan-pertubuhan adalah cara tindakan yang serupa yang mana pihak komunis boleh mempergunakan untuk memujuk orang-orang lain bahawa sistem demokratik kita adalah suatu sandiwara, bahawa ia hanya dijadikan untuk mengekalkan kuasa golongan atas pemerintah dengan pengorbanan kebebasan rakyat. Di samping itu, sebagai pertubuhan-pertubuhan yang mewakili beberapa kepentingan-kepentingan dihalang dan dihindar dari memainkan peranan mereka yang sah, individu-individu dan kumpulan-kumpulan yang mengambil berat berkenaan kesejahteraan negara mungkin akan sebaliknya menjalankan kegiatan-kegiatan secara sulit. Kegiatan-kegiatan yang sedemikian akan sebaliknya melemahkan kekukuhan struktur kemasyarakatan kita. Demikian juga kepada kebebasan politik dan juga keadilan sosial. Dalam negara-negara membangun, peranan kumpulan 'interest-cum-pressure' dalam mengejar ke arah keadilan sosial tidak boleh ditahan berketerlaluan.

Bangsa-bangsa Bersatu dan lain kumpulan-kumpulan di kedua-ke dua negara maju dan sedang membangun telah lama menerima perkara ini. Misalnya, penerbitan baru 'Laporan Utara Selatan' dari Komisyen Brandt menegaskan bahawa kumpulan-kumpulan sedemikian biasanya akan menjadi "penjamin dalam melaksanakan pembaharuan dalam banyak kawasan sosial dan ekonomi". Lebih-lebih lagi organisasi sedemikian boleh menolong dalam pengagihan kegiatan pembangunan pusat dalam menggerakkan sumber-sumber, dan membekalkan khidmat-khidmat sosial atas asas satu-satu kumpulan'. Ianya juga telah menyimpulkan: 'Dalam pencapaian pokok matlamat pembangunan tiada sesuatu sistem yang mempunyai kekurangan penyertaan rakyat yang tulin dan sepenuhnya akan menjadi sepenuh-penuh atau sebenar-benarnya berkesan.'

Dipandang dari kegentingan kesannya pindaan yang dicadangkan itu, maka kami merayu kepada kerajaan jangan meneruskan kemasukan Rang Undang-undang itu. Sebagai pilihan, Rang Undang-undang itu boleh dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan yang akan membolehkan orang awam mengulas akan peruntukan-peruntukan undang-undang itu. Bagaimana pun, ianya adalah satu sumbangan yang benar-benar istimewa bagi pihak kerajaan jika Rang Undang-undang itu digugurkan sama sekali. Ia akan menunjukkan kepada negara bahawa sebagai sebuah kerajaan demokratik ia bersedia untuk menyahut pendapat awam - terutama sekali jika pendapat sedemikian adalah berakar umbi dari kebebasan dan keadilan.

Bila pindaan yang menimbulkan pertikaian itu diluluskan oleh Parlimen, Anwar tidak melepaskan perjuangannya. Sebaliknya beliau menegaskan kepada beberapa pertubuhan dan persatuan dalam negara ini untuk berada dalam keadaan tenang dan bertindak dengan taktik-taktik baru. Pendaftar Pertubuhan telah memberitahu pertubuhan-pertubuhan itu bahawa mereka boleh memberitahu beliau samaada mereka ingin dijeniskan sebagai pertubuhan politik atau persahabatan. Anwar telah menasihatkan persatuan-persatuan itu supaya jangan terburu-buru membuat keputusan kerana Akta baru itu memberi mereka masa tiga bulan untuk memikirkannya dari masa pindaan-pindaan itu diwartakan pada 15hb Mei.

Taktik ini jelas dibentuk untuk mendesak Pendaftar, oleh kerana itu beliau akan terpaksa mengkaji permohonan-permohonan dari ribuan pertubuhan-pertubuhan pada masa akhir sekali. Dalam tahun 1981 terdapat sebanyak 14,288 pertubuhan-pertubuhan berdaftar dalam negara ini. "Kenapa pula mesti kita mohon sekarang dan melakukan kerja yang harus dilakukan oleh Pendaftar Pertubuhan?" soal Anwar. "Lebih-lebih lagi, jika sesebuah pertubuhan itu membuat permohonan, Pendaftar mungkin tidak akan bersetuju dengannya. Perbezaannya adalah bahawa jika kita membuat keputusan kategori mana pertubuhan yang kita ingin anggotai kita tidak boleh merayu terhadap keputusan Pendaftar apabila beliau menolak permohonan itu."

Sementara itu, Anwar telah memberitahu bahawa beliau telah menulis kepada semua parti-parti politik meminta mengadakan satu mesyuarat untuk berbincang mengenai implikasi Akta itu. Beliau ingin mendapatkan pandangan-pandangan mereka dan demikian

juga untuk mendapatkan pertolongan mereka dalam penekanan-penekanan ke atas kerajaan untuk menjalankan kesederhanaan dalam pelaksanaan Akta itu. Malangnya, sambutan dari parti-parti politik dalam negara ini adalah dingin. Tiga minggu selepas surat-surat dihantar kepada beberapa buah parti politik, hanya sebuah sahaja yang bersetuju untuk menemui ABIM dan lain-lain organisasi menentang Akta itu. Apa-apa tolak-ansur yang diperolehi oleh pertubuhan itu, nampaknya, adalah datangnya dari hasil daya-usaha mereka sendiri.

Meneruskan kempen untuk memansuhkan pindaan-pindaan itu, Jawatankuasa Penyelarasan Akta Pertubuhan (JKPAP) mengelolakan satu simposium kebangsaan mengenai "Kebebasan dan Pertubuhan" pada bulan Ogos yang lalu. Di antara ketetapan yang diambil oleh simposium tiga hari itu adalah satu yang dipanggil sebagai pembentukan sebuah pertubuhan 'yang mengelolakan sumber-sumber aslinya dan lain-lain institusi-institusi dalam satu bentuk yang meninggikan kebebasan dan keadilan bagi semua.' Ketetapan itu mengatakan pelanggaran ke atas hak-hak dan kebebasan awam hanya boleh diatasi melalui penyedaran dari 'satu pilihan sistem sosial yang mengiktirafkan kebebasan sebagai asas kewujudan manusia.'

Ketetapan itu terus menegaskan kepada semua rakyat, kumpulan-kumpulan dan media massa untuk mengajar rakyat ke arah pencapaian matlamat sedemikian. Ianya menyatakan bahawa sepanjang sepuluh tahun yang lalu hak-hak dalam penyertaan dan penyuaran telah dibatasi oleh satu rangkaian undang-undang, yang memuncak dalam pindaan kepada Akta Pertubuhan baru-baru ini. Sambil mengakui bahawa beberapa institusi demokratik terus wujud, simposium mengambil berat tentang apa yang diistilahkan sebagai kemunduran kebebasan dalam kehidupan negara.

Simposium itu juga memutuskan untuk menerbitkan satu penerbitan yang menerangkan kedudukan kebebasan dalam Malaysia semenjak Kemerdekan dengan rujukan tertentu kepada 'perundangan sekatan'. Ianya juga telah menerima satu usul yang mendesak beberapa pertubuhan untuk mengukuhkan perhubungan dalam membantah terhadap pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan dan cuba mengekalkan kebebasan dalam negara ini.

Satu lagi syur penting dari simposium itu adalah bahawa organisasi yang menentang Akta (Pindaan) Pertubuhan membentuk badan lain untuk menguatkan lagi alasan-alasan mereka. Bercakap fasal keputusan itu Anwar menyatakan bahawa JKPAP hendaklah



Datuk Musa Hitam

dibubarkan dan sebaliknya Urusetia bagi Persidangan Pertubuhan-pertubuhan (UPP) ditubuhkan supaya kempen terhadap pindaan-pindaan itu boleh dilanjutkan 'kepada lain-lain perkara berkenaan dasar-dasar kebebasan dan keadilan.'

Menjelang akhir tahun 1981, ianya adalah jelas bahawa kempen terhadap Akta (Pindaan) Pertubuhan telah terus bertambah kuat. Pada pertengahan bulan November, Anwar telah dapat mengistiharkan bahawa UPP yang baru dibentuk itu telah memungut lebih kurang 70,000 tandatangan dari orang awam yang menentang pindaan-pindaan itu. Ini, beliau kata, akan dikemukakan kepada Perdana Menteri. Bagi pihaknya, kerajaan telah pun menunjukkan bahawa ia bersedia untuk menerima suatu cara pendekatan yang lebih mudah. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam memaklum kepada Anwar bahawa beliau telah bersedia untuk menemui wakil-wakilnya dari UPP pada bulan Januari tahun berikutnya untuk berbincang tentang pindaan-pindaan itu dan lain-lain perkara mengenai 'kebebasan persatuan dan penyuaran'.

Lagi satu tandanya tentang kekuatan penentangan kepada pindaan-pindaan Akta Pertubuhan adalah kepayahan yang dialami oleh Pendaftar untuk menjeniskan Pertubuhan-pertubuhan dalam negara ini. Mengikuti nasihat Anwar, banyak pertubuhan-pertubuhan tidak memaklum kepada Pendaftar kategori pertubuhan mana yang mereka ingin diperjeniskan. Menjelang pertengahan bulan November, lebih dari 10,000 pertubuhan masih belum dapat diperjeniskan.

Dalam bulan Mac 1982, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam telah mengadakan satu lagi dailog selama 3 jam dengan wakil-wakil pertubuhan yang membantah pindaan-pindaan itu. Musa memberitahu UPP bahawa kerajaan akan berfahaman bebas dalam penggunaan undang-undang itu tetapi tidak akan bertolak-ansur dengan kumpulan yang menggalakkan komunisme atau perkauman. Beliau juga menyatakan kehairanannya bila diberi butir-butir bagaimana undang-undang baru itu dilaksanakan. Pertubuhan bagi Orang-Orang Buta Malaysia, misalnya, telah digelar sebagai satu pertubuhan politik oleh Pendaftar Pertubuhan kerana ia telah menulis kepada Perdana Menteri membuat beberapa cadangan.

Selepas pertemuan itu Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa kerajaan akan mengkaji semula Akta itu berdasarkan 'feed-back' dari orang awam. Ini, bagaimana pun, bukan selesainya perkara itu. Pindaan-pindaan yang diulangkaji yang dikemukakan kepada Parlimen pada bulan Disember 1982 mengandungi banyak

lagi ciri-ciri yang masih belum boleh diterima oleh pertubuhan-pertubuhan. Tetapi menjelang itu Anwar telah memasuki kerajaan dan demikian itu dapat menggunakan pengaruhnya dari dalam.


Anwar Memasuki UMNO

Perletakan jawatan Anwar sebagai Presiden ABIM dalam bulan Mac 1982, berikut pula dengan kemasukan beliau ke dalam UMNO, adalah suatu peristiwa yang paling hebat sekali dalam tahun itu. Walau bagaimanapun keputusannya yang sungguh menggemparkan itu amat menyedihkan setengah-setengah rakan-rakan seperjuangannya. Tetapi Anwar enggan mengubah ketetapanannya, iaitu beliau percaya yang beliau boleh teruskan perjuangannya dengan lebih berkesan lagi melalui UMNO dalam hal politik, meskipun Syura ABIM telah membuat rayuan kepadanya. Anwar telah mengadakan suatu perjumpaan dengan ahil-ahli Syura ABIM sesuntuk hari dan hanya berakhir sehingga masuk waktu Maghrib iaitu pada jam 7.20 malam. Akhirnya ahli-ahli Syura itu telah bersetuju dengan keputusan yang dibuatnya. "Jika dia yakin kepada apa yang dilakukannya, itu adalah hak mutlaknyanya. Semoga Allah memberkatinya dan membimbingnya ke jalan yang dipilihnya." Ini adalah kata-kata yang didapati dari sumber yang boleh dipercayai.

Pengumuman bahawa Anwar akan bertanding dalam Pilihanraya 1982 selaku calon UMNO telah juga memeranjatkan kalangan ahli-ahli politik. Pada masa itu, langkah yang diambilnya itu dianggap sebagai perebutan kuasa yang hebat sekali bagi pihak UMNO.

Anwar telah bertapak dalam bidang politik yang agak payah diusir kedudukannya kerana perhubungan dan perkhidmatan yang telah diberinya kepada pertubuhan-pertubuhan yang terkemuka. Beliau dianggap sebagai sesuatu yang menguntungkan UMNO dalam Barisan. Mereka yang telah memerhatikan kejayaan ABIM yang luarbiasa akan mengakui yang Anwar menguasai kedudukan yang penting dan memainkan peranan yang penting dalam memulihkan ajaran Islam di Malaysia.

Sebelum itu lagi, Anwar telah menunggu dengan sabar untuk PAS merumuskan rancangannya terhadap sistem politik, ekonomi dan sosial yang dianjurkannya. Tetapi apabila pemimpin-pemimpin PAS mengemukakan rancangan mereka, Anwar berasa tidak puas hati. "Saya mempunyai keyakinan yang sepenuhnya bahawa perjuangan melawan kemiskinan adalah perjuangan Islam, meskipun ia berhasil



Anwar meninggalkan ABIM selepas meletakkan jawatan Presiden.



Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

dari Barisan. Memang, saya pernah mengkritik setengah-setengah aspek yang buruk terhadap Dasar Ekonomi Baru itu. Tetapi yang pentingnya ialah pemimpin-pemimpin sedia mengakui ketidak-sempurnaannya serta kelemahan Dasar Ekonomi Baru itu dan dan memastikan memperbaikinya," tegasnya. Anwar selanjutnya berkata, "Saya melabelkan Dasar Ekonomi Baru itu "haram" atau bercanggah dengan ajaran Islam semata-mata kerana ia ada sesuatu kelemahan dan tidak memuaskan. Saya tidak pula pernah menyokong penubuhan negara Islam atau pemerintahan mengikut peraturan Islam di Malaysia. Malaysia ialah sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada berbilang bangsa. Ini adalah sesuatu yang selalu tersemat di hati saya."

Dr. Mahathir yang telah mengenali Anwar sejak beliau di universiti lagi telah menyokong ketua beliau ini dengan sepenuhnya. Beliau hendakkan Anwar bersama-samanya dalam Barisan. Perdana Menteri sudah lama menitikberatkan kerja-kerja untuk kemajuan kebendaan, dalam pada itu menyokong nilai-nilai kerohanian dan kejasmanian. Dengan cara memulihkan kembali ajaran Islam inilah yang membuat Anwar bersetuju dengan Dr. Mahathir. Dan Islam juga berfungsi sebagai pembela dan penyokong perjuangan individu sebagai satu kuasa dinamis bagi pembangunan negara yang menyebabkan Anwar memegang kedudukan yang penting dalam rancangan politik Perdana Menteri. Oleh yang demikian sudah sampai ketikanya, Dr. Mahathir, tokoh politik yang geliga otaknya tidak teragak-agak lagi memasukkan Anwar sebagai penyokong Barisan. Dalam hal ini, Perdana Menteri telah mendapat pujian bukan sahaja dari bahagian malahan juga dari penyokong mereka. Kedua-dua parti MCA dan MIC telah mengucapkan tahniah kepada Dr. Mahathir kerana dapat menarik bekas pemimpin ABIM yang dinamis itu memasuki Barisan Nasional. Presiden MIC Datuk Samy Vellu mensifatkan Anwar sebagai "seorang pemimpin yang dinamik dan sentiasa berterus-terang" dan menyatakan bahawa pada pandangannya Anwar mungkin menambahkan lagi matlamat kerajaan.

Anwar telah dipilih bertanding dalam Pilihanraya di Kawasan Parlimen Permatang Pauh yang dahulunya telah dimenangi oleh Haji Zabidi Ali dari parti PAS. Ayah Anwar (Haji Ibrahim bin Abdul Rahman) yang pernah menduduki kerusi Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan dari tahun 1964 hingga 1969, tidak lama kemudian telah mula menubuhkan kempen untuk menentukan kemenangan anaknya.

Sementara itu, Haji Zabidi pula yakin mencapai kejayaan.

"Kedudukan saya lebih selesa kerana saya adalah penduduk tempatan. Manakala Anwar adalah orang luar dan tidak dikenali dan dia mungkin tidak dapat sokongan ahli-ahli tempatan," katanya. Dia tidak percaya yang Anwar dapat mempengaruhi ramai cerdik-pandai kaum Melayu. Dia telah mengkritik UMNO. Kalau dia berpaling kepada UMNO, kuasanya terhadap pengikut-pengikut mungkin pudar atau luntur. Tambahnya lagi, Ketua-ketua UMNO Bahagian Permatang Pauh mungkin tidak memberi sokongan kepada Anwar kerana beliau tidak pernah bekerja bersama-sama mereka atau berbuat apa-apa jua untuk bahagian di sini di masa-masa lampau. Anwar tentulah akan menghadapi penentangan yang hebat. Di masa pilihanraya tahun 1978, Haji Zabidi telah menewaskan calon UMNO iaitu Ariffin Haji Daud, ketua belia parti UMNO, Permatang Pauh dengan 860 undi.

Sebagai seorang yang telah lama menceburkan diri dalam bidang politik, Haji Ibrahim tidak mahu mengabaikan peluang anaknya itu. Oleh itu dia serta isterinya telah pulang ke Bukit Mertajam untuk membantu anaknya dalam kempen untuk merebut kerusi parlimen. Haji Ibrahim yang telah menjadi ahli Parlimen bagi Seberang Perai Tengah, yang sekarang berpecah menjadi Bukit Mertajam dan Permatang Pauh, dari tahun 1959 hingga 1969, berasa bangga yang anaknya telah mengambil keputusan menjadi calon Pilihanraya di bawah tiket Barisan Nasional. "Saya amat gembira yang dia telah bersetuju hendak bertanding dalam pilihanraya ini. Dia telah meminta pendapat dan saya telah menyuruhnya berubah sikap kerana adalah lebih berkesan lagi jika menentang dari dalam daripada dari luar. Melaung-laung dari luar adalah perbuatan sia-sia sahaja, kata saya kepadanya."

Kata Haji Ibrahim, dia serta isterinya, yang telah menjadi Ketua Wanita UMNO dari tahun 1961 hingga 1967, telah berusaha bersungguh-sungguh supaya anak mereka terpilih." Kami ada banyak sahabat-handai serta saudara-mara di sana dan saya masih mengekalkan hubungan dengan ahli-ahli UMNO di sana. Pada halnya saya telah menjadi Wakil Rakyat mereka," tegas ayahnya yang mengenangkan dirinya berada di tengah-tengah satu lagi kempen Pilihanraya. Pada masa ini Haji Ibrahim, menjalankan 'Syarikat Pelancungan' serta menjadi Pengerusi Cawangan UMNO Kampung Tunku semenjak dia berpindah ke Petaling Jaya dalam tahun 1969 dan sementara itu menguruskan Tabung Haji juga.

Pada pendapatnya, tidak ada apa-apa masalah yang anaknya disokong oleh penduduk-penduduk Permatang Pauh. Anwar telah

biasa dan beramah-tamah dengan penduduk-penduduk di situ dan telah juga ke sana beberapa kali memberi ceramah di masjid-masjid dan di sekolah-sekolah agama, tambahannya lagi. Keluarga Anwar telah cuba mengutip undi dari rumah ke rumah. Dia dengan keluarganya menyakinkan penduduk-penduduk kawasan itu, apa yang mereka perlu adalah perubahan.

Encik Rani, Presiden Majlis Belia, Pulau Pinang, menyatakan bahawa sungguhpun ahli-ahli kelab belia tidak boleh melibatkan diri dalam politik secara langsung, bagaimanapun ramai di kalangan mereka adalah ahli UMNO, MCA, MIC dan Gerakan, maka mereka mungkin mengundi Anwar. Ada seramai 57,000 ahli dalam kelab-kelab belia yang juga bergabung dengan Majlis Belia Negeri. Keluarga Anwar telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sokongan mereka.

Haji Ibrahim menyatakan keyakinannya terhadap ketulusan hati serta kemampuan anaknya bertugas demi kepentingan negara. Haji Ibrahim tidak salah pula seperti yang dijangkanya kerana ramai di kalangan kawan-kawannya juga bersetuju dan turut sama menaruh keyakinan atas kemampuan Anwar menjalankan tugasnya dengan sempurna berkenaan dengan kerja-kerja Parlimen. Keputusan pilihanraya telah membuktikan yang pengundi-pengundi Permatang Pauh juga bersetuju dengan pendapat itu.

Tidak lama kemudian Dr. Mahathir melantik Anwar sebagai Timbalan Menteri di dalam Jabatan Perdana Menteri.)

Menurut suratkhbar Malay Mail, oleh kerana Anwar lebih condong kepada akidah Islamiah dan bertanggungjawab terhadap hal-hwal belia-belie, maka seharusnya beliau sesuai sekali menjadi calon untuk menyandang jawatan Timbalan Menteri di dalam Jabatan Perdana Menteri. Jika diperimbangkan yang beliau bekas pemimpin ABIM serta Majlis Belia Malaysia, maka tugas barunya adalah pada hakikatnya lanjutan tugas-tugas lamanya.

(Selaku Timbalan Menteri, beliau adalah dikehendaki menumpukan perhatiannya terhadap semua hal-hwal di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri, termasuklah Tabung Haji dan Lembaga Urusannya. Anwar juga bertanggungjawab atas segala hubungan dengan wakil-wakil Islam Antarabangsa dan membantu "Biro Tatanegara" sebuah biro yang menjalankan penyelidikan masalah semasa berhubung dengan belia-belie. Walau bagaimanapun, setelah menjadi Timbalan Menteri, kedudukan Anwar adalah lebih baik bagi menyeru untuk pembaharuan dalam lapangan yang dirasainya akan mendatangkan munafaat kepada rakyat yang miskin.

Penumpuannya untuk memajukan sosio-ekonomi golongan miskin ke arah pertubuhan yang bermoral tinggi adalah termasyhur. Tujuannya untuk mencapai kedua-dua matlamat ini atas dasar-dasar landasan perjuangan yang jelas iaitu Islam, katanya, tidaklah pula bertentangan dengan masyarakat majmuk di Malaysia.

Anwar memandang Islam bukan dari konteks yang sempit tetapi dari segi yang lebih luas. "Adalah dikehendaki mempunyai pembawaan moral yang tinggi serta sesuatu pemikiran yang sempurna dan berdisiplin dalam masyarakat majmuk di mana kesabaran berasaskan agama dan keharmonian kaum adalah paling penting. Semuanya ini adalah bagi manusia biasa, dan mestilah juga mewujudkan keadilan semua," katanya. Keagamaan yang melampau dan disertai dengan bersikap tidak sabar hanya akan menimbulkan perasaan kecurigaan kepada orang-orang bukan Islam. Tetapi secara umum, hendaklah kita bertindak dengan sewarasnya ke arah kebahagiaan demi kepentingan ramai.

Matlamat yang hendak disampaikan ialah bahawa agama Islam adalah bersesuaian dengan kemajuan sosio-ekonomi. Beliau rasa bahawa beberapa projek ekonomi yang dijalankan oleh orang-orang Muslimin harus diperbanyakkan. Misalnya penubuhan Bank Islam yang dirancang mendapat sokongan daripadanya oleh kerana pentingnya membantu kaum Muslimin dalam berbagai kegiatan. "Falsafahnya ialah sesebuah bank itu dapat menguruskan banyak lagi kebajikan lagi orang ramai, khususnya bagi orang-orang Muslimin. Kalau berjaya, maka bank itu serta syarikat yang telah dilayaninya boleh berkongsi keuntungan yang diperolehinya. Di sebaliknya pula, kalau gagal, maka sekaliannya sama-sama memikul tanggungjawab. Oleh itu bank hanya boleh melabur di mana-mana yang tidak syak lagi akan mendatangkan keuntungan. Bank itu patut menjadi contoh bukan sahaja kepada orang-orang Muslimin bahkan kepada orang-orang lain juga. Dalam konteks yang luas, bank itu dianggap sebagai Bank Kebajikan," kata Anwar lagi.

Beliau dapati bahawa zakat dan fitrah adalah kemungkinan menjadi sumber modal untuk membantu orang-orang Muslimin dalam kegiatan-kegiatan ekonomi. Beliau juga mementingkan saling persefahaman antara agama dan penting sumbangan agama untuk meninggikan moral. "Saya akan menentukan untuk memupukkan perasaan saling mengerti," kata lagi.

Mengenai ABIM, katanya, pergerakan itu adalah dalam tangan pengurus yang cekap, penyelenggaraan yang sempurna dan pendirian dasar yang tetap. Saya yakin bahawa di bawah pemimpin-pemimpin

baru itu, ABIM akan bergerak maju," katanya.

Anwar menerangkan bahawa apabila beliau bertanding dalam pilihanraya beliau terpaksa meletakkan jawatannya sebagai Presiden ABIM iaitu sebuah pertubuhan yang bebas, bukan parti Pak Turut dan bukan pertubuhan politik. Ini semua menunjukkan bahawa beliau adalah pemimpin kebangsaan yang berkaliber.

Anwar Ibrahim jarang-jarang melepaskan peluang untuk memperkenalkan pembaharuan baru, khususnya untuk menganjurkan penubuhan sebuah Pusat Seminar Pertanian bagi membantu petani untuk membiasakan diri mereka dengan cara-cara terbaharu memajukan pertanian.

Anwar menegaskan bahawa oleh kerana hal-hal yang tersebut di atas maka Universiti Pertanian patut memberi perhatian yang berat untuk menubuhkan sebuah pusat kerana adalah penting membimbing petani-petani mengikuti teknologi yang terbaru. Pusat itu, katanya, bolehlah mengadakan suatu pertunjukkan untuk menunjukkan contoh-contohnya supaya petani dapat menilai faedahnya sendiri dari sesuatu projek itu, dengan itu mereka akan terpengaruh untuk menerima perubahan baru itu. Pusat itu bolehlah juga dibuka kepada orang ramai supaya mereka dapat mengetahui penemuan dan kemajuan dalam bidang pertanian. Anwar menegaskan demikian semasa pembukaan Seminar Pengawalan Penyakit dan Kemajuan Terbaru dalam Penternakan Ayam-Itik.

Beliau rasa peladang-peladang amat terpengaruh dengan sikap pegawai-pegawai perkembangan. Beliau mengingatkan, "Kalau pegawai-pegawai perkembangan ini berdedikasi, membaktikan diri terhadap tugas mereka, tidak sanggup mengorbankan dan enggan bercampur-gaul dengan peladang-peladang dan hanya memberi arahan dari dalam pejabat-pejabat mereka yang berhawa dingin sahaja, maka tentulah sukar untuk mengubah sikap-sikap peladang-peladang itu." Pegawai-pegawai perkembangan ini tidak harus menuduh peladang-peladang tidak sanggup menerima perubahan. Anwar menyeru kepada pihak universiti itu menentukan yang graduan mereka bukan sahaja harus melengkapkan diri dengan mengetahui selok-belok, tetapi juga berdedikasi dan bersemangat pengorbanan serta hendaklah bertungkus-lumus demi kebaikan peladang-peladang di negara ini. "Adalah diperlukan orang-orang yang boleh memahami peladang-peladang dari segi agama dan berkenaan dengan kebudayaan mereka," tambah lagi.

Sehari selepas daripada itu, iaitu, pada 25hb Mei 1982, sewaktu membuat lawatan ke Ibu Pejabat LUTH, Anwar mendesak LUTH



Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin.

memperbaiki lagi perkhidmatannya itu. Sungguhpun perkhidmatan yang telah disediakan sekarang bolehlah dikatakan elok, tetapi masih boleh diperbaiki lagi, katanya. Memandangkan kepada beberapa aduan yang dibuat dari sesuatu pihak disebabkan oleh kekurangan penerangan yang tepat, maka beliau mencadangkan Lembaga itu memperbaiki lagi kerja-kerja penerangannya. Beliau juga menyen-tuh dengan tambang sewaan kapalterbang MAS yang tinggi yang luarbiasa itu untuk bakal haji ke Saudi Arabia, jika dibandingkan dengan penerbangan biasa. LUTH sepatutnya mengedarkan surat edaran yang menerangkan keadaan yang sebenarnya kepada bakal-bakal haji itu.

Ketua Pengarah, LUTH, Haji Hanafiah Haji Ahmad menegaskan bahawa keadaan itu tidak dapat dielakkan kerana MAS terpaksa membayar wang jasa sebanyak \$85/= kepada Kerajaan Saudi Arabia bagi tiap-tiap seorang bakal haji yang menaiki kapalterbang sewaan MAS. Memandangkan kepada bilangan penumpang yang sebegitu ramai, LUTH terpaksa mengangkut bakal haji dengan kapalterbang sewa. Sungguhpun perimbangan seorang doktor bagi tiap-tiap 1,000 orang bakal haji, bagaimana keadaan ini bolehlah dikatakan lebih baik lagi daripada setengah-setengah negara, dia bersetuju yang keadaan itu masih boleh diperbaiki lagi.

Anwar melangkah setapak lagi dalam karier politiknya iaitu dalam bulan September, apabila beliau menandingi Datuk Suhaimi Kamaruddin untuk merebut kerusi Presiden Pemuda UMNO.

Dengan kewibawaannya yang tersendiri, Anwar tidak pula terburu-buru mengambil keputusan. Sebenarnya, bahagian-bahagian Pemuda UMNO telah pun mencalonkan beliau bagi jawatan itu awal-awal lagi dalam bulan Jun. Namun, pencalonannya tidak pula diumumkan kepada orang ramai hingga pertengahan bulan Ogos.

Menjelang bulan Ogos lebih daripada 46 bahagian telah mencalon-nya dan beliau telah digesa dari beberapa bahagian lagi untuk menan-dingi pimpinan Pemuda UMNO. Terlebih dahulu, Anwar ingin membuat taksiran betapa banyak sokongan yang akan diperolehinya sebelum membuat ketetapan. Meskipun beliau telah diberi nasihat oleh sesuatu pemimpin-pemimpin kanan UMNO, iaitu sudah sam-pai masanya beliau menandingi Datuk Suhaimi jika beliau mahu, tetapi Anwar masih berhati-hati sebelum membuat sebarang langkah.

Kebolehan Anwar sebagai pemimpin memanglah terkenal tetapi beliau tidak mahu mendesak pandangannya terhadap parti dengan cara terburu-buru sahaja. Pada halnya, beliau telah bergiat memasukkan idea barunya kepada parti dan kerajaan sejak perlan-

tikannya sebagai ahli parlimen UMNO dalam Pilihanraya dalam bulan April. Mengikut suatu sumber yang boleh dipercayai, beliau telah "cuba mengelakkan sebarang keputusan yang mungkin menjajakan parti dan hasil perubahan pentadbiran 2M (Dr. Mahathir dan Datuk Musa)".

Beberapa bahagian yang telah mencalonkan Anwar berkata bahawa mereka berbuat demikian kerana mereka tidak sanggup lagi terus mengalami kemelesetan pergerakan mereka sehingga menjadi kepimpinan yang tidak memberi apa-apa kesan lalu menaruh harapan supaya Anwar memulihkan semula pergerakan kepada kegemilangan yang pernah dialami dahulu. Mereka mahukan kejayaan yang gilang-gemilang yang pernah dicapai di masa-masa dahulu. Jurucakap yang berkenaan menegaskan bahawa mereka mahukan seorang Ketua Pemuda UMNO yang bekelayakan dan sesuai dengan kepimpinan 2M yang dinamik dan menyelenggarakan polisi kedua-kedua pemimpin itu dengan berkesan.

Bahagian-bahagian ini mengeneipkan hujah-hujah yang mengatakan bahawa Anwar baru sahaja menjadi ahli oleh itu dia mungkin tidak diterima oleh ahli-ahli dan lagi sebenarnya UMNO sudah memang ada pemuanya yang berkebolehan.

Sebelum itu Anwar adalah pemimpin yang terkenal di antarabangsa dan dengan beliau memegang teraju, Pemuda UMNO mungkin akan menambahkan kejujuran pergerakan itu.

Memandangkan kepada kegiatan-kegiatannya sebelum beliau betul-betul aktif dalam UMNO, sudah ada petunjuk-petunjuk bahawa segala tindak-tanduk yang dilakukannya berdasarkan prinsip-prinsip. Beliau telah mengambil keputusan untuk bergiat dalam UMNO berdasarkan prinsip-prinsip juga. Ada berita dari sumber yang boleh dipercayai yang mengatakan bahawa di samping 45 buah bahagian yang telah mencalon beliau, Anwar juga dijangka mendapat sokongan bahagian-bahagian yang telah mencalon Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim, yang telah mengumunkan pengundurannya dari pertandingan untuk kerusi Ketua Pemuda UMNO. Datuk Rais telah menerima pencalonannya dari 20 buah bahagian.

Pada 13hb Ogos Anwar telah mengumunkan dengan rasmi yang beliau akan menandingi Datuk Suhaimi Kamaruddin untuk merebut kerusi Ketua Pemuda UMNO. Anwar yang telah baru sahaja lima bulan menjadi ahli UMNO, mengatakan tidaklah mudah baginya menerima pencalonan itu. Tetapi setelah memikirkan dengan panjang dan mendalam akhirnya telah bersetuju. "Saya akan berdepan


dengan sahabat baik saya, oleh yang demikian, seperti yang diidam-idamkan bahawa amalan demokrasi akan dihormati dan kempen akan dijalankan dengan penuh timbang rasa serta mengekalkan nilai-nilai moral dan terhad kepada unsur-unsur asas," katanya dalam ucapannya.

Ujar Anwar lagi bahawa sungguhpun beliau telah menyatakan keengganannya hendak bertanding untuk jawatan itu oleh kerana tanggungjawabnya sebagai Timbalan Menteri, tetapi beliau telah didesak mempertimbangkan semula atas keputusan itu.

Pada mulanya beliau fikir adalah terlalu awal lagi baginya untuk menandingi kerusi Ketua Pemuda UMNO, "Walaupun bagaimanapun, setelah membuat lawatan ke seluruh negara dan mendengar pendapat ahli-ahli belia, nampaknya jelaslah yang mereka hendakkan perubahan sejajar dengan mengikut tema semasa dan amanat Kerajaan kita," katanya.

Lain-lain sebabnya, tegas beliau, ialah menjadikan polisi kerajaan untuk memperbaiki ekonomi orang-orang Melayu dan menanamkan nilai-nilai agama Islam dalam pentadbiran. Beliau juga rasa, "hanya UMNO sahaja yang boleh mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat." Anwar menyatakan bahawa tidak apa-apa kesilapan dengan pergerakan Pemuda UMNO sekarang. Namun begitu, tenaga pemuda hendaklah dipergunakan dengan lebih berkesan lagi dan sebagai kumpulan gerakan rakyat, Pemuda UMNO seharusnya bergerak dengan berkesan. Pemuda UMNO adalah juga tempat generasi muda menyedari cita-cita mereka, tambah lagi. Oleh yang demikian, tidak ada jalan lain melainkan bersetuju dengan pencalonan untuk jawatan Ketua Pemuda UMNO," kata Anwar. "Saya serahkan kepada kebijaksanaan ahli-ahli untuk memilih (beliau atau Datuk Suhaimi untuk menjadi Ketua Pemuda UMNO) dan saya akan tunduk dan mematuhi apa-apa juga keputusan dari mereka."

Ramai pemerhati percaya bahawa hasil pilihanraya bergantung kepada sama ada ahli-ahli pemuda UMNO telah tidak ada lagi pengaruh seperti pada masa lampau dan memerlukan perubahan. Penyokong-penyokong Anwar memberi alasan bahawa Pemuda UMNO tidak lagi seperti suatu kumpulan pendesak dan bertenaga seperti dahulu semasa Datuk Harun Haji Idris sebagai Bapa Pemuda. Di masa pimpinan Datuk Harun, kata mereka, pergerakan itu berada di kemuncak kegemilangannya, pergerakan itu adalah jujur dan berterus terang dalam isu-isu yang besar-besar pada hari itu tetapi



Datuk Haji Harun Idris



Anwar merayakan kemenangan Pilihanraya.



Anwar sedang bercakap dengan Datuk Rais Yatim.

sejak Datuk Suhaimi mengambil ahli telah beransur-ansur tidak berpengaruh lagi.

Bagi penyokong-penyokong Anwar, soal pokok hanyalah kepimpinan. Di masa-masa beliau sebagai penuntut lagi, Anwar telah disanjung tinggi kerana menjadikan Pertubuhan Bahasa Malaysia di Universiti Malaya sebagai sebuah pertubuhan yang mempunyai kuasa yang kuat dan kumpulan penuntut yang berpengaruh di universiti itu. Kemudian, dia menjadikan ABIM terkenal dan disegani serta menjadikannya sebuah badan yang tunggal dan tidak ada badan lain lagi selain daripada UMNO yang telah menarik pemuda Melayu begitu besar bilangannya menjadi ahli.

Penyokong-penyokong Datuk Suhaimi menegaskan bahawa Pemuda UMNO masih berkesan seperti biasa tetapi dari bentuk yang lain. Mereka berpendapat bahawa pada suatu masa dahulu ia hanya melaung-laung sahaja kerana tidak ada cara lain lagi supaya orang ramai mengetahui wujudnya Pemuda UMNO ini. Namun, di "zaman Suhaimi", ramai ahli Pemuda UMNO telah diberi jawatan yang berkuasa dalam kerajaan. Oleh kerana itu, sekarang mereka itu adalah dalam kedudukan yang boleh mempengaruhi polisi-polisi secara langsung.

Untuk menjawab hujah-hujah dari penyokong-penyokong Anwar iaitu perubahan adalah perlu supaya sejajar dengan pentadbiran 2M; maka penyokong-penyokong Suhaimi menegaskan bahawa dalam tradisi UMNO tidak pula termasuk diadakan kekacauan pramasa dalam keadaan semasa. Perkembangan harus dilakukan secara beransur-ansur serta teratur.

Oleh kerana Suhaimi sedang memegang jawatan, maka dia lebih berpeluang berdamping dengan ahli-ahli sebelum pilihan diadakan. Namun begitu, bagi pihak Anwar pula, sudah nyata beliau adalah terkenal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai seorang yang berkuasa dalam ilmu agama Islam. Pendiriannya telah terbukti dengan perlantikannya sebagai Pengerusi Bank Islam oleh Perdana Menteri.

Ramai pemerhati percaya sokongan yang dihulurkan oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim, akan dapat menentukan calon yang mana akan menang.

Pada satu ketika Datuk Rais telah dijangka sudah tentu bertanding sebagai calon. Jadi, apabila beliau mengumumkan keputusannya tidak mahu bertanding, maka kedua-dua Anwar dan Suhaimi telah cuba mengumpulkan sokongan-sokongan dari beberapa buah bahagian yang telah dahulunya menyokong Datuk Rais.



Datuk Suhaimi mengabadikan sebagaimana keadaan sebelumnya.



Anwar: Undi untuk perubahan dan pembaharuan.

Bagi pihaknya, Anwar telah berjanji akan menjadikan Pemuda UMNO suatu pergerakan yang lebih berkesan lagi jika diberi mandat dalam pilihanraya yang akan datang. Apabila diminta memberi pandangannya tentang peranan Pemuda UMNO dan kesannya, sewaktu menemuinya di suatu perbualan, Anwar berkata, "Saya tidak menganggap Datuk Suhaimi telah gagal sebagai pemimpin. Beliau telah membuat sesuatu, dia juga telah memimpin dalam saat-saat yang penting. Kalau dipilih dalam perhimpunan tahunan bulan depan, saya dan rakan-rakan seperjuangan saya akan cuba dengan sedaya-daya mengembangkan sesuatu isu dan memajukan mana-mana yang sudah ada sedia diusahakan. Bukanlah saya mengatakan yang saya ini lebih bijak daripada Datuk Haji Suhaimi dan juga tidak pula saya ini bertanding oleh kerana perselisihan faham peribadi. Saya ulang lagi bahawa keputusan untuk bertanding telah dibuat setelah mengadakan penilaian yang besar pengaruhnya di kalangan Pemuda UMNO."

Yang dipersoalkan ialah akibatnya yang mungkin terjadi sesudahnya pertandingan itu, Anwar mengarahkan perhatian kepada kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad: "Perdana Menteri itu sendiri telah mengatakan bahawa yang berjaya itu tidaklah pula menang semuanya, demikian juga sebaliknya. Sesiapa pun boleh mencuba. Yang mustahaknya ialah yang kalah itu tidak harus menyesal dan yang menang itu jangan pula mementingkan diri sendiri. Kalau saya menang saya akan mengerahkan segala tenaga yang ada pada Pemuda UMNO dan kalau terkecewa, saya akan terus menjalankan tanggungjawab saya terhadap kerajaan." Beliau menegaskan kepada perhimpunan itu, baik apa pun keadaannya, seorang itu tentulah sudah mempertimbangkan dengan mendalam hal-hal yang mungkin terjadi dan kemungkinannya berikut dengan pertandingan itu.

Menurut Anwar, sikap terbuka pimpinan 2M ini belum pernah terjadi atau berlaku sebelumnya di dalam sejarah negara ini sejak merdeka. "Dalam tiap-tiap isu kepimpinannya telah berada juah ke hadapan sebelum Pemuda UMNO dapat memikirkan sesuatu. Kami bercita-cita memimpinnya supaya mara ke hadapan dan memajukan ke peringkat perjuangannya" kata Anwar. Dengan khususnya Anwar berkata beliau rasa Pemuda UMNO sepatutnya memulakan langkah-langkah yang harus diambil menentang amalan rasuah dan juga memperbaiki kecekapan dalam kerajaan.

Anwar telah bertungkus-lumus untuk menentukan kejayaannya. Beliau telah menjelajah ke seluruh negara dan menemui pegawai-

pegawai kerajaan dan ahli-ahli UMNO dari lebih daripada 70 buah Bahagian UMNO. Setelah didapati ada kecaman-kecaman, beliau berkata dengan tenang: "Saya terpaksa sungguh-sungguh menahan dan banyak-banyak bersabar". Anwar memberi amaran kepada penyokong-penyokongnya supaya jangan bertindak dengan cara kotor, dan jangan memburuk-burukkan nama dan mencemarkan keperibadian serta fitnah-menfitnah. Juga janganlah sumpah-menyumpah — dengan kata lain janganlah maki-memaki waktu mengadakan syarahan pilihanraya. Beliau menasihatkan rakan-rakan dan penyokong-penyokongnya supaya bercakap dengan waras dan bersopan-santun. Beliau telah menegaskan berkali-kali dengan yakin bahawa dasar politiknya tetap memerlukan perubahan yang segera. Dari segi politik, pemilihan adalah lebih genting daripada jawatan Ketua Pemuda UMNO. Yang menang itu akan dengan sendirinya menjadi Naib Presiden parti dan menjadi ahli biro politik yang berkuasa — Nadi Kabinet — bagi parti. Biro itu dipengerusikan oleh Presiden Parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Ahli-ahlinya yang lain termasuk Timbalan Presiden, Datuk Musa Hitam, ketigatiga Naib Presiden yang telah dilantik — Encik Ghafar Baba, Datu Haji Harun Idris dan Tengku Ahmad Rithaudeen dan Presiden Wanita UMNO Datin Paduka Aishah Ghani. Biro politik inilah yang memperbincangkan isu-isu yang penting bagi parti dan negara sebelum dibincangkan di Majlis Tertinggi UMNO.

Kebanyakan pemerhati menjangka keputusan pilihanraya itu tidak akan begitu jauh bezanya. Datuk Suhaimi lebih berpeluang memenanginya kerana beliau kenal sendiri pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO di beberapa negeri. Walau bagaimanapun, sudah jelas juga yang beliau telah hilang penyokong-penyokongnya di setengah-setengah kawasan yang penting. Rombongan dari Selangor, misalnya, yang dikatakan menyokong beliau tetapi telah diketahui juga bahawa Datuk Harun, bekas Ketua Pemuda UMNO telah tidak yakin lagi terhadap kepimpinannya. Maka adalah sukar hendak diketahui kesan-kesannya dengan pengaruh Datuk Harun itu.

Namun begitu, setengah-tengah pemerhati percaya bahawa Datuk Suhaimi kalah pilihanraya, setidak-tidaknya kerana tersalah langkah. Dalam ucapannya di Persidangan Agung Pemuda UMNO pada 9hb September, beliau telah didapati oleh orang ramai cuba dengan samar-samar mengkritik Anwar. Beliau telah diejek dengan jerit-pekik pada suatu ketika semasa memberi ucapan presiden oleh wakil-wakil kerana telah disangkakan yang beliau mengambil kesempatan menggunakan jawatan presiden sebagai kempen untuk dirinya.



Kemenangan Anwar disambut dengan semangat yang meluap-luap.



Datuk Musa mengucap tahniah kepada Anwar.



Pemenang dan yang kalah. Anwar dan Suhaimi berjabat tangan.



Jawatankuasa Pemuda UMNO kembali bekerja.



Anwar dengan Datuk Najib di majlis kerja Pemuda UMNO.

Keputusannya adalah seperti berikut:

Anwar Ibrahim	—	183
Suhaimi	—	173
Hang Tuah Arshad	—	3

Kejayaan Anwar Ibrahim sebagai Ketua Pemuda UMNO atas Datuk Suhaimi bin Kamaruddin yang sedang memegang jawatan itu telah disambut dengan baik oleh kebanyakan pemimpin-pemimpin parti.

Meskipun mereka luar daripada badan itu yang telah mengkaji riwayat hidup Anwar, telah meramalkan beliau mempunyai masa depan yang gemilang. Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim, menyatakan beliau yakin bahawa Anwar, Ketua Pemuda UMNO yang baru dilantik, akan membawa perubahan dalam pergerakan sejajar dengan kehendak-kehendak pemimpin-pemimpin parti. Datuk Rais juga ahli Majlis Tertinggi UMNO telah berkata bahawa Anwar arif menghasilkan perubahan yang dikehendaki, khususnya mempertahankan ajaran agama Islam.

Kemenangan Anwar, katanya lagi, akan mengukuhkan pergerakan itu. Pemimpin baru ini dan rakan-rakan seperjuangannya dalam Jawatankuasa Eksekutif akan bekerjasama untuk menentukan supaya pergerakan itu berjalan dengan licin untuk mencapai tujuannya. Beliau menggesa bahawa perhubungan rapat di antara pergerakan itu dengan pemimpin-pemimpin hendaklah dikekalkan. Berhubung dengan pilihanraya, beliau berkata telah berlaku taktik-taktik buruk yang diamalkan oleh setengah-setengah golongan dengan mencemarkan nama seseorang. Datuk Rais berharap supaya taktik yang sedemikian janganlah digunakan dalam perhimpunan-perhimpunan UMNO di masa-masa yang akan datang.

Juga yang pentingnya ialah sokongan bagi Anwar yang telah dijanjikan oleh Timbalan Ketua Pemuda UMNO, Datuk Najib Tun Abdul Razak. Beliau juga menafikan tuduhan bahawa sebelum pada itu telah menyatakan yang beliau akan meletakkan jawatannya jika Anwar Ibrahim dilantik menjadi ketua pergerakan itu. Katanya tuduhan itu timbul waktu beliau memberi ucapan di Ipoh yang mana telah dipergunakan dengan sengaja oleh setengah-setengah golongan untuk memecah-belahkan pemuda-pemudi. Datuk Najib, selaku Menteri Besar Pahang, telah dipilih tanpa bertanding sebagai Timbalan pergerakan itu.

Datuk Najib mengulang lagi sekali hasratnya hendak bekerja dengan Anwar untuk memperkukuhkan lagi pergerakan itu.

Beliau menegaskan bahawa pergerakan itu hendak memainkan

peranan golongan yang berpengaruh yang mendatangkan manufaat kepada parti dan bangsa. Peranan ini harus diteruskan sungguhpun ramai di kalangan pemimpin pergerakan itu adalah kakitangan kerajaan.

Anwar telah diperingatkan oleh Encik Abdul Hamid Omar dari Johor, supaya memainkan peranannya seperti yang diharapkan oleh pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli parti itu. Beliau kata, dalam sejarah UMNO belum pernah ada seorang pemimpin pun yang telah naik ke atas sebegitu lekas seperti Anwar. Kata beliau parti itu telah menganggap Ketua Pemuda itu sebagai "Mutuara yang baru ditemui" tetapi ini bukanlah bermakna yang beliau tidak boleh dibidas. Memanggil Anwar dengan menyebut adik, beliau kata di perjumpaan itu, semua ahli bebas mengkritik sesiapa juga yang dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas parti dan kerajaan. "Sekarang, adik baru tahu, apa dia UMNO," kata beliau waktu menyokong resolusi Pemuda UMNO dalam hal pentadbiran. Kata Encik Abdul Hamid bahawa Anwar ada banyak pengikutnya waktu beliau memimpin pertubuhan-pertubuhan lain. Katanya Ketua Pemuda itu akan sungguh berkhidmat kepada UMNO kalau beliau dapat menggalakkan semua pengikut serta penyokong-penyokongnya memasuki parti itu.

Timbalan Presiden MIC, Encik S. Subramaniam yang telah mengucapkan tahniah kepada pemimpin baru itu, rasa Anwar tidak akan bersikap "pelampau" sewaktu menjadi Ketua pergerakan tetapi pemimpin yang bertanggungjawab. Beliau yakin yang Pemuda UMNO akan mencapai kejayaan-kejayaan selagi pemimpin baru itu memainkan peranannya bersesuaian dengan konsep-konsep Barisan Nasional.

Anwar Dalam Kerajaan

Sebab-sebab yang utamanya Anwar memasuki Barisan Nasional dan hendak melanjutkan karier politik menerusi UMNO ialah dengan cara ini beliau akan dapat mempengaruhi polisi kerajaan dari dalam. Khususnya, diharapkan sepenuhnya beliau mempunyai kuasa yang lebih luas untuk mengkaji semula Akta Pertikaian Pertubuhan (Pindaan) Akta 1981 seperti dijanjikan oleh kerajaan.

Setelah perkongsian Mahathir-Musa bermula dalam tahun 1981 didapati berbagai-bagai tandanya bahawa kepimpinan baru ini bersedia menyuburkan suasana politik lebih luas dan bebas. Misalnya sebilangan besar orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) telah dibebaskan. Ramai pemerhati menyangkakan Akta Pindaan Pertubuhan 1981 hanya penyimpanan yang Anwar akan dapat gugurkan dengan mudah sahaja.

Namun, mula-mula, kenyataan itu nampaknya agak berlainan. Apabila kerajaan mengemukakan pindaan penyemakan Akta Pertubuhan kepada Parlimen dalam bulan Disember 1982 telah nyata bahawa usaha-usaha itu telah tidak berjalan seperti yang diharapkan oleh Anwar. Rang Undang-undang baru menggugurkan perbezaan antara "pertubuhan persahabatan dan politik" tetapi masih mengekalkan beberapa lagi peruntukan yang tidak diperkenankan. Pendaftar Pertubuhan tidak mematuhi seperti yang dinyatakan seperti dahulu. Pertubuhan-pertubuhan ini tidak boleh merayu untuk menentang keputusan yang diambil oleh pendaftar-pendaftar di mahkamah. Kerajaan juga telah meluluskan fasal baru memberikan pendaftar kuasa "masuk dan periksa" di perkarangan bangunan-bangunan.

Tindakbalas pertubuhan-pertubuhan yang telah menyebabkan kempen menentang pindaan 1981 telah disambut dengan hebat. "Yang utamanya membimbangkan pada pandangan kami ialah undang-undang itu tidak demokratik," kata Dr. Chandra Muzafar, Presiden ALIRAN, Pengganti Anwar dalam ABIM, Kamaruddin Mohamed Noor, turut sama rasa cemas. ABIM, kata beliau rasa "sangat terganggu dan kecewa."

Bagi pihak beberapa pemerhati, nampaknya Anwar telah

bertungkus-lumus tetapi tidak berjaya bak kata pepatah "habis umpan kerung-kerung pun tak dapat". Setengah-setengah orang pula percaya beliau telah tidak begitu giat menentang untuk tujuannya dan akan menghadapi akibatnya dalam gelanggang politik. Dengan penyokongnya kini berada dalam khayalan belaka, maka harapan Anwar memajukan karier politiknya di masa hadapan nampaknya gelap sekali.

Adalah jelas bahawa pengaruh Anwar ke atas kerajaan kelihatan terhad: Semasa Anwar meletakkan jawatan sebagai Presiden ABIM dan bersetuju membuat perjanjian dengan Perdana Menteri mengenai Akta Pindaan Pertubuhan 1981. Apabila butir-butir Rang Undang-undang telah diketahui dalam bulan Disember 1982 ramai percaya yang Anwar patut meletakkan jawatan untuk membantahnya.

Tetapi di sebaliknya, Anwar telah mengambil keputusan meneruskan perjuangannya dari dalam. Waktu bertemu dengan Musa dan Mahathir beliau telah dilaporkan meminta dua perubahan. Yang pertama ialah hak merayu menentang keputusan yang diambil oleh pendaftar-pendaftar, dan yang keduanya pula ialah menambahkan perlunya bagi pejabat pendaftar mendapatkan perintah Magistret untuk "masuk dan mencari" di pejabat-pejabat pertubuhan. Pada kali ini Anwar berjaya menyakinkan kerajaan menarik Rang Undang-undang sementara menunggu penyemakan Akta itu.

Asas perubahan dalam Akta Pertubuhan tergelung seperti berikut supaya mudah untuk rujukan.

Di bawah pindaan-pindaan yang dibentang di Dewan Rakyat dalam bulan Mac 1983 undang-undang yang menguasai pertubuhan-pertubuhan di Malaysia telah menjadi serupa dengan Akta yang asal dalam tahun 1966. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa, yang juga selaku Menteri Hal Ehwal dalam Negeri berkata bahawa kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengembalikan balik Akta seperti sebelum pertikaian pindaan itu dibuat. Beliau juga mengatakan yang beberapa maksudnya telah diperbaiki dan hampir semua rayuan yang dibuat oleh pertubuhan-pertubuhan yang difikirkan berpatutan telah diterima.

Pindaan yang terpenting sekali menyebabkan pertikaian — pengkelasan pertubuhan sebagai politik — terhenti wujudnya di bawah "pertubuhan biasa". Seluruh Bahagian IA mengenai dengan perkara ini dalam pindaan 1981 telah dibuang. Kehendak-kehendak bagi pertubuhan untuk mendapatkan kebenaran dari Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri sebelum pendaftar boleh mendaftarkan sesuatu pertubuhan, yang pada pandangan Menteri itu menjejaskan keselamatan atau ada penggabungan luar negeri juga dibuang.

Tambahan lagi, Fasal 5, pindaan itu menghendaki menyingkirkan kuasa Pendaftar-pendaftar pertubuhan yang bergabung dengan pertubuhan lain yang pendaftarannya telah dibatalkan.

Seksyen baru telah dikemukakan iaitu sesuatu pertubuhan tidak bebas dan terlepas daripada tanggungan mengikut kontrak oleh cawangannya atau ahli-ahli Jawatankuasa melainkan cawangan tersebut telah memberi kebenaran yang nyata untuk berbuat demikian. Sebuah cawangan kanan mungkin bertanggungjawab untuk mengikut kontrak oleh cawangan lain yang dikuasainya kalau ia telah memberi kuasa kepada cawangan yang di bawahnya. Seksyen kecil memberi seseorang yang tidak puas hati dengan apa-apa keputusan Pendaftaran itu diberi tempoh selama 30 hari untuk merayu kepada Menteri dan keputusannya muktamad dan tidak boleh dicabar, tidak boleh merayu menentanginya, disemak semula, dibatalkan atau dipersoalkan di mahkamah telah juga dibuang.

Sekatan yang dikenakan ke atas pertubuhan berdaftar dari mengubah tempat mesyuarat tanpa kebenaran telah dihapuskan. Pertubuhan-pertubuhan juga diberi tempoh selama 28 hari dan bukan 14 hari untuk memberitahu Pendaftar keputusan mereka mengubah atau meminda peraturan mereka. Seksyen 11A berhubung dengan penggabungan luar negeri telah dihapuskan sama sekali. Pertubuhan mempunyai selama 3 bulan untuk menubuhkan sebuah cawangan setelah diberi kebenaran melainkan masa lanjutan diberi oleh Pendaftar.

Pendaftar dibenarkan membatalkan pendaftaran sebarang pertubuhan disebabkan salah adalah nyata dalam mana-mana perkara yang tertentu. Kuasa Pendaftar mengarah pertubuhan menyingkir pemegang jawatan atau penasihat telah juga dihapuskan. Bekas pemegang jawatan akan bertanggungjawab sebarang notis, perintah atau lain-lain surat diterima oleh mereka kepada pemegang jawatan atau dihantar balik kepada penghantar. Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri akan diberi kuasa mengarah hartabenda sesebuah pertubuhan, yang pendaftarannya telah dibatalkan kerana kegiatan-kegiatan memudaratkan keselamatan dan perintah awam atau permintaan sendiri, kena bayar kepada Tabung yang disatukan.

Fasal 18 pindaan memberi peruntukan bagi merayu keputusan Pendaftar untuk dibawa ke pengetahuan Menteri. Lagi satu pindaan yang penting yang dibentangkan berasas kepada syarat-syarat iaitu

AKTA PERTUBUHAN —

Pindaan - 1966	Akta Pertubuhan-Pertubuhannya
1. Mana-mana kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan mengandungi 7 orang atau lebih boleh didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan.	Tambahan lagi, pertubuhan-pertubuhan dikedah mereka melaporkan sendiri berkaitan secara politik (menyertai pilihanraya politik di semua peringkat atau bertujuan mempengaruhi kerajaan di semua peringkat) atau persahabatan.
2. (Pindaan 1972 — Pendaftar mengarah pemegang jawatan hanya dari rakyat negara ini sahaja).	Mereka yang bukan warganegara tidak dibenarkan memasuki pertubuhan politik.
3. Tiada apa-apa rujukan.	Pertubuhan politik tidak dibenarkan menerima wang atau harta berpunca dari luar negeri kecuali disetujui oleh Pendaftar.
4. Tiada apa-apa rujukan.	Pertubuhan diperintah pembatalannya boleh merayu membantah keputusan itu kepada Menteri Dalam Negeri. Keputusannya muktamad dan tidak boleh dicabar di mahkamah.
5. Tiada apa-apa rujukan.	Orang yang telah dihukum denda \$2,000 atau lebih atau dipenjarakan selama satu tahun atau lebih hilang kelayakan dari memegang jawatan selama 5 tahun selepas dibebaskan. Si bankrap yang belum lepas, orang-orang yang otaknya tidak siaman dan orang-orang yang di bawah perintah buang negeri atau sekatan tempat kediaman juga hilang kelayakannya.
6. Tiada apa-apa rujukan. (Pindaan 1972 — Pendaftar boleh melarang perhubungan dengan pertubuhan luar negeri)	Pertubuhan yang menghendakkan perhubungan luar negeri mesti memohon kepada Pendaftar.
7. Pendaftar atau Pembantu Pendaftar diberi kuasa masuk, dengan kuasa kalau perlu, dan memeriksa bangunan-bangunan pertubuhan yang disyaki digunakan untuk tujuan yang mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam, kebajikan, peraturan dan akhlak.	Tiada apa-apa perubahan.
8. Pendaftar mesti mendapatkan kebenaran Menteri mendaftarkan sesebuah pertubuhan jika (a) pertubuhan itu mungkin menjejaskan keselamatan negara, peraturan awam atau (b) jika ia itu suatu pertubuhan atau kumpulan bersifat politik ditubuhkan di seberang laut atau mempunyai perhubungan di luar negeri.	Syarat (b) dimansuhkan tetapi Pendaftar mesti mendapatkan kebenaran Menteri untuk mendaftar sebarang pertubuhan atau kumpulan dengan luar negeri atau perhubungan di luar negeri — tidak kira sama ada ia nya bersifat politik atau tidak.
9. Tiada apa-apa rujukan.	Pendaftar diberi kuasa memerintah membuang ahli jawatankuasa atau penasihat pertubuhan bukan politik — rayuan muktamad boleh dibuat kepada Menteri Dalam Negeri sahaja, keputusan tidak boleh dicabar di mahkamah.

Bagaimana Perubahannya

<p>Pindaan yang dicadangkan 1982 ditarik balik</p> <p>Keperluan untuk didaftar secara politik atau persahabatan dipotong.</p>	<p>Pindaan yang dicadangkan dalam tahun 1983</p> <p>Keperluan untuk didaftarkan secara politik atau persahabatan dipotong.</p>
<p>Larangan keseluruhannya ke atas warganegara asing dibuang tetapi kuasa Pendaftar untuk "rakyat sahaja" - peraturan tetap kekal.</p>	<p>Larang keseluruhannya ke atas warganegara asing dibuang tetapi kuasa Pendaftar untuk "rakyat sahaja" tetap kekal.</p>
<p>Semua pertubuhan berdaftar dilarang dari menerima wang atau harta yang berpunca dari luar negeri.</p>	<p>Larang mendapatkan wang, harta yang berpunca dari luar negeri dipotong. Pendaftar boleh meminta butir-butir tentang wang atau harta diterima dari luar negeri.</p>
<p>Tiada apa-apa perubahan.</p>	<p>Seksyen Kecil melarang rayuan kepada mahkamah dipotong.</p>
<p>Tiada apa-apa perubahan.</p>	<p>Tiada perubahan, tetapi Fasal mengatakan rayuan kepada Menteri Dalam Negeri menentang hilang kelayakan tidak boleh dicabar dalam mahkamah, dibuang.</p>
<p>Tidak ada perubahan yang penting dicadangkan.</p>	<p>"mesti memohon" Fasal dibuang. Pertubuhan tidak perlu memohon kepada Pendaftar jika meminta perhubungan luar negeri. Namun demikian, pendaftar mengekalkan kuasa untuk memerintah "tidak dibenarkan perhubungan luar negeri". Dan Pendaftar boleh meminta nama-nama dan alamat-alamat pertubuhan-pertubuhan perhubungan luar negeri.</p>
<p>Lain-lain pegawai diberi kuasa oleh Pendaftar, berkuasa masuk memeriksa bangunan-bangunan.</p>	<p>Pendaftar, pembantu Pendaftar atau Pegawai Pendaftaran mesti memberi notis kepada pertubuhan sebelum memasuki bangunan-bangunan untuk diperiksa sebarang cara pun.</p>
<p>Tiada apa-apa perubahan.</p>	<p>Pendaftar tidak perlu meminta kebenaran-kebenaran Menteri. Pendaftar sekarang tidak boleh menolak mendaftar sesebuah pertubuhan bergabung kepada sesebuah pertubuhan yang telah dipotong pendaftarannya.</p>
<p>Tiada apa-apa perubahan.</p>	<p>Pendaftar hilang kuasa memerintah untuk membuang pemegang jawatan atau penasihat.</p>

Pendaftar dan pegawainya berkuasa memasuki tempat perniagaan atau tempat mesyuarat sesebuah pertubuhan. Sekarang tidak ada syarat-syarat yang sedemikian disebut. Tindakan seperti ini hanya boleh diadakan jika pegawai-pegawai mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa kegiatan-kegiatan melanggar sebarang Akta peruntukan.

Notis harus diberi kepada mana-mana ahli-ahli jawatankuasa pekerja sebelum kemasukan dilakukan ke sebarang tempat dipunyai atau digunakan oleh pertubuhan untuk mencari dan memeriksa semua buku-buku, akaun, catatan mesyuarat dan lain-lain dokumen disimpan oleh pertubuhan itu.

Untuk menarik balik Rang Undang-undang 1982, Datuk Musa mengesahkan bahawa adalah "tidak bersesuaian dengan polisi kerajaan liberal". Namun begitu, beliau memberitahu bahawa tindak-tandak kerajaan tidak menjadikan kemenangan bagi mana-mana satu kumpulan pertubuhan atau parti-parti pembangkang. Kerajaan, kata beliau, hanya "menimbulkan tindakan atas sesuatu yang tidak memuaskan tentang Rang Undang-undang bagi kepentingan rakyat. Kami rela mengakui kesilapan dan saya percaya inilah kekuatan kami."

Memang benar kejayaan kempen menentang Akta Pindaan Pertubuhan 1981 bukan kemenangan mana-mana kumpulan yang berpengaruh. Malah, adalah kemenangan bagi rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama yang telah berganding bahu menentang apa yang mereka dapati undang-undang yang kurang baik dan tidak adil. Walau bagaimanapun, dalam pada itu, kehormatan dan kepujian harus diberi kepada Anwar yang telah menyatukan rakyat yang berbagai bangsa dan kumpulan untuk mencapai satu tujuan.

Suatu tugas yang begitu penting yang telah diamanatkan kepada Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Menteri ialah penubuhan Bank Islam, yang julung-julung kalinya diadakan di Malaysia. Sejak memasuki pihak kerajaan beliau telah diminta membantu dalam penubuhan Bank itu dengan cara-cara yang disyorkan oleh jawatankuasa yang mengendalikan Bank Islam. Laporrannya telah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir oleh pengerusinya, Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman, yang juga selaku Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri.

Yang hadir di mesyuarat itu ialah Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim. Dr. Mahathir berkata bahawa Jawatankuasa telah berpendapat bahawa penubuhan bank seperti ini mungkin dapat dilakukan dan dapat menjalankan per-

niagaan dengan sendirinya. "Semua kajian dibuat atas Bank itu menunjukkan ia boleh dikelolakan tanpa mengeluarkan faedah," kata Dr. Mahathir, yang menumpukan perhatiannya kepada bank yang dicadangkan. Di bawah hukum Syariah, undang-undang yang dijalankan oleh Bank itu adalah dilarang mengambil faedah kerana iaitu menjadi riba atau amalan meminjamkan wang dengan mengenakan bunga yang tinggi.

Pada mulanya, modal Bank itu diperolehi dengan sumbangan dari Kerajaan Persekutuan, agensi Islam yang berhubungan dan badan-badan kerajaan. Kerajaan pusat akan memegang 30 peratus saham, Lembaga Urusan Tabung Haji 10 peratus, PERKIM 5 peratus, Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Negeri 25 peratus dan Agensi Ekonomi Islam Negeri seperti Yayasan Ekonomi Islam dan Bait-ul-mal (Perbendaharaan Islam) 10 peratus sementara badan-badan seperti Felda dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera akan memegang 10 peratus, dan yang lainnya disumbangkan oleh lain-lain pertubuhan Islam.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa penubuhan Bank Islam tidak langsung menjejaskan perjalanan bank-bank perdagangan yang sedia ada dan institusi kewangan yang serupa itu. Tetapi mungkin wujud unsur-unsur persaingan di antara bank baru itu dengan institusi kewangan yang sedia ada. Dr. Mahathir mengaku pada hakikatnya bahawa institusi pelaburan seperti Amanah Saham Nasional mungkin terjejas sedikit dengan penubuhan Bank itu kerana pelabur-pelabur akan mempunyai lebih pilihan jalan keluar. Katanya Bank itu sanggup menerima wang cagaran dari orang-orang bukan Muslim serta projek-projek kewangan yang ditanggung oleh mereka selagi projek sedemikian tidak melanggar Hukum Syariah.

Sungguhpun Bank baru itu akan pada seluruhnya bercorak Malaysia, ia akan cuba memupuk pertalian perniagaan dengan bank-bank Islam di lain-lain tempat. Ia juga akan mengekalkan perhubungan perdagangan dengan bank perdagangan dalam negeri. Perdana Menteri berkata bahawa Jawatankuasa waktu mengesyorkannya telah memikirkan pengalaman beberapa bank Islam yang perniagaannya sedang berjalan di tempat-tempat seperti di Dubai, Sudan, Pakistan, Switzerland dan Luxembourg. Dua Rang Undang-undang baru — iaitu Rang Undang-undang Bank Islam dan Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan dan empat Akta yang sedang wujud, yakni Akta Syarikat 1965, Akta Urusan Bank 1973, Akta Syarikat Kewangan 1963, Ordinan Bank Pusat akan dipinda.

Rang Undang-undang dan pindaan telah dibentang di awal Sidang Anggaran Belanjawan Parlimen dalam bulan October 1982. Jawatankuasa dalam laporannya telah mengambil keputusan bahawa bank yang dijalankan mengikut hukum Syariah boleh ditubuhkan di Malaysia. Penubuhannya akan mendatangkan keuntungan kepada kaum Muslim dan memperdagangkan dengan bersendirian. Memandangkan pada hakikatnya bahawa urusan Bank Islam adalah mengikut konsep baru, maka hanya sebuah bank seperti ini sahaja harus ditubuhkan pada peringkat awal dan pertubuhan lain-lain bank sedemikian patut berdasarkan atas pengalaman bank yang pertama itu. Penyertaan Kerajaan serta agensi-agensi sebagai pemegang saham bank itu dikehendaki menyokong institusi baru serta menanamkan keyakinan orang ramai terhadapnya, sementara urusannya diawasi oleh Bank Negara. Suatu Jawatankuasa Syariah khas akan ditubuhkan oleh bank baru itu untuk memberi nasihat atas kegiatan-kegiatannya dari aspek keagamaan.

Selain daripada kegiatan-kegiatan urusan bank dijalankan mengikut Syirkah, wedi'ah serta murabahah, bank itu boleh juga mengusahakan urusan wakaf harta pesaka yang ditinggalkan oleh orang-orang yang telah meninggal dunia.

Bank Islam yang tidak mengenakan faedah atau bunga akan mempunyai modal yang disahkan sebanyak \$500 juta, iaitu \$100 juta dibayar pada peringkat permulaannya. Nama yang dicadangkan ialah Bank Islam Malaysia. Bagi menggantikan faedah, bank akan memberi kepada penyimpan-penyimpnannya, yang berkemungkinan terdapat orang bukan Islam, menerusi dividen yang berdasarkan kepada sistem pembahagian untung-rugi. Bank itu akan melengkapkan semua bidang kegiatan urusan perniagaan. Datuk Seri Mahathir memberitahu ini setelah menerima laporan mengenai penubuhan Bank itu. Dr. Abdul Halim Ismail, Ketua Ahli Ekonomi Bank Bumiputra adalah Pengarah Bank itu.

Orang yang paling gembira sekali atas penubuhan Bank Islam yang pertama ini, adalah tidak lain dan tidak bukan Anwar Ibrahim yang sudah lama menaruh minat dalam projek ini. Anwar telah menggunakan banyak masa dan tenaga untuk kejayaan bank itu. KEPADANYA perkara ini adalah seperti impian yang benar-benar berlaku.

Yang menandakan begitu penting sekali bank itu bagi Anwar adalah apa yang diumumkan olehnya waktu beliau kembali dari Saudi Arabia. Kata beliau bahawa Kerajaan Saudi akan membantu penubuhan Bank Islam itu. Putera Mohamed Faisal, Pengarah Bank

Islam di Saudi Arabia, telah memberi perjanjian bertulis untuk mengambil bahagian dalam usahasama dalam projek bank itu di Malaysia.

Anwar telah berceramah dengan para pemberita setibanya beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang setelah mengunjungi Jeddah selama 40 hari. Beliau berkata beberapa orang pegawai akan dihantar untuk berkursus di Institusi Ekonomi Islam dan Urusan Bank di Cyprus, Sudan dan Mesir yang dimiliki oleh Putera Mohamed Faisal. Pegawai-pegawai itu akan membuat kajian secara terperinci mengenai konsep dan pelaksanaan Bank Islam. Kata Anwar lagi Malaysia akan menghadiri Persidangan Bank Islam di Dubai. Semasa kunjungannya, Anwar menerima peruntukan permulaan sebanyak \$100,000.00 sebagai jaminan peruntukan permulaan dari Sekretariat Islam untuk menubuhkan Pusat Belia Islam Antarabangsa. Katanya peruntukan itu telah diluluskan oleh Timbalan Setiausaha Agung, Sekretariat Islam, Sheikh Bakery Deram. Pusat itu akan dibina di Kuala Kubu Baru oleh Kerajaan Persekutuan dan Perhimpunan Belia Muslim Sedunia (WAMY).

Dalam bulan Disember 1982 semasa berada di Kota Kinabalu, Sabah, Anwar telah memberitahu yang Kerajaan telah memberi jaminan bahawa tiada kumpulan yang akan menggunakan Universiti Islam Antarabangsa untuk kepentingan sendiri. Beliau memberitahu para pemberita bahawa kerajaan tidak fikir yang derma atau sumbangan dari luar negeri akan menjadi masalah. Kerajaan menyambut baik apa-apa jua bantuan kewangan dari mana-mana negara juga untuk penubuhan dan pengurusan universiti itu yang akan mempunyai Lembaga Pengarah yang terdiri daripada wakil negara yang menderma.

Anwar berkata Kerajaan akan menentukan yang university itu akan dilaksanakan bebas dari dipengaruhi oleh mana-mana penderma. Universiti itu akan menumpukan semata-mata atas kejayaan ilmiah yang teristimewa. Beliau telah menjelaskan perkara ini kepada suatu rombongan dari Libya yang mengunjungi Kuala Lumpur.

Kerajaan Libya telah bersetuju memperuntukkan kewangan dan bantuan teknik kepada Malaysia terhadap penubuhan Universiti Islam Antarabangsa. Encik Ali berkata: "Kerajaan Libya tidak akan teragak-agak menawarkan bantuan, baik teknikal mahupun kewangan kepada Malaysia dengan semangat persaudaraan di kalangan Muslimin." Penubuhan Universiti Islam itu, kata beliau, adalah besar ertinya dan tidak ternilai kepada pelajar-pelajar di rantau ini dan lain-lain bahagian di dunia. Beliau rasa bahawa

perhubungan Anwar dengan lain-lain pertubuhan Islam di seluruh dunia tidaklah syak lagi membantu untuk meninggikan martabat universiti itu ke tahap antarabangsa.

Kerjasama dan bantuan yang sama dari Libya akan diberi supaya pelaksanaan Bank Islam itu berjaya, kata Encik Ali. Dia menambah bahawa penubuhan Bank Islam akan menjadi suatu peristiwa yang bersejarah — bukan sahaja bagi Malaysia, bahkan lagi bagi negara Muslim yang lain. "Penubuhan Bank Islam berlaku tepat pada waktunya untuk menyedarkan bahawa undang-undang Islam boleh dipraktikkan dalam semua bidang, khususnya dalam urusan bank," tambahnya lagi. Mengenai Bank Islam itu, Timbalan Menteri itu berkata ia akan berjalan dengan sepenuhnya dalam bulan Julai.

Sebelum itu Anwar telah bertemu dengan pelajar-pelajar Yayasan Sabah, ITM dan cawangan kampus UKM di Dewan Kemajuan Masyarakat Rakyat di Sembulan, Sabah. Beliau berkata tidak ada perselisihan antara usaha-usaha kerajaan menyebabkan penyesuaian nilai-nilai Islam dalam cara hidup kebangsaan dan polisinya memandangkan ke Timur. Polisi itu, tegasnya, bukan hendak mengubah cara hidup Malaysia kepada cara hidup Jepun, tetapi menjadikan nilai positif seperti kerajinan dan disiplin biasa bagi masyarakat Malaysia seperti yang dikehendaki oleh Islam. Beliau juga berkata bahawa kerajaan menggalakkan pensyarah-pensyarah kampus tempatan menyuarakan kritik-kritik yang membina dan saranan-saranan atas pembangunan kebangsaan. Beliau berkata kepimpinan 2M mengandungi jawapan kepada pandangan yang membina yang akan dapat menghasilkan perubahan yang mendatangkan faedah kepada negara dan rakyat.

Menjelang pertengahan tahun 1983 adalah jelas dan nyata bahawa Anwar telah menjadi seorang yang paling penting dalam bidang politik di Malaysia. Dalam bulan Jun tahun itu, beliau adalah salah seorang daripada 4 orang Menteri yang dipilih oleh Dr. Mahathir dalam rombakan kecil kabinet. Beliau telah ditugaskan mengetuai Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Menteri yang lain-lain adalah Datuk James Ongkili (Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri), Datuk Chin Hon Ngian (Menteri Kesihatan) dan Datuk Shahrir Abdul Samad (Menteri Wilayah Persekutuan).

Setelah diumumkan rombakan Kabinet itu, Anwar memberitahu para pemberita yang beliau akan mengucapkan terima kasih di hadapan khalayak ramai kepada Perdana Menteri kerana telah menaruh keyakinan dan kepercayaannya ke atas dirinya." Sebagai Pengerusi Majlis Belia Malaysia saya memang terlibat dengan

pergerakan beliau dalam kementerian tersebut, oleh itu tugas itu tidaklah semata-mata baru kepada saya," katanya lagi. Semasa membuat keputusan perlantikan itu, Perdana Menteri mungkin boleh menegaskan selanjutnya tentang kelayakan beliau. Sungguhpun berusia 35 tahun sahaja, Anwar telah menjadi Menteri penuh, iaitu Menteri yang kedua termuda dalam Kabinet Malaysia.

Anwar sekarang adalah seorang ahli politik yang berpengalaman dan cekap. Yang lebih penting lagi, beliau telah menunjukkan keazamannya untuk mengekalkan prinsip-prinsipnya dan dedikasinya terhadap Malaysia sebagai sebuah negara yang penduduknya bersatu dan bangsa yang adil dan saksama. Semoga-moga beliau hidup dengan selamat dan sejahtera.

Kata-Kata Sahabat Serta Sahabat Seperjuangan

Tiga orang sahabatnya yang telah berdamping rapat dengan Anwar iaitu Encik Kamaruddin Mohamed Noor, Naib Presiden ABIM, Encik Kamaruddin Jaafar, Setiausaha Agung ABIM dan Encik Fadlulah Wilmot seorang pendeta dan pengarang. Semuanya amat menghormati Anwar sebagai pemimpin, pendeta dan seorang yang bijak berpidato.

Encik Kamaruddin Mohamed Noor telah kenal Anwar dari sejak menuntut di universiti lagi. Sungguhpun mereka itu sebaya umurnya — 35 — Anwar adalah satu tahun kanan daripadanya waktu mereka mula-mula bertemu di Universiti Malaya. Beliau telah mengganti Anwar sebagai Pengarah Yayasan Anda Akademik. Pada pendapatnya, Anwar telah memberi khidmat yang tidak ternilai kepada ABIM. Beliaulah yang utamanya bertanggungjawab atas perkembangan Belia Muslim, pertubuhan yang terbesar sekali dengan bilangan ahlinya seramai lebih daripada 50,000 orang. Hari ini ABIM mempunyai ahli di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sawarak.

Apakah sesuatu ciri-cirinya yang telah menjadi Anwar sebagai seorang pemimpin yang popular dan berjaya. Yang pertama sekali ia mempunyai bakat semula jadi memikat dan mempengaruhi orang. Penglibatannya dalam ABIM telah menjadikan pertubuhan itu kukuh serta berfaedah kepada masyarakat, kata Encik Kamaruddin. "Anwar telah membuktikan kepada sahabat seperjuangannya bagaimana hendak berubah mengikut perubahan masa. Beliau telah menegaskan perlunya perubahan supaya pertubuhan dan institusi-institusi dapat berkhidmat dengan lebih baik lagi di kalangan masyarakat," kata Encik Kamaruddin. Semasa Anwar dalam Majlis Belia Malaysia Beliau telah menjadikannya suatu pertubuhan menyumbangkan perkhidmatan yang amat bernilai bagi keperluan belia-belia dari semua kaum.

Anwar juga telah membimbing Kesatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Muslim Malaysia dan Persatuan Bahasa Universiti Malaya. Anwar telah menunjukkan bagaimana pertubuhan-pertubuhan ini boleh memainkan peranan yang lebih bererti jika lebih berbakti daripada cuma bercakap-cakap sahaja. Apabila ditanya tentang ke-

jayaan Anwar dalam bidang akademiknya, khususnya di Universiti Malaya, Encik Kamaruddin berkata Anwar adalah pemegang ijazah dengan kepujian tetapi (Encik Kamaruddin menambah kata) Anwar mungkin dapat berbuat lebih baik lagi jika beliau (Anwar) tidak begitu bergiat dalam masalah sosio-ekonomik. Encik Kamaruddin telah memuji Anwar kerana perkhidmatannya yang berdedikasi.

Sesuatu yang juga menarik ialah penghormatan yang diberi kepada Anwar oleh Encik Kamaruddin Jaafar, Setiausaha Agung ABIM, yang beroleh rekod akademik yang istimewa. Beliau memegang Ijazah (Sarjana Muda — Sastera dengan kepujian dalam bidang Sains Politik, Universiti Malaya sebelum memasuki Universiti Kent di Coutenbury, England). Kemudian beliau memasuki School of Oriental dan African Studies, Universiti London di mana beliau beroleh Sarjana dalam Sains Politik. Ketika beliau balik dari England dalam 1977 beliau menjadi pensyarah di Jabatan Sains Politik di Universiti Kebangsaan, Bangi, Selangor.

Menurut Encik Kamaruddin, Anwar menyertai beberapa kegiatan semasa beliau berada di Kolej Melayu, Kuala Kangsar. Semenjak itu beliau telah berkali-kali mengunjungi dan menemui pelajar-pelajar serta guru-guru di situ. Encik Kamaruddin berkata, Anwar adalah penyokong Kesatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia yang aktif. Beliau juga penyokong Persatuan Ambulans St. John dan Briged Ambulans St. John.

“Kami semua dapati bahawa Anwar bukan sahaja seorang pemimpin yang cekap tetapi juga seorang yang baik hati budi pekertinya,” tambah Encik Kamaruddin lagi.

Seorang lagi yang telah mengenali dengan Anwar Ibrahim selama 10 tahun yang lalu ialah Encik Fadullah Wilmot, Pengarah Penerangan Majlis Dakwah Islam Kawasan Asia Tenggara dan Pasifik.

“Anwar ialah seorang ahli pidato yang cekap dan berkesan yang dapat menawan jiwa dan mempengaruhi pendengar-pendengarnya di mana-mana juga beliau berpidato,” kata Fadullah Wilmot. Beliau menambah kata lagi bahawa Anwar telah diundang memberi ucapan di Persidangan Hal-Ehwal Agama Islam bukan sahaja di Malaysia bahkan di negara-negara lain termasuk negara Jepun. “Anwar adalah seorang yang selalu bercakap dengan terus-terang dan berbuat sesuatu dengan jujur dan ikhlas,” kata Encik Wilmot, serta menambah kata, “Anwar tidak pernah mencerca sesiapa pun. Beliau disukai dan disayangi oleh ramai orang.”

Seorang lagi yang rapat dengan Anwar ialah Nasaruddin Abdul

Jalil, berusia 28 tahun, beliau ialah Setiausaha Sulitnya. Seorang yang berijazah dari Universiti Malaya, juga memegang ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perhubungan Antarabangsa (International Relation) dari Universiti Bradford, United Kingdom. Seorang pelajar yang handal dalam serba kegiatan di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris), Rawang, dalam tahun 1977. Nasaruddin terikat dengan Anwar semasa mendengar beliau berceramah waktu dia dalam kelas Senior Cambridge. Setelah lulus Sijil Tinggi Pelajaran, Nasaruddin memasuki Universiti Malaya di mana beliau adalah Setiausaha Agung Persatuan Islam 1976—77. Dalam tahun 1983 beliau adalah seorang penyelaras rancangan untuk menjadikan Anwar sebagai ahli Parlimen bagi kawasan Permatang Pauh di Province Wellesley.

Nasaruddin memberitahu saya yang beliau tertarik hati dengan falsafah peribadi dan hati Anwar yang tulus ikhlas yang memberikan "pandangan baru". Pada pendapatnya, Anwar menggesa pelajar-pelajar "berfikir sendiri dan bertindak mengikut kehendak batin mereka sendiri". Nasaruddin menambah lagi, "Anwar menyediakan ucapannya sendiri. Beliau adalah fasih dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Ramai tertarik hati mendengar waktu beliau berucap."

Dr. Ahmad Totongi, Penolong Setiausaha Agung Perhimpunan Belia-belia Muslim Sedunia (WAMY) telah memberi penghormatan kepada perkhidmatan yang cemerlang diberi oleh Anwar selama 6 tahun sebagai wakil bagi Asean dan rantau Asia Tenggara. Dr. Totongi berkata Anwar telah memberi sumbangan yang amat besar atas kejayaan pertubuhan itu di rantau Asia Tenggara, dan menambah kata bahawa "WAMY sungguh menghargai jasa-jasa beliau". Anwar, yang telah dipilih menjadi wakil pertubuhan itu bagi rantau ini di dalam tahun 1976, meletakkan jawatan itu tidak lama sebelum Pilihanraya dalam tahun 1982 untuk bergiat dalam politik.

Ujian yang lebih keras lagi daripada yang dialaminya sesudah ini dan akan dihadapi di masa-masa akan datang semasa menjalankan tugas-tugas sebagai Ketua Pemuda UMNO dan sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Setengah penyokong-penyokongnya dan pemujanya memberitahu saya bahawa Anwar terpaksa menghapuskan beberapa rintangan untuk mengatasi beberapa cabaran yang akan ditempuhinya. Namun, mereka mempunyai keyakinan bahawa dengan analisa yang terakhir beliau akan dapat mencapainya dengan gilang-gemilang.

Tidaklah ragu-ragu lagi yang pada suatu hari nanti beliau akan

menjadi seorang pemimpin Malaysia yang amat masyhur dan yang diagung-agungkan kelak. Beliau adalah seorang pemuda yang mempunyai penuh keyakinan. Sebilangan besar rakyat yang telah saya temuramah menyatakan pandangan mereka bahawa sudah takdirnya bahawa Anwar akan memainkan peranan yang penting dalam hal-ehwal negara di masa-masa yang akan datang.

Mengikut pendapat Cik Joan Lim, Anwar Ibrahim adalah seorang yang mempunyai prinsip yang suka memilih, tidak mahu berada di peringkat bawahan dan mengikut perintah sahaja, tetapi menguasai nasibnya. Beliau seorang yang suka menimbulkan pertikaian dan mempunyai kuasa yang menawan hati sesiapa juga yang mendengar ceramahnya dan kata-katanya menyerap ke sanubari pendengarnya.

Inilah penghormatan dari Cik Joan Lim kepada Anwar Ibrahim:

"Seorang pemegang Ijazah Universiti Malaya (dalam jurusan Pengajian Melayu), bolehlah disifatkan sebagai "Nakhoda Gagah Perkasa (Captain Courageous)." Selaku pemimpin pelajar berbagai-bagai kumpulan, beliau telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana dituduh terlibat dalam tunjuk perasaan pelajar-pelajar. Tetapi beliau berdiri teguh dengan penuh keyakinan atas pendiriannya. Beliau adalah salah seorang daripada pengasas sebuah sekolah untuk memberi peluang kepada "murid-murid tercicir — kurang tajam akal." Saya lebih suka menamakan sekolah ini, sebuah sekolah yang memberi peluang lagi kepada murid-murid yang kurang bernasib baik, tetapi mengapa pula hendak merumitkan fikiran sahaja dengan perkara hendak menamakan sekolah ini? Apakah disibukkan dengan namanya? Misalnya kita ambil bunga ros, kalau kita berikan nama lain, baunya tetap wangi juga.

Saya sungguh menghargai apa yang telah dilakukannya kepada anak-anak yang kurang bernasib baik ini selama beberapa tahun (November 1971 sehingga Jun 1978). Saya pun telah berbuat demikian selaku Guru Besar, Methodist High School, Pulau Pinang iaitu memberi peluang kepada mereka yang ingin hendak melanjutkan ke Tingkatan VI dan memasuki peperiksaan STP. Malangnya, kurang bernasib baik kerana tidak ada tempat di sekolah Kerajaan untuk memberi peluang lagi sekali kepada mereka yang hendak mengulang di Tingkatan III atau V. Kami lengkapkan murid-murid ini untuk berjuang dalam hidup. Lebih-lebih lagi, kami bentukkan mereka supaya menjadi rakyat yang berguna dan sebagai seorang yang layak dan berhak hidup bersama.

"Anwar Ibrahim menumpukan perhatian terhadap orang-orang yang miskin di kawasan luar bandar yang masa depan mereka adalah

gelap sekali. Beliau berasa belas kasihan terhadap murid-murid ini dan hendak memperjuangkan untuk kepentingan mereka. Beliau adalah orang yang mengkritik kerajaan, yang selalu berterus-terang dan berani, khususnya mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri. Beliau memperlihatkan tindakan yang kejam ini yang tidak mengikut demokrasi yang sebenarnya yang menjadi kelaziman di negara Malaysia.

Beliau adalah bekas pemimpin ABIM, Angkatan Belia Islam Malaysia. Sekarang beliau hendak menekan sesuatu dengan berkesan kepada Dunia Islam kerana pada pendapat saya, apa-apa juga yang beliau ucapkan sungguh mengagumkan, boleh diterima pada akal, teratur serta tepat. Kewajipan Anwar terhadap keadilan dan kebenaran, akhirnya akan diperlihatkan dalam perjuangannya bagi kebebasan dan keadilan untuk mengatasi timbang rasa perkauman yang sempit. Oleh kerana semua ini serta kepimpinannya yang amat bernilai, penyokong-penyokongnya (dan jumlahnya begitu ramai sekali) menghormati dan mempercayainya, mereka sanggup mendengarnya dan terus bertungkus-lumus untuknya kalau diperlukan. Maka tidaklah menghairankan bila beliau dipilih sebagai "Malaysian of The Year" oleh suratkhbar *The Star* kerana beliau telah melakukan sesuatu yang sungguh-sungguh berkesan kepada masyarakat Malaysia dalam tahun 1982.

Dalam beberapa bulan sahaja beliau telah dapat mempengaruhi masyarakat Malaysia. Dalam bulan Mac 1982 beliau memasuki UMNO setelah diajak oleh pemimpin-pemimpin UMNO supaya bersama-sama berjuang dengan mereka dalam parti itu. Dalam pilihanraya yang telah diadakan dalam bulan April 1982 beliau telah bertanding dalam Kawasan Parlimen Permatang Pauh dan telah menang dengan kelebihan undi yang banyak.

Memang seperti biasa beliau telah ditanya iaitu selepas memasuki pihak kerajaan, adalah beliau meninggalkan keyakinannya tentang apa yang diperjuangkannya dan sebaliknya menyesuaikan diri dengan apa yang telah ditetapkan. Jawapannya ialah Kerajaan 2M telah membuat tindakan sama seperti yang beliau sendiri telah mempertahankan dalam perjuangannya.

"Kepimpinan baru oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam menggunakan "Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah" sebagai manifesto pilihanraya mereka dan ini sudah tentu akan memandu perubahan-perubahan yang diperlui dan ini telah menyebabkannya menang dalam pilihanraya itu. Memang ada baiknya Anwar berganding bahu dengan dua orang yang gagah

perkasa, yang bijaksana yang jauh pandangannya serta orang yang lebih menilaikan kepada proses melakukan sesuatu. Tidaklah ada gunanya Anwar terus melaung-laung "seperti anjing menyalak bukit". Setelah memasuki parti itu, bolehlah beliau memperhebatkan lagi perubahan-perubahan dan meneruskan perjuangannya dengan lebih berkesan lagi melalui UMNO. Konfrontasi tidak akan mendatangkan apa-apa hasil, manakala dengan bekerjasama dengan kerajaan baru adalah lebih baik. Bersatu teguh, bercerai roboh.

UCAPAN-UCAPAN TERPILIH

Persidangan Antarabangsa Teknologi Dan Islam Majlis Penutupan Rasmi Persidangan Antarabangsa Teknologi dan Islam di Kuala Lumpur pada 5hb Jun 1983

Yang dihormati, saudara dan saudari, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Universiti Teknologi Malaysia di atas usahanya menganjurkan persidangan ini. Ianya Perayaan Yang ke 10 universiti ini, bahkan ia memberi peluang kepada para cerdik pandai dan ahli-ahli sains untuk berbincang di atas kemajuan teknologi, yang tidak syak lagi menjadi satu isu yang hangat di dalam masyarakat yang membangun. Kita mengakui pendidikan tradisional dan Ilmu Sains telah berkembang di dalam Islam. Kita juga mengakui tamaddun Islam dan permulaan Ilmu Sains sebagai satu tatacara dan hukum keagamaan yang unik yang telah menyumbangkan kepada perkembangan sains dan teknologi barat. Sebagai para cendekiawan, saya percaya saudara dan saudari akan bersetuju dengan saya bahawa kita tidak lagi boleh berpuashati dengan hanya menggalakkan konsep keislaman yang unggul yang telah lepas, hidup semula. Sebaliknya kita mestilah bersungguh-sungguh dan berkebolehan dalam menggunakan hukum-hukum Islam berdasarkan kepada Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, ke arah kesedaran kerohanian dan masyarakat yang bercorak saintifik, dan juga ke arah tajdid, dalam proses pembaharuan di dalam bidang sains dan teknologi.

Alhamdulillah, sesuatu yang berkenaan sedang dan akan dihidupkan. Kita menekankan ke atas faktor suasana dan persekitaran kerana semangat yang bercorak saintifik dan tradisi intelektual tidak muncul di dalam sesuatu ruang. Sains, tidak syak lagi adalah satu fenomena kebudayaan. Maafkan saya kerana menekankan mengenai kebudayaan di akhir-akhir ini. Sains, tidak syak lagi sebagai satu fenomena kebudayaan yang membangun menerusi nilai-nilai dan pengetahuan kemasyarakatan. Di atas ketepatan alasan inilah maka kami memilih dan menyokong serta memberi penghargaan kepada Tan Sri, juga universiti ini untuk menganjurkan persidangan ini. Pentadbiran yang ada sekarang ini di Malaysia adalah untuk mengembalikan perhatian orang-orang Islam dan juga rakyat Malaysia keseluruhannya untuk menilai Islam

dalam gaya fahaman menerusi pengertian yang waras.

Tema yang diperjuangkan dewasa ini misalnya ialah ke arah kepimpinan yang cekap, membenteras rasuah, meninggikan taraf hidup di kalangan masyarakat yang miskin dan menguatkan nilai-nilai yang positif iaitu berdisiplin, cekap, berusaha dan mempunyai minat dalam mengejar ilmu pengetahuan, dalam mana kami terus menggalakkan kemajuan sains dan teknologi. Kita mahu menumpukan kepada manusia, insan dan kami terus mengingatkan diri sendiri di atas keadaan krisis di barat, kejatuhan moral, nilai-nilai etika dan krisis alam sekitar berpunca dari kemusnahan dimensi-dimensi sesuatu tenaga teknologi. Konsep keislaman seseorang, sama ada dia seorang jurutera atau seorang ahli sains, membenarkan mereka menggunakan segala daya fikiran untuk menggunakan dengan baik segala bahan-bahan yang terdapat di sekelilingnya yang dijangka akan menjadi tuan yang kejam ke atas bahan-bahan yang semula jadi tidak dikawal. Manusia telah diperingatkan di dalam Al-Quran supaya tidak memutuskan hubungan dengan Allah setelah mereka berjaya dan menyebarkan rasuah atau fasad di muka bumi ini. Dunia Al Quran mengemukakan taraf manusia sebagai pemegang amanah Allah, di mana peraturan semula jadi yang telah wujud, di atas kemahuan penciptanya memenuhi dan menjadikan ahli-ahli sains dan ahli-ahli teknologi bertanggungjawab kepada Allah di atas segala usaha percubaan saintifik mereka.

Yang berhormat saudara dan saudari, kemampuan adalah satu tanggungan dan kuasa alam semula jadi yang termaktub tanggungjawab untuk dan kepada Allah S.W.T. Kita semua tahu dan biasa mengulangi Hadis Rasulullah SAW dan ayat suci Al Quran bukan sahaja menunjukkan mustahaknya besi di dalam tamaddun manusia tetapi juga bagaimana besi atau dalam hal ini teknologi kemanusiaan dapat disempurnakan. Ketakjupan kuasa Baksyin Hadid yang diwarisi di dalam besi dengan sendirinya menunjukkan tidak sahaja di dalam pengeluaran senjata-senjata tetapi juga meningkatkan daya kecenderungan manusia untuk mengukuhkan pembangunan dan menambahkan teknologi yang komplikated yang mana penempatan jentera-jentera di kedudukan yang sesuai dilihat oleh manusia dan oleh sifat semula jadinya menarik dan daya tenaga telah merobah manusia daripada segala perhubungan di dalam dengan alam semula jadi. Proses peningkatan kejenteraan ini tidak akan mengancam rangkaian kumpulan manusia yang mana akhirnya membawa kepada kemusnahan yang berlarutan kepada moral luar-biasa dan nilai-nilai kerohanian.

Perbincangan kamu yang bernas pada tiga hari yang lepas di atas tema persidangan ini adalah sesuai dengan keadaan masa. Ia memberi kita peluang yang tidak ternilai untuk mencari jalan dan cara untuk menahan kelembapan teknologi dengan tidak menjunamkan kepala ke dalam suasana dan juga krisis moral yang telah menjadi pengalaman yang merugikan sebahagian besar negara-negara yang telah maju. Satu lagi sumbangan yang bermakna di persidangan ini ialah integrasi fizikal dan meta-fizikal aspek-aspek teknologi kemanusiaan di dalam rangkaian aturcara di mana ahli-ahli sains kebendaan gementar dengan buah fikiran yang bermacam-macam aduk dengan perbincangan-perbincangan saintifik dan kuliah moral serta kerohanian. Kertas-kertas yang telah disampaikan di dalam persidangan ini telah membawa kamu ke dalam kerumitan teknologi angkasa lepas di satu sesi dan tanpa kemaafan dibawa pula secara halus ke dalam ruang alam khayalan dan kebenaran mistik kerana ini ada kaitan dengan teknologi Islam seterusnya. Ini biasanya dan kemungkinan pendekatan kepada Islam yang unik kerana zahir di luar dan bathin di dalam, adalah berkaitan di dalam pandangan dunia Islam sebagaimana jasmani dan rohani tidak boleh dipisahkan di dalam kehidupan manusia.

Saya gembira mendapat tahu bahawa persidangan ini juga telah menghuraikan perbezaan antara kategori Muslim dan Islamik. Muslim dirujuk kepada manusia yang telah secara rasmi memilih Islam sebagai agamanya dan Islamik ialah kualiti penglibatannya kepada ajaran-ajaran Islam, nilai-nilai, norma dan kesempurnaannya. Ini membayangkan bahawa teknologi yang digunakan dan dikeluarkan oleh ahli-ahli sains Muslim tidak secara automatik bercorak keislaman di dalam ertikata secara terus menurut kehendak-kehendak Al Quran Nulkarim dan Sunnah Rasulullah SAW. Kita sudah menghuraikan dengan tepat keperluan bagi masyarakat Muslim untuk meningkatkan jumlah dan kualiti jurutera-jurutera dan ahli-ahli sains Muslim yang bertanggungjawab kepada nilai-nilai keislaman sebagai satu pendidikan yang utama, supaya negara-negara Muslim tidak sahaja dapat membebaskan diri sendiri dari belunggu bantuan kuasa-kuasa besar bahkan akhirnya akan bersaing atau akan mendahuluinya kuasa-kuasa besar tersebut di dalam bidang teknologi yang lebih maju.

Hari ini keinginan-keinginan ini akan dicap oleh pemerhati dan diejek sebagai mimpi di siang hari. Tetapi dengan kecekalan, Istiqamah, pandangan yang lurus, dan pertolongan serta rahmat dari Allah S.W.T., mimpi-mimpi ini akan menjadi kenyataan di masa

akan datang, tidak berapa lama lagi. Dunia Muslim, berkat dari teknologi moden di dalam perhubungan dan pengangkutan, telah menjadi sebuah dunia yang kecil yang bergantung antara satu sama lain, yang mana membenarkan pemindahan teknologi yang cepat kepada negara-negara Muslim yang lain.

Kami di Malaysia memandangkan ke hadapan kepada buah fikiran dan bahan-bahan keluaran yang lebih maju dari saudara-saudara Muslim kami di lain-lain tempat di dunia ini. Persidangan serupa ini adalah amat berfaedah dan wajar di dalam membawa kaum Muslimin dan ingatan keislaman bersama kepada perbincangan di atas isu yang mana melibatkan masa depan kita yang umum dalam peraturan-peraturan asas. Berilah saya, sebagai penutup, mengucapkan tahniah kepada saudara kita Tan Sri, Naib Canselor, Universiti Teknologi Malaysia kerana menjemput ke persidangan yang bersejarah ini dan kesediaan untuk menyesuaikan pendekatan Islam kepada pembangunan teknologi di Malaysia. Kepada para peserta dan saudara-saudara dari luar negeri yang baru sahaja kembali atau yang akan kembali ke negeri masing-masing, saya mengucapkan selamat jalan, Mas Assalamah, dan berharap akan dapat berjumpa lagi di lain majlis yang akan datang. Dengan kata ini, dengan Allahuakbar dan Bismillahhirrahmanirahim, saya dengan ini mengistiharkan persidangan ini ditutup.

*Penyelesaian kepada Masalah Masyarakat
Majmuk
Kongress ke 8 ABIM — Angkatan Belia Islam Malaysia
Pada Bulan Julai 1979 di Bangi, Selangor*

Berucap di pembukaan rasmi kongres, Anwar mengingatkan golongan Islam akan tanggungjawab utama mereka untuk meneruskan perjuangan Islam sehingga Islam menjadi agung di keseluruhan hidup masyarakat. Islam mesti berkuasa, di dalam kehidupan seseorang dan juga masyarakat. Ia mesti berkuasa ke atas institusi-institusi, dan juga jabatan-jabatan pentadbiran yang mengeluarkan dan mengedarkan segala kekayaan dan kemewahan. Islam menuntut umatnya untuk merujuk kepada kebaikan dan makruf dengan meninggalkan kemungkaran, berjuang merubah bentuk masyarakat dari keadaan kezaliman dan kebathilan menuju kepada keadilan dan kebenaran Islam. Justeru kerana itu para pendukung Gerakan Islam haruslah tampil muncul sebagai pewaris dan penerus perjuangan yang suci bagi mencetuskan perubahan yang menyeluruh dalam sistem kepercayaan, keperibadian sehinggalah tercerna sistem Islam dalam seluruh kehidupan kita.

Golongan Islam seluruhnya mestilah menyedari akan tugas mereka untuk menerapkan nilai-nilai suci dalam kehidupan masyarakat. Islam adalah sistem penghayatan; dan sistem ini akan hanya wujud dengan kegigihan perjuangan penganutnya. Oleh itu mereka tidaklah harus mudah gempar dengan ugutan dan sindiran. Tugas mereka jauh terlalu besar untuk digugat oleh jeritan yang berdasarkan sentimen melulu dan prasangka.

Perlu dijelaskan bahawa golongan Islam tidak punyai pilihan selain dari meneruskan perjuangan suci ini. Untuk bersikap kelu membisu di tengah-tengah kepincangan bererti mengkhianati perjuangan dan melarikan diri dari tugas.

Atas keinsafan ini jugalah maka ABIM memilih untuk turut membahaskan persoalan masyarakat majmuk yang kami anggap sebagai persoalan yang amat berkaitan dengan kehidupan dan kepentingan masa depan masyarakat Malaysia seluruhnya. Bukanlah maksud muktamar ini untuk memberikan jawapan kepada setiap masalah

yang dibangkitkan; tetapi kami akan bersyukur sekiranya muktamar ini dapat menimbulkan minat masyarakat untuk membahaskan persoalan ini serta memberikan kesedaran bahawa Islam punyai formula tersendiri yang mahu kita kemukakan sebagai alternatif. Fahaman perkauman dan prasangka ras terutama manakala disahkan melalui institusi atau diterapkan sebagai fahaman meluas perkauman kebudayaan lantaran sikap terlalu mengagungkan bangsa sendiri. Fahaman ras dan fahaman sehubungan dengannya seperti menurut pengertian sekarang berpangkal dari kejatuhan Empayar Rom dan luntur-lunturnya ikatan gereja. Perkembangan ini telah disokong terutamanya teori Calvin mengenai kelompok manusia pilihan (Elect) dan terkutuk (Damned). Prasangka ras ini begitu menebal di kalangan masyarakat barat sehinggakan tidak ada seorang pun yang boleh dikatakan benar-benar bebas dari pengaruh tersebut. Abraham Lincoln, pemimpin Amerika Syarikat yang berusaha bagi menghapuskan perhambaan di negaranya juga mewakili pandangan sedemikian. Beliau dilaporkan pernah berkata seperti berikut:

"Sepertimana juga orang lain, saya cenderung untuk mendapatkan kedudukan tinggi bagi bangsa kulit putih."

Bahkan amalan dan perlaksanaan di kalangan masyarakat Islam adalah catatan tinta emas dalam sejarah peradaban umat manusia. Amat tepat sekali sekiranya diperturunkan rumusan pendapat ahli sejarah Arnold Toynbee berhubung dengan potensi agama ini sebagai penyelesaian berdasarkan kecemerlangan amalannya.

"The extinction of race consciousness between Muslim is one the outstanding moral achievements of Islam, and in the contemporary world there is, as it happens, a crying need for the propagation of this Islamic virtue. The foes of racial tolerance, which at present seem to be fighting a losing battle in a spiritual struggle of immense importance to mankind, might still regain the upper hand if any strong influence militating against racial consciousness were now to be thrown in to the scales. It is conceivable that the spirit of Islam might be timely reinforcement which would decide this issue in favour of tolerance and peace."

Kesedaran Islamlah umpamanya yang telah merobohkan seluruh dasar kesedaran perkauman yang menjiwai Malcolm X, salah seorang tokoh terkemuka kulit hitam Amerika Syarikat yang pernah menyarankan konsep keagungan kulit hitam dan kebencian terhadap bangsa kulit putih. Ramai kalangan yang terkejut apabila beliau yang kemudian dikenali dengan nama Abdul Malik Sabaz

menggambarkan kesan ibadah Haji yang dikerjakannya. Keyakinan baru inilah yang mendorongnya untuk terus berjuang bagi menegakkan cita-cita Islamiyah dan dengan itu juga menyelesaikan penyakit 'barah perkauman' di Amerika meskipun beliau dapat meramalkan bahaya terhadap dirinya. Beberapa ketika sebelum beliau dibunuh, beliau menyatakan.

"Sekiranya saya boleh mati setelah membawa cahaya dan setelah menonjolkan sesuatu kebenaran yang bermakna yang boleh menolong memusnahkan 'barah perkauman' yang merupakan sebuah badan pengancam di Amerika - dan ini adalah merupakan kepujian atas kehendak Allah. Hanya kesalahan-kesalahan yang berpunca dari saya."

Perubahan-perubahan tersebut berlaku hanya kerana umat Islam bersungguh-sungguh menghayati Islam secara menyeluruh. Keyakinan berdasarkan paksi tauhid semestinya mendorong kita untuk merubah akhlak, fahaman dan keperibadian seluruhnya selaras dengan tuntutan Islam. Gejala inilah yang diperhatikan dalam proses pengIslaman di Kepulauan Melayu yang disebutkan sebagai "zaman baru" di rantau ini.

Menurut Prof. Naguib Al Attas, kedatangan Islam berbeda dari agama sebelumnya, telah merubah pandangan hidup masyarakat Melayu-Indonesia, dari pandangan hidup yang bersendikan kesenian kepada landasan falsafah dan secara berperingkat-peringkat proses pengIslaman menjalar untuk mempengaruhi cara hidup masyarakat Melayu-Indonesia seluruhnya. Jelasnya, kedatangan Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia adalah berdasarkan kepada rationalism dan pengetahuan akliah serta menegaskan suatu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan, keadilan, dan kemuliaan keperibadian insan. Tuntutan budi dan akal mengenai hal-hal agama, keagamaan dan kemurnian batin serta ilmu mengenainya, tersebar luas dan mendalam.

Sehingga kerana Islam jua Bahasa Melayu telah lama tersebar luas sebagai lingua franca bersama giat dan suburnya keadaan perdagangan di pelabuhan-pelabuhan perpantauan antarabangsa, sehingga kini mungkin dapat menjadi bahasa rasmi lebih dari 100 juta manusia di Asia Tenggara.

Perubahan nasib sejarah Kepulauan Melayu-Indonesia ini lebih nyata lagi apabila kedatangan Islam telah menimbulkan faham keperibadian sendiri, faham kebangsaan terhadap masyarakat Melayu-Indonesia. Faham universalisme Islam juga telah meleburkan faham kedaerahan, yang menyekat rangka perkembangan di per-

pantauan Asia Tenggara dan meluaskan ruang perhubungan masyarakat ke dunia Islam seluruhnya. Namun begitu, kehilangan keperibadian masyarakat Melayu-Indonesia kini makin lama semakin terasa, akibat dari pemutusan sejarah Islam lampau, sebagai hasil dari pengabaian terhadap Islam. Percubaan telah dikerjakan dengan berbagai cara dan rupa untuk menggambarkan sejarah Islam tetapi tiada membawa kesan penting supaya ruang kekosongan tersebut segera dapat diisi dengan faham-faham barat secara dangkal dan menimbulkan masyarakat perpinggiran yang kagum dengan pengaruh barat tetapi jahil terhadap kebudayaan sendiri.

Penyisihan dari Islam berlaku dengan penggantian nilai dan norma hidup barat, kehairahan mengejar kemajuan ekonomi dengan mengenenpikan prinsip kerohanian dan akhlak serta penonjolan aspek-aspek 'kebudayaan' Melayu pra-Islam atas nama kebudayaan kebangsaan turut digembelngkan.

Kita sentuh mengenai Islam di Kepulauan Melayu ini untuk menegaskan corak dan dasar keperibadian masyarakat yang dibentuk oleh Islam. Masyarakat Melayu haruslah berwaspada dalam mempertahankan ciri-ciri kelslaman dalam keperibadian mereka dan tidak mengizinkan kemurniannya dinodai oleh faham perkauman sempit atau apa yang disebut kini sebagai kebangsaan etnik. Proses pengislaman dalam ertikata peningkatan fahaman dan amalan Islam di kalangan masyarakat mestilah digalakkan terus - supaya dapat dikekalkan kebenaran ajarannya, kesederhanaan cara-caranya, sikapnya yang toleransi dan risalahnya untuk melaksanakan keadilan yang melewati batas-batas perkauman.

Sebagai gerakan Islam, kita haruslah mampu mengupas dan mengemukakan Islam sebagai satu fahaman universal dan meningkat untuk membebaskan diri dan masyarakat dari belenggu fahaman penjajah dan ikatan kefanatikan (ta'asub) perkauman dan kedaerahan. Tugas ini tetap berat kerana ramai dari para cendekiawan Muslim terperangkap sebagai pewaris idea-idea penjajah di negara merdeka dan sebagai peniru kebudayaan asing. Tambahan pula mereka sedar bahawa nasionalism etnik, bahasa, budaya dan ekonomi merupakan lagu yang enak didengar dan mudah diterima oleh masyarakat.

Barang diingat bahawa pertentangan fahaman di antara Islam dan 'colonised intellectuals' yang mengkagumi nilai dan norma hidup barat masih berterusan. Di antara usaha bagi menyangkal kebenaran serta keutuhan Islam adalah dengan menakut-nakutkan rakyat terhadap kemaraan Islam, golongan Islam serta peraturan hidup

Islam. Kita tidak bermaksud untuk menafikan akan wujudnya beberapa masalah kecil yang mungkin berbangkit akan tetapi tidaklah benar untuk dihubungkan semua kegiatan yang dianggap negatif itu dengan Gerakan Dakwah.

Pemupukan nilai-nilai hidup yang mempersatukan masyarakat tidak dapat dilaksanakan tanpa pertimbangan moral atau diselarikan dengan penebalan fahaman kebangsaan etnik. Tepat sekali penjelasan failasuf Muhammad Iqbal bahawa kedua-dua fahaman nasionalis dan sosialis ateistik, sekurang-kurangnya dalam suasana masyarakat sekarang, didorong oleh tenaga psikologis berdasarkan kebencian dan syak wasangka yang akan melemahkan jiwa insan dan menutup kekuatan rohani yang tersembunyi.

Dalam konteks masyarakat yang majmuk Malaysia, langkah utama haruslah ke arah penghakisan aliran perkauman sempit dan cauvinism. Persefahaman yang dicapai di antara kaum dianggap sebagai satu 'quid pro quo' berdasarkan prinsip tolak-ansur di antara masyarakat Melayu dan bukan Melayu. Walaupun sifatnya terbatas, akan tetapi kesepakatan yang dicapai seharusnya dilaksanakan dengan jujur tanpa mengorbankan prinsip-prinsip akhlak dan keadilan. Dasar-dasar seperti bahasa seharusnya bukan lagi menjadi bahan pertikaian sekiranya perlaksanaannya tegas dan disamping itu dihormati hak bahasa lainnya, diajar dan dikembangkan secara terbatas dilingkungan masyarakat mereka. Akan tetapi lebih penting dari soal-soal tersebut ialah hal-hal yang berkaitan dengan soal keadilan itu sendiri, sama ada terhadap individu atau golongan di bidang-bidang politik, ekonomi dan sosial.

Kami berkeyakinan bahawa semua golongan yang berkenaan akan bersikap ikhlas dan serius mengenai fahaman Islam, konsep dan prinsipnya, dan mereka akan mengakui Islam sebagai satu pilihan yang praktik dan teguh di dalam peraturan hidup ini. Kita juga percaya dengan menolak sekatan-sekatan yang tidak adil di atas kebebasan individu mahu pun golongan yang boleh memberi sumbangan ke arah perkembangan fikiran yang sehat. Sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi mesti digalakkan untuk menyemaikan semangat keIslaman yang universal bagi memecahkan rintangan-rintangan kemasyarakatan dewasa ini.

Intisari Program-Program Berasaskan Islam

*Seminar Kebangsaan Belia dan Pembangunan
di Universiti Malaya pada 26hb November 1982*

Sekarang kita telah mengetahui setengah orang cuba mengubah cadangan polisi kerajaan kepada suatu senjata politik. Kita berbicara misalnya, mengenai ura-ura untuk menyemaikan nilai-nilai kerohanian di dalam kehidupan kita. Kita berbicara mengenai Universiti Islam, Bank Islam dan cadangan kemasukkan kebudayaan Islam di dalam kurikulum universiti.

Masalahnya terlalu banyak mereka yang mengaku mengetahui dan membuka mulut sebelum mereka mengetahui lebih lanjut apakah yang akan berlaku. Mereka lebih gemar jadi pembaca fikiran tetapi mereka hanya setakat di kulit sahaja. Gulungan ini sentiasa dipengaruhi secara sengaja atau tidak sengaja oleh jalinan kulitnya dan bukan pada hakikat kehidupan mereka sebenar.

Kemunculan program-program yang berasaskan Islam bukanlah bertujuan untuk mengislamkan semua orang. Islam tidak bermaksud untuk memaksa mereka mempercayai dan memeluknya. Hak memilih adalah terletak dalam tangan seseorang. Tetapi apakah matlamat kita? Kita sekarang sedang berpura-pura untuk menghubungkan jurang jasmani-kerohanian di negara kita.

Setakat ini program-program pembangunan telah pun dilaksanakan ke arah meningkatkan kualiti kehidupan kita. Kita telah pun berjaya. Dan kita juga berkebolehan untuk mencapai lebih dari apa yang kita impikan. Gaya dan tenaga Gaya dan tenaga serta kemajuan jasmanian telah dapat dilihat dengan mata kasar. Masalahnya kita terlalu percaya kepada pandangan mata kasar. Akhirnya kita juga akan menjadi buta. Kita buta kepada kenyataan bahawa pembangunan kerohanian dan semangat telah diabaikan. Ini kerana hati nurani dan jiwa kita dapat dilihat dengan mata kasar.

Sebahagian dari masyarakat kita telah dipengaruhi oleh rasuah, maksiat, tamak, terumbang-ambing tanpa tujuan dan sikap terlampau mengejar kemewahan. Di dalam proses ini, nilai-nilai kemanusiaan telah terhapus. Umpamanya sikap menghormati yang lebih tua sudah kurang diamalkan, pertalian di antara keluarga telah

menjadi longgar dan sikap tidak mengindahkan hal ehwal kejiranan semakin berleluasa. Semuanya ini merupakan faktor yang utama menyebabkan bertambahnya penyalahgunaan dadah di kalangan belia-belia yang telah hilang pegangan di dalam kehidupan mereka.

Kita mesti bertindak tegas untuk memerhatikan kesan-kesan dan punca keruntuhan sosial. Bagaimana cara yang baik untuk dilakukan? Kita mesti membina di kalangan orang-orang kita kekuatan rohani. Inilah sahaja satu jalan sebagai pertahanan. Inilah jalan yang paling baik sebagai benteng kepada penyakit sosial ini. Kita masih terikut untuk menyokong ke arah identiti masyarakat Malaysia dan sebuah negara Malaysia yang bersatupadu. Ini kita percaya akan boleh dicapai menerusi toleran dan kesederhanaan.

Bila kita bercakap tentang daya usaha keislaman, khusus di kalangan kaum Muslimin, kita dengan sendirinya merujuk kepada kehendak-kehendak untuk mencapai kualiti kerohanian yang tinggi dan kehidupan fizikal, paras kesabaran yang tinggi dan kewajipan yang kuat dari segi ekonomi dan sosial yang adil. Tetapi kepuasan-kepuasan ini akan dirasai bersama, seperti mana kita membenci rasuah dan kita tidak memaafkan perbuatan rasuah dan eksploitasi. Usaha-usaha untuk menyatukan kaum Muslimin dan membimbing mereka mendekati kehidupan berlandaskan keislaman bukanlah untuk menukar mereka menjadi penganut agama yang fanatik. Tetapi untuk mengukuhkan keyakinan dan kepercayaan dalam kehidupan yang sederhana dan menyemaikan sikap kesabaran terhadap orang lain.

Oleh yang demikian kita mesti memahami sekarang gambaran disebalik kegiatan Kerajaan menubuhkan umpamanya, Bank Islam. Ianya bukan sebuah bank yang eksklusif untuk orang Islam. Orang-orang bukan Islam boleh menggunakan khidmat bank tersebut. Dan mereka akan dapat menikmati bersama hak-hak dan keistimewaan sebagaimana yang diperolehi oleh rakan-rakan mereka yang beragama Islam. Kita ambil contoh Universiti Islam. Kita pasti akan mengalu-alukan pelajar-pelajar bukan Islam sekiranya mereka ingin belajar di sana. Dalam sejarah sistem pendidikan, kita telah menghantar anak-anak kita ke sekolah-sekolah yang keseluruhannya dikelolakan oleh pengembang-pengembang agama Kristian. Tetapi dari pengalaman-pengalaman kita, bukti telah menunjukkan tidak ada seorang pun orang Islam memeluk agama asing menerusi sistem tersebut.

Seterusnya tujuan kita di sini, sebagai kumpulan orang yang masih muda, tidak harus diraikan oleh ketakutan. Kita mesti berusaha un-

tuk memahami gambaran negara kita di masa akan datang. Kerana, seperti yang kita ketahui, di mana ada penglihatan di situ ada cahaya.

Konsep Keislaman: Pengalaman Malaysia
Ceramah ini disampaikan oleh Anwar Ibrahim di dalam
kursus pengajian di syarahan umum di Tokyo, Jepun
pada 19hb. Disember, 1982.

Kebangkitan semula konsep Keislaman telah menarik perhatian berbagai-bagai sifat perhatian berbagai-bagai sifat golongan di kalangan masyarakat antarabangsa; golongan ini mempunyai pengertian, matlamat, dan objektifnya sendiri. Dekad terakhir telah menampakkan beraneka manifestasi yang menggemparkan di dalam beberapa bahagian dunia keislaman. Di dalam beberapa hal, apa yang dapat dilihat sebagai "Islam Menonjol Sendiri" di dalam suku akhir abad Masihi Yang Ke 20, tidak lebih dari apa yang dialami oleh kebanyakan masyarakat bukan Islam dalam perebutan kedaulatan politik, kebebasan dari cengkaman kelaparan dan kemiskinan, berjuang untuk menegakkan kemegahan dan maruah di kalangan rakyat yang telah ditindas dan dieksploitasi oleh kuasa-kuasa besar di zaman kita ini.

Pada peringkat Gerakan Keislaman dan kaum Muslimin adalah berada di barisan hadapan dalam perjuangan dunia, gambaran penghidupan kembali konsep Keislaman adalah tidak dapat dielakkan. Islam membekalkan ideologi-ideologi pilihan kepada kuasa dogma di kedua-dua Timur dan Barat. Pemulihan tenaga ini merupakan fenomena semasa dan disampaikan di dalam cahaya kebenaran-kebenaran masyarakat zaman ini. Ianya masih segar dan kuat, suasana kemodenan yang agak menghairankan, mempunyai kekuatan untuk menentang daya fikiran di atas kekukuhan alam maya dan seterusnya memberi pilihan yang kuat.

"Kebangkitan semula Islam" sebenarnya satu istilah yang tidak sesuai; ianya memberi gambaran satu gergasi yang sedang tidur lena dan tiba-tiba tersedar. Dia masih di dalam keadaan berpinar-pinar dan masih mengantuk; mungkin sedang menguliti di awang-awangan saki-baki keagungan Islam, antara lain, berkehendakkan proses kesedaran sepenuhnya dengan segera. Hanya di dalam suasana kesedaran sepenuhnya sahaja gergasi ini dapat melaksanakan

kekuatan-kekuatannya untuk mencapai kegemilangan dan keagungan semula bagi Ummah.

Di dalam lain hal, terdapat sebahagian mereka yang bukan Islam tidak menentang Islam dan kaum Muslimin. Tetapi di sebaliknya mereka berasa bimbang mengenai gergasi ini yang akan terlepas dari ikatan ke alam ini seperti yang telah mereka ketahui. Soalan yang pertama yang akan mereka ajukan ialah: Adakah kehidupan kita akan terjejas? Tetapi sebilangan mereka yang lain tidak rela untuk dipengaruhi. Sambutan mereka ini merupakan "Pembelaan yang hina" - untuk bertindak ke atas ancaman yang berpotensi lebih mudah dari mengatasi ancaman yang nyata di masa akan datang.

Istilah "Kebangkitan Islam" adalah tidak sesuai kerana Islam yang sebenarnya, mengelirukan penganut-penganut dan juga bukan penganutnya. Islam tidak tidur dan tidak juga perlu dibangkitkan. Ianya tidak melalui peringkat-peringkat kegiatan atau tinggal terpendam. Islam juga tidak melalui zaman-zaman kebangkitan dan kejatuhan. Islam mesti dipisahkan dari segala kejadian dan kegiatan harian masyarakat penganutnya dan dalam pada itu ia mesti dipandang sebagai tidak mempunyai kaitan dengan skim-skim dan reaksi-reaksi mereka yang bukan menganutnya.

Kalau kita mengatakan 'kebangkitan' bagaimanakah keadaan keinsafan yang kita inginkan? Adakah kita mengharapkan untuk menghidupkan kembali masyarakat Islam yang pertama dan sempurna seperti di Medinah? Adakah kita bermimpi akan kesempurnaan atau mencuba untuk mewujudkan kesempurnaan dengan menghubungkan kepada kenyataan-kenyataan hari ini, dunia kita dan zaman kita. Kalau kita tidak dapat menghidupkan kembali orang mati, ini bukanlah satu sebab bagi kita untuk berputus asa. Kerana takdir telah menetapkan bahawa Islam merupakan sebuah suluh yang sentiasa menyinar ke atas manusia. Terpulanglah kepada manusia itu untuk menerima pancaran cahaya yang tidak akan kabur ditelan masa dan tidak juga ia membenarkan cahayanya dirintangi oleh alat-alat yang menutup sinarannya.

Sesungguhnya kita mesti mengiktiraf prinsip-prinsip dan panduan Islam yang telah sedia wujud sejak zaman berzaman. Negara-negara naik dan jatuh, empayar berkembang dan mundur, sejarah terukir di atas khazanah sehinggakan kepada minit pekerjaan manusia. Dalam semua ini, kita mesti mengakui satu faktor yang amat penting: prinsip-prinsip sejarah itu sendiri telah pun diterangkan di dalam Al Quran. Sebagaimana yang telah tersebut bahawa bumi dan gunung-gunung bertasbih di atas kewujudan Tuhan, maka manusia

dan sejarah, yang mana telah direka dan dibuat semula, adalah sentiasa tertakluk kepada kekuasaan Allah.

Di Barat, revolusi industri dan akhir-akhir ini revolusi teknologi sentiasa mendapat perhatian sebagai peredaran kemajuan. Di dalam proses ini, nilai-nilai dan darjat juga melalui perubahan. Keghairahan menyaksikan perubahan-perubahan dengan tersendirinya telah sampai ke penghujung; penggesaan untuk membaharui semula dan mengubah, memeranjatkan dunia dengan penemuan sesuatu yang luar biasa di dalam aliran zaman sekarang. Ini antara lain, telah menjadi satu etika yang berkuasa di dalam jiwa orang barat.

Mereka mengagungkan perubahan, memperkenalkan perubahan-perubahan sehingga ke peringkat harga maruah yang tinggi yang kemungkinan akan membawa kepada kehilangan sifat-sifat perikemanusiaan. Tetapi ini adalah selera jiwa raga orang-orang barat di mana mereka rela mengubah kembali corak keseluruhan masa yang lepas, untuk membawa perubahan, sesuatu yang baru dan belum dicuba, supaya sejajar dengan keadaan kewujudan mereka.

"PengIslaman" adalah juga satu proses perubahan. Biasanya, ini ada kaitan dengan elemen-elemen yang telah lepas yang tidak diinginkan, yang mana menjadi penghalang perjalanan kemajuan. Kadang-kadang ia terpaksa memandang semula ke belakang sebagai satu cahaya untuk panduan ke arah masa hadapan. Tetapi kejahilan membengkokkan kepada kebangkitan semula masa lampau ke dalam sesuatu peraturan yang mudah dan dogmatik. Proses ini memerlukan idea-idea baru, fikiran dan kreativiti tetapi ia hendaklah berada di dalam lingkungan rangka-kerja panduan prinsip-prinsip dan tradisi-tradisi zaman lampau.

Alasan mengapa ia sentiasa dipandang sebagai satu cubaan untuk membangkitkan kembali zaman lampau kerana sikap luar biasa Islam adalah ke arah kehidupan dan zaman Nabi Muhammad. Tetapi maksud kepada sebuah keperibadian sejarah sepatutnya tidak dikelirukan dengan percubaan untuk memindah keperibadian kita sendiri dan zaman kita dikembali menerusi abad-abad ini.

Kalau kita memahami cabaran-cabaran dan bahaya yang hebat dan wujud, sesuatu yang tidak diketahui, yang luas dalam percubaan kita kepada "kemajuan" akan membawa kita kepada merestui keperluan untuk sesuatu rujukan, sesuatu lambang untuk diberi petunjuk supaya kita tidak terumbang-ambing terlalu jauh. Oleh kerana kita suka mengembara, kita tidak payah belayar ke lautan luas dengan tidak menggunakan kompas dan pengetahuan asas

mengenai pelayaran, supaya kita akan boleh kembali ke pelabuhan.

Ini adalah asas pengenalan Sistem Kelslaman, ketentuan dan keteguhannya berhubung dengan masa depan, punca keteguhan tradisinya, supaya semangat pembaharuan dan peringkatan masih dapat berkuasa. Manusia mesti dibimbing dengan selamat kepada fundamental-fundamental kewujudan mereka sendiri.

Syariah Islam memainkan peranan penting ketika kita merasai kegelisahan oleh kedinginannya, kita juga akan merasai dan mendapat perlindungan dengan sepenuhnya. Mengundur adalah mudah daripada gesaan-gesaan, kemahuan dan hasrat kita, kepada perubahan peraturan untuk disesuaikan dalam perancangan kita tetapi Islam menyuruh kita mengemukakan, mengikuti contoh pemimpin-pemimpin yang telah melalui liku-liku sebelum kita. Dalam lain perkataan, kita buat apa yang difikirkan sesuai dan juga yang elok kepada kehidupan manusia.

Perwatakan fenomena terjadi semasa manusia mencari indentiti, nilai-nilai, keadilan, persaudaraan dan kecintaan di dalam intisari 'proses Kelslaman'. Sesungguhnya tema yang kerap dan proses yang tidak akan berakhir ialah menanamkan semangat yang teguh, keyakinan dan nilai-nilai etika serta mengejar kebenaran dan keadilan. Secara umum, memang wujud di kalangan penganut-penganut Gerakan Kelslaman, bidaah dan sebahagian golongan yang menganggap Islam sebagai satu cahaya yang kabur kepada sebuah dunia yang menghairankan. Saya tidak mencadangkan orang-orang Islam supaya menghindarkan ajaran-ajaran Islam kerana untuk perhubungan awam yang baik tetapi kita tidak mahu orang-orang Islam yang mempunyai semangat yang berlebihan yang mengubah rupa-bentuk dan memesongkan Islam. Jurucakap-jurucakap yang buruk adalah lebih buruk dari tidak ada jurucakap langsung.

Fenomena dunia luas di atas kebangkitan Islam tidak meninggalkan kesan kepada orang-orang kita, terutamanya kepada belia-belia kita, sungguhpun di dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama, masalah yang terikat adalah lebih mencabar. Bagaimana, langkah yang panjang telah dibuat untuk memperkenalkan dan meninggikan status Islam, dan menanamkan semangat dengan teguh serta berulang-ulang di atas nilai-nilai kelslaman di dalam semua aspek perjalanan negara, tetapi kita masih belum puas hati.

Tetapi kita akan melalui peluang untuk membuat kemajuan yang tetap dan nyata, sekiranya kita gagal melahirkan fikiran dan kata-kata yang jelas di atas isu yang nyata, masyarakat sezaman, kita akan memulakan dan menghuraikan sesuatu rancangan-rancangan

yang praktikal dalam membina keazaman untuk hidup berlandaskan kepada cara-cara Islam. Seorang Muslim mesti berkeupayaan untuk menjalani hidup di dalam tata-cara yang benar mengikut keimanan mereka, dalam lain perkataan, seseorang itu mesti dikawal sepenuhnya oleh keseluruhan sistem-sistem kompleks-ekonomi, sosial, politik - yang menjalani kehidupannya.

Ketika proses-proses dan program-program memerlukan masa, kita mesti memahami keinginan untuk mengetahui dengan cepat akan kesan-kesannya. Sekiranya kita mengetahui risiko-risiko dan cabaran-cabaran yang terlalu tinggi, maka kita akan berdaya untuk membuat terlalu banyak kesalahan dan menimbulkan banyak kebimbangan serta membangkitkan perasaan di kalangan mereka yang tidak nampak sesuatu nilai di dalam perjuangan kita. Di dalam segala hal, proses keIslaman ini bukan satu permainan yang terbatas. Ianya bukan satu pertandingan untuk diadili agama mana yang mempunyai kelebihan penyokong dan kekuatan nilai mengikut keadaannya untuk mempengaruhi orang lain.

Adalah satu proses yang sukar untuk mengembangkan idea-idea dan nilai-nilai dalam kehidupan masyarakat, dan dalam proses ini mesti ada pendekatan yang sofistikated. Orang-orang Islam mesti dibawa kepada contoh dan ditunjukkan cara-cara hidup yang sesungguhnya bermakna dan berfaedah, bersesuaian kepada masalah-masalah dunia hari ini, dan juga menawarkan satu pilihan kepada sistem buatan manusia yang disebar oleh orang-orang timur dan barat.

Tetapi kita mesti mengelakkan kecenderungan yang negatif untuk menimbangankan daya-usaha 'keterangan' keIslaman sebagai satu sekular yang perlu atau sebagai anti-keIslaman. Nilai-nilai keduniaan yang memperkenalkan pertumbuhan individu dan masyarakat adalah sebahagian serta membendung kewujudan manusia itu. Dia menghindarkan perkara kepada bahaya diri sendiri. Kerana inilah kita rekomen orang-orang Malaysia supaya memandang ke timur, mengikut contoh Jepun dan Korea, kepada nilai-nilai positif yang dipelajari oleh rakyat negara-negara ini di dalam kehidupan mereka. Sebahagian dari orang-orang Islam cuba menunjukkan keseimbangan dan sifat-sifat sinis untuk mempelajari daripada sistem-sistem 'orang asing' kerana berdasarkan kepada pengalaman mereka yang negerinya di barat.

Mengenai perhubungan kita di barat, nilai-nilai barat adalah sentiasa merupakan amalan murah dan palsu. Menerusi pendidikan ekonomi, dan sistem-sistem pentadbiran yang telah diperkenalkan

oleh pemerintah kolonial dan kita telah terbawa-bawa dengan cara kehidupan mereka. Sekarang kami sedang memandang jauh ke luar batasan negara kami sebagai rakyat yang bebas dan mereka yang menentukan ke atas permulaan sesuatu usaha dan polisi yang akan mengukuhkan kedudukan kita di dalam masyarakat di dunia ini.

Memandang ke timur tidak akan menyerupai dan dianggap sebagai tiruan di atas nilai-nilai, kepercayaan dan amalan rakyat Jepun. Ianya bukan satu godaan ke arah timur dan tidak juga sebagai cetusan emosi terhadap barat. Jepun telah mengubah corak negaranya ke dalam sebuah kuasa ekonomi yang terbesar menerusi pilihan yang adil dan saksama, serta mengubahsuaikan idea-idea barat dalam asas teknologi.

Jepun tidak pernah dipengaruhi oleh tamaddun barat. Ianya hanya mengakui bahawa sistem barat telah menghasilkan material-material kemajuan. Contohnya di dalam penggunaan teknologi 'Crystal-quartz' untuk mengukuhkan ketepatan yang telah dihasilkan oleh pengetahuan barat di dalam awal tahun 1940an. Tetapi kemahiran orang-orang Jepun telah mengubah corak rekacipta tersebut ke dalam satu kejayaan industri dan dalam proses ini telah mengancam dan menghapuskan pereka teknologi itu. Hari ini pihak barat telah mempelajari dari Jepun di dalam sesuatu bidang industri.

Soalan yang dikemukakan oleh rakyat Malaysia, apakah rahsia sebenarnya disebalik kejayaan ini. Pada fikiran kami, rahsia-rahsia ini tersemat di dalam jiwa dan sikap orang-orang Jepun di dalam kehidupan mereka. Ini ada kaitan dengan tradisi orang-orang Jepun.

Kemungkinan ini ada hubungan dengan prinsip 'bushido' dan semangat Samurai dan kemegahan serta kepercayaan, kebolehan diri sendiri yang mana mereka akan mencapai apa yang termampu oleh manusia. Kemungkinan juga, kerana kepercayaan kamu dalam mengejar kemajuan di dunia, pekerja-pekerja seharusnya tidak diperhambakan. Kami memahami akan asas perhubungan-perhubungan perindustrian, contohnya, bermula dari konsep 'olybunkobun' iaitu dari bapa-ke-anak. Inilah punca kami mengalih pandangan mata ke timur. Kami cuba untuk menapis sesuatu yang baik dalam ciri-ciri kebudayaan Jepun iaitu teknologi, pengurusan yang cekap, disiplin dan etika-etika kerja untuk dipadankan kepada yang terbaik yang kami sedia ada. Tradisi keIslaman sejak dahulu lagi telah meletakkan asas untuk orang-orang kami mencapai keperluan kekuatan kerohanian untuk menghadapi cabaran-cabaran hidup. Tetapi juga dalam beberapa tahun kami dibendung oleh

pemerintahan kolonial, ianya berjaya menarik orang-orang kami dari kekuatan kerohanian.

Tugas kami yang mencabar di Malaysia ialah untuk meletakkan dua bahagian yang mudah. Yang pertama untuk mengukuhkan asas-asas kekuatan kerohanian berdasarkan atas prinsip-prinsip keIslaman. Kami mempunyai keyakinan yang tegas bahawa kita akan dapat melahirkan satu keteguhan moral, amanah, keseluruhan masyarakat yang takut kepada Tuhan. Sikap mereka dan kegiatan-kegiatan mereka yang memberi faedah kepada semua. Daya-usaha keIslaman kami tidak akan bersendikan paksaan kepada yang bukan Islam supaya menjadi seorang Muslim. Di negara kami, konstitusi melindungi setiap hak rakyat mengenai keagamaannya.

Kami membekalkan kemudahan-kemudahan yang diperlukan dan panduan-panduan semata-mata untuk orang-orang Muslim mempraktikkan hidup sebagai orang Muslim yang tulin. Islam mengajar ke jalan kesederhanaan, toleransi, ketabahan, keteguhan moral dan kecintaan – sesuatu yang lebih diperlukan oleh masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan kebudayaan.

Kita berharap dengan permulaan asas-asas tradisi keIslaman, keseluruhan penduduk, mereka akan berkebolehan untuk menimbulkan semangat tulin persaudaraan di kalangan orang-orang Muslim dan semangat kejiranan yang mana mengatasi sekatan-sekatan perkauman dan sikap serta pandangan yang sempit. Dalam masa yang sama kita berharap orang-orang bukan Islam memahami sepenuhnya fikiran dan jiwa orang-orang Islam dan juga jiwa mereka sendiri dan kukuhkan kekuatan semangat mereka mengikut kepercayaan mereka.

Cabaran yang kedua, sebagaimana yang saya telah sentuh secara ringkas terdahulu, ialah untuk menoreh tradisi-tradisi yang terbaik dari orang-orang Jepun atau Korea, yang merupakan ciri-ciri kebudayaan yang amat berguna yang dapat membantu negara kita menghadapi dunia cabaran-cabaran. Di sini, sejarah adalah guru yang terbaik. Jepun dahulunya, hampir kepada kemusnahan. Tetapi dengan azam yang kuat dan nekad, rakyatnya tidak pernah diselubungi oleh kekalahan dan putus asa; rakyatnya telah dikalahkan di dalam peperangan senjata tetapi tidak di dalam semangat. Jepun telah menjadi seperti apa yang kita lihat hari ini.

Dalam hal ini, kami adalah lebih beruntung. Kita tidak mengalami penghinaan dan kesedihan – dalam zaman peperangan, tetapi kami berhasrat untuk berada seperti Jepun hari ini, kiranya kami mengam-

bil perhatian untuk mempelajari sesuatu yang terbaik dari mana-mana.

Jepun, di sebaliknya, sebagai pelupur industri di timur, harus bersedia untuk membantu jiran-jirannya yang sedang membangun. Malaysia yang lebih maju boleh berganding tenaga selaras dengan Jepun bukan sahaja di dalam konteks hubungan dua hala tetapi di kalangan konteks yang lebih luas di kawasan Pasifik.

Ahli-Ahli ekonomi dunia telah mengakui kawasan yang akan berkembang, yang akan setaraf dengan Eropah dan Amerika Utara ialah kawasan Pasifik. Kalaulah ini yang terjadi, Jepun terpaksa melebihi usaha untuk wujud bersama dalam satu lingkungan masa secara lebih bermakna, secara rela dan munafaat dengan Asia Tenggara dan jiran-jirannya di Pasifik.

Jepun tidak boleh memikirkan setiap masa untuk menjual bahan-bahan keluarannya di pasaran Asia Tenggara dan di Pasifik, tetapi mestilah memikirkan untuk membantu negara-negara ini dalam proses perindustrian. Malaysia menerusi polisi pandang ke timur, menawarkan Jepun satu peluang yang positif untuk membuktikan kerelaannya membantu jiran-jirannya di Asia.

Kelahiran Semangat Kerohanian Persatuan — Peranan ABIM

*Sessi Khas Sempena Hari Ulangtahun ke 10 Angkatan Belia Islam
Malaysia (ABIM)*

Kuala Lumpur pada 7hb-9hb Ogos, 1981

Dalam aliran ucapannya, Anwar berkata: "Kegiatan yang paling utama ialah pembentukan dan penghasilan satu generasi Rabbanik yang bertanggungjawab." Beliau menekankan perkara ini dalam mengkaji semula kegiatan-kegiatan ABIM selama 10 tahun yang lalu. Dalam menghuraikan tema ini Anwar menggaris pelbagai tugas-tugas yang akan dilaksanakan. Pembentukan generasi kerohanian akan membekalkan panduan dasar pemikiran untuk mempergiatkan persatuan ini ke atas sesuatu prinsip yang kukuh. Peristiwa-peristiwa di dalam dunia Islam, beliau menerangkan, adalah kenyataan-kenyataan yang tersangkal, diterima sebagai sumbangan-sumbangan oleh generasi yang bertanggungjawab ke arah pembentukan Ummah. Misalnya, ini termasuk sebahagian besar dari umat Islam yang membuang masa bersukaria sedangkan umat Islam yang lain hidup dalam ketakutan, kemiskinan dan penindasan.

"Tabiat utama dalam proses pengIslamatan," Anwar menambah, ketika mengulas kegiatan-kegiatan ABIM, "adalah 'tajdid' atau 'pembaharuan fikiran' - sebagai suatu penyambung pokok pembicaraan". Berhubung dengan perkara ini harus wujud untuk dibawa ke hadapan "tassawur" (konsep) Islam keseluruhannya bukan sebagai sebahagian dari adat agama. Beliau menyatakan bahawa penubuhan ABIM adalah kesan dari pandangan yang teliti di kalangan generasi muda di Malaysia untuk membela Islam sebagai satu cara hidup yang mempunyai pengertian yang lengkap. ABIM bergerak di kalangan persatuan pendidikan menerusi proses kesedaran batin dan sebagai sebuah Gerakan Islam, sudah tentu dari masa kesemasa menyebarkan "amar ma'ruf" nahi mungkar' tidak termasuk bahagian agama, pendidikan, ekonomi, politik tempatan atau antarabangsa," tambah beliau.

Menyentuh di atas perhubungan yang sederhana dan tenteram, yang telah dinikmati oleh ABIM, di pembukaannya yang sederhana,

daripada keriuhan yang tidak sewajarnya yang sedang melingkari Gerakan Keislaman, Anwar menyatakan bahawa matlamat dan polisi tulin Gerakan ini masih diamalkan dan dipelihara. 'Insyallah, ianya masih berjalan seperti yang diharapkan.' Berhubung dengan sebarang kritik adalah berasaskan atas dasar tanggungjawab untuk mempertahankan kebesaran Islam itu sendiri, kerana kebebasan itu akan dirasakan sebagai asas utama bagi mempertahankan kebenaran dan keadilan.

Muktamar telah melantik semula Anwar Ibrahim sebagai Yang DiPertua tanpa bertanding. Beberapa resolusi telah diluluskan. Menyedari akan kedudukan dan masalah yang dihadapi oleh kaum muslimin di Baitul Maqdis dan di Afghanistan, yang mana tidak ada perubahan, penindasan dan penguasaan yang berterusan oleh kuasa-kuasa asing dan kuasa-kuasa imperialis, muktamar mengulangi dan menegaskan pendiriannya mengkritik tindakan-tindakan jenayah dan tidak berperikemanusiaan pencerobohan tentera-tentera dan sokongan dan perpaduan yang berterusan dengan saudara di Baitul Maqdis dan Afghanistan.

Muktamar juga menegaskan suatu tanggungjawab yang kuat akan diteruskan dalam perjuangan bagi mencapai matlamat ABIM. Matlamat ABIM ialah untuk menjayakan kegiatan yang luas meliputi berbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial, politik, pendidikan, perundangan dan bidang antarabangsa.

Lain resolusi yang menyatakan tanggungjawab ABIM ialah berjuang sedaya upaya untuk mencapai kebebasan dan keadilan sebagai prinsip Keislaman yang diiktiraf dan dimuliakan oleh semua, dan menggalakkan persefahaman dan hormat menghormati di kalangan semua bangsa dan agama berdasarkan kepada prinsip keadilan dan etika keseluruhannya.

ABIM merancang untuk meluaskan pengetahuan, menerusi proses Tarbiyah (pendidikan Islam), pendidikan yang lengkap. ABIM mengasakan peranannya sebagai sebuah Gerakan Keislaman, yang membekalkan panduan dan prinsip-prinsip yang kukuh dan membimbing persatuan yang berasaskan atas kepercayaan serta menuju ke arah kegiatan dan amalan yang baik. Pertubuhan menyuarakan kesediaannya untuk bekerjasama dengan semua golongan dalam mencapai dan melaksanakan Islam yang tulin.

Khayalan Yang Menambahkan Kehampaan
Pembukaan Rasmi Persidangan Belia Asia
Pada 20hb April 1974

Berucap selaku Yang DiPertua Majlis Belia Malaysia, di majlis pembukaan rasmi Persidangan Belia Asia pada 20hb April, 1974, Anwar berkata bahawa kata-kata yang bertujuan untuk menarik perhatian mengenai dekad pembangunan akan membawa tumpuan yang mengelirukan pembangunan itu.

Teks ucapan Anwar adalah seperti berikut:-

Bagi pihak Majlis Belia Malaysia, saya dengan sukacita mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri di atas kesudian beliau merasmikan persidangan yang bersejarah ini. Kehadiran Yang Amat Berhormat menunjukkan kecenderungan dan penglibatan Kerajaan Malaysia dan minat YAB sendiri di dalam hal ehwal belia di masa-masa yang telah lalu iaitu pada tahun 1948 di mana YAB telah menandatangani surat akuan Perhimpunan Belia Sedunia (WAY) bagi pihak belia-belie Malaysia pada masa itu.

Perjumpaan ini memenuhi harapan yang telah sekian lama dinanti - harapan yang dirasai bersama oleh belia-belie Asia - satu rangkaian yang kukuh bagi penyelarasan dan kerjasama di dalam bidang yang sama iaitu kegiatan-kegiatan dan cita-cita belia perlulah diwujudkan dengan erat dalam tradisi-tradisi kehidupan orang-orang Asia, di mana perhubungan kekeluargaan dan adik-beradik ditempatkan ke taraf di atas dalam perhubungan kemanusiaan. Setakat ini cadangan penubuhan Jawatankuasa Tetap Persidangan Belia Kebangsaan Asia (SCANYC) adalah dialu-alukan.

Walaupun tidak ada persamaan pertubuhan antara kerajaan Asia seperti yang wujud hari ini, kita tidak mahu dihalang, dan kerana keberanian serta kemahuan bekerja ke arah kebaikan menerusi usaha-usaha kerjasama, maka kita mendapati seperti apa yang kita perolehi sekarang. Ini terutamanya kerana kita mengakui kenyataan bahawa dengan bersatu sesama orang-orang Asia, adalah pasti berlaku memandangkan kepada kebenaran geo-politik dunia hari ini.

Benua Asia dilingkungi oleh beberapa masalah dan tidak sunyi dari krisis, dan jika masalah-masalah dan krisis ini tidak diperiksa

dengan teliti, kita akan menuju ke arah kemusnahan. Ini adalah satu cabaran kepada orang-orang muda untuk berkhidmat sebagai perintis di dalam usaha untuk menyatukan keseluruhan Asia di dalam semua aspek kehidupan antarabangsa. Ini termasuk aspek pengertian persaudaraan dan kedudukan di kalangan kita sendiri, sebagai kumpulan dengan lain kumpulan di kawasan rantau di dunia ini.

Kenyataan bahawa persidangan ini dihadiri oleh wakil-wakil, sebahagian besar dari negara-negara di Asia, adalah bukti yang jelas di atas kesedaran bahawa masalah-masalah kita masalah Asia mesti diselesaikan oleh kita sendiri dan tidak menurut cara yang disuarakan oleh orang lain. Saya berasa pasti keinsafan ini berpangkal dari 'keikhlasan yang tulin' dan kewajipan yang mendalam di dalam diri kita dan saya percaya kerana keikhlasan dan kewajipan inilah kita tidak dapat membenarkan diri kita sendiri diancam oleh perkara-perkara yang mengganggu fikiran dan sesuatu golongan, seperti sebahagian dari kamu telah menyedarinya. Saya sendiri mendapat sukar untuk menjauhkan diri dari gangguan sedemikian sungguhpun diusahakan mengagalkannya.

Rakan-rakan, kalau kita menilai dengan ikhlas sikap menjadi-jadi Dunia Ketiga, dalam mana termasuk Asia, ini adalah 'kebebasan khayalan'. Apa yang telah dihuraikan dahulu sebagai "Revolusi Kebangkitan Harapan" sekarang ini telah merosot ke dalam satu kekecewaan yang menggunung. Ungkapan-ungkapan yang popular mengenai dekad pembangunan telah membawa tumpuan yang mengelirukan. Khayalan ini memberi kebangkitan kepada sebilangan yang bersikap negatif. Ia membiakkan kepatuhan yang lemah dan sebaliknya kepura-puraan yang berhati-hati, kepahitan dan kekerasan pada sebelahnya, sikap tidak mempunyai belas kasihan akan meluas dan di sebahagiannya tidak langsung ambil peduli.

Sememangnya seruan-seruan untuk penelitian dan mendefinisikan semula proses antarabangsa keseluruhannya, banyak anggapan-anggapan tindakan yang baru popular kerana sekarang ini telah nyata dan terbukti kebanyakan janji kerja yang bersangkutan paut dengan konsep pembangunan dan keadilan telah disalah-rumuskan dan mungkin dipertimbangkan untuk disesuaikan kepada sesuatu kepentingan yang istimewa.

Adalah diharapkan perjumpaan ini akan mengambil pertimbangan sebahagian dari maksud yang penting yang telah saya bangkitkan di atas. Seperti yang para perwakilan telah tahu, dan ini ditujukan kepada perwakilan Asian, persidangan ini bertindak sebagai majlis

awalan kepada Perhimpunan Agung ke Lapan WAY di Manchester pada 20hb - 30hb Ogos, 1972.

Sebagai tuan rumah, kami telah cuba sedaya upaya untuk memberi keselesaan yang menggembirakan ketika kamu berada di Kuala Lumpur supaya perbincangan-perbincangan yang kita adakan hari ini dan esok boleh disifatkan sebenarkan mencapai kejayaan cemerlang Belia Asia.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia, Dato' Hamzah Hj. Abu Samah, Naib Canselor Universiti Malaysia, Jawatankuasa Persidangan dan lain-lain yang telah mencurahkan tenaga bakti secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan persidangan ini.

*Anak Kunci Kepada Penyibaran Dakwah Islam
Perjumpaan Tiga Hari Ketua Penerangan Jabatan-Jabatan
Agama di Seluruh Negara
di Kuala Lumpur pada 7hb Mac 1983*

Penyibaran Islam, ancaman dadah dan polisi Pandang Ke Timur dalam konteks keislaman adalah perkara-perkara utama yang ditekankan oleh Anwar Ibrahim dalam merasmikan pembukaan Perjumpaan Tiga Hari Ketua-ketua penerangan berbagai-bagai jabatan agama di seluruh negara pada 7hb Mac, 1983.)

Atas pindaan 'Kanun Kesiksaan' yang telah diluluskan oleh Parlimen tahun lepas, (Anwar menyatakan bahawa ini akan digunakan untuk menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh segolongan kecil yang menentang Islam. Kod ini diperuntukkan kepada mereka yang membuat perundangan dan melaksanakan keadilan ke atas individu-individu tanpa berasaskan pengajaran Islam, kata Anwar. Ada segolongan yang merasakan pindaan-pindaan ini akan menyekat langkah-langkah yang telah diambil untuk menyebarkan Islam. "Tidak ada jalan di mana peruntukkan-peruntukkan akan digunakan untuk menyekat penyibaran Islam di negara ini," kata Anwar lagi. Beliau berkata bahawa dia sendiri akan memastikan tidak ada sekatan, jika ada langkah-langkah akan diambil untuk menghalang mereka.

Anwar menyatakan beliau tertarik hati dengan cara-cara moden yang digunakan di Ibu Pejabat Islam di Jepun. Salah satu cara ialah penggunaan makmal bahasa dalam pelajaran Bahasa Arab. Beliau menyarankan agar pertubuhan-pertubuhan di Malaysia menggunakan alat-alat moden tersebut.

Anwar menyeru pertubuhan-pertubuhan Agama Islam di negara ini supaya mengambil langkah di dalam usaha untuk memerangi ancaman dadah sambil menyebarkan Islam. Beliau berkata bahawa masalah dadah tidak mesti dibebankan kepada pihak Kerajaan sahaja untuk diselesaikan kerana ada 100,000 belia Islam yang juga terlibat di dalam penyalahgunaan dadah. Anwar menegaskan bahawa adalah tanggungjawab pertubuhan-pertubuhan untuk memerangi ancaman tersebut kerana ini adalah punca maksiat. Semua pertubuhan, pen-

tadbiran Islam di negara ini mestilah membantu memerangi ancaman dadah yang mana ia adalah masalah nombor satu negara ini.

Polisi Memandang ke Timur dalam konteks Islam, Anwar menyatakan adalah perlu pertubuhan-pertubuhan menyebarkan Islam dengan menggunakan teknologi moden. Beliau mengesyorkan agar menggunakan alat-alat pandang dengar dan alat-alat perakam radio video program dakwah yang bersesuaian dengan kemajuan teknologi di negara ini.